Kerangka konseptual menggambarkan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang di jelaskan dengan menggunakan gambar rajah grafik (Ghazali & Sufean, 2018). Dalam konteks kajian ini, pemboleh ubah bersandar yang digunakan ialah penguasaan kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan MBPK MP, manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula ialah pengajaran dan pembelajaran menggunakan modifikasi Modul *MakeUpBed* serta pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini. Teori yang digunakan sebagai asas dalam kajian ini ialah Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Gardner (1983). Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada kecerdasan kinestetik badan yang berkait dengan kemahiran mengemas katil tetamu. Aktiviti yang disusun di dalam Modul *MakeUpBed* adalah selari dengan model gaya pembelajaran VAK (Visual, Auditori dan Kinestatik) yang memfokuskan kepada gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestatik.

Bahan pengajaran bertulis (WIM) Operasi pengemasan (HT-050-3:2012) yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. dijadikan rujukan dalam menjalankan proses pembinaan modul, pengkaji memilih untuk menggunakan Model Reka bentuk Instruksional ADDIE sebagai langkah dalam membina modul. Seterusnya, Modul *MakeUpBed* yang telah sedia akan di uji ke atas murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran yang mengikuti program Operasi Pengemasan di SMPKV. Selepas 12 minggu rawatan, murid yang mengikuti eksperimen ini diharap akan dapat meningkatkan kemahiran mengemas katil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5.1 Teori Pelbagai Kecerdasan

Kecerdasan ialah kebolehan menyelesaikan masalah atau menghasilkan sesuatu berdasarkan persekitaran dan kebolehan individu tersebut. Terdapat lapan kecerdasan yang telah dicatatkan iaitu (i) kecerdasan logik-matematik, (ii) kecerdasan bahasa-linguistik, (iii) kecerdasan muzikal (iv) kecerdasan visual-ruang spartial, (v) kecerdasan kinestetik badan (vi) kecerdasan interpersonal (vii) kecerdasan Intrapersonal dan (viii) naturalis. Teori ini menunjukkan bahawa kecerdasan individu boleh ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan (Gardner, 2011). Setiap individu dilahirkan dengan pelbagai jenis kecerdasan dan dapat dipertingkatkan melalui pendidikan yang sesuai, media yang pelbagai serta sokongan yang baik. Dalam erti kata lain, jenis kecerdasan ini akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam kehidupan individu (Gardner, 1993).

Persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang berkesan boleh diwujudkan jika guru dapat mengenal pasti gaya pembelajaran murid yang berbeza-beza (Noor Dayana, Amir, Mahani & Abdul Halim, 2016). Dalam konteks kajian ini, MBPK MP mempunyai masalah untuk menumpukan perhatian dalam jangka masa yang panjang serta mempunyai masalah menyelesaikan aktiviti yang melibatkan prosedur dan susunan. Oleh itu, bimbingan berterusan harus diberikan berdasarkan keupayaan murid sehingga mereka mencapai tahap kecerdasan yang diinginkan berpandukan Modul *MakeUpBed* yang akan dilaksanakan ke atas murid dari Program Operasi Pengemasan. Kecerdasan murid MBPK MP berbeza-beza di antara setiap individu. Justeru, kecerdasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setiap murid terutama kecerdasan kinestatik badan perlu dicungkil bagi meningkatkan kemahiran dalam mengemas katil tetamu. Menggunakan pergerakan motor sebagai sebahagian dari proses belajar, dapat membantu murid belajar dengan lebih baik.

1.5.2 Model Gaya Pembelajaran Visual, Auditori, Kinestetik (V.A.K)

Pembelajaran berlaku secara semulajadi dan sering berlaku tanpa disedari (Pitchard, 2014). Gaya pembelajaran VAK (visual, auditori, kinestetik) adalah salah satu daripada gaya pembelajaran di mana pelajar menggunakan tiga persepsi deria untuk menerima maklumat. Guru boleh mengaplikasikan ketiga-tiga gaya belajar ini bagi memaksimumkan pencapaian murid yang mengikuti program (Radhwan & Dhia, 2016).

Gaya pembelajaran auditori mementingkan arahan lisan atau melalui sebutan ayat yang jelas. Murid dengan Gaya pembelajaran kinestetik akan belajar dengan baik apabila berpeluang melakukan sendiri aktiviti yang diajar oleh guru (Fleming, 2001). Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan ketiga-tiga gaya pembelajaran ini sebagai asas kerangka dalam modul yang akan dibangunkan bagi membantu meningkatkan tumpuan dan pencapaian murid. Penggunaan ketiga-tiga gaya pembelajaran VAK akan menjadikan strategi belajar yang digunakan menjadi lebih baik. Guru perlu menggalakkan murid untuk mengenal pasti dan menetapkan gaya pembelajaran yang sesuai dengan mereka melalui bantuan guru (Tengku Ismadi, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga-tiga elemen yang terdapat dalam gaya pembelajaran V.A.K diterapkan dalam PdP menggunakan Modul *MakeUpBed* dengan tujuan untuk meningkatkan tumpuan murid. Gaya visual diaplikasikan pada penggunaan persembahan *power point*, gaya auditori pula digunakan semasa kaedah syarahan guru dan gaya kinestatik diaplikasikan semasa kaedah demonstrasi dan eksplorasi dijalankan.

1.5.3 Modul Operasi Pengemasan (HT-050-3: 2012)

Kerangka Konseptual Kajian ini juga menunjukkan penggunaan modul asal iaitu Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) sebagai asas kepada modifikasi modul yang akan dilakukan tanpa mengubah kandungan dan prosedur operasi standard yang terkandung di dalamnya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) modifikasi bermaksud proses mengubah sedikit sesuatu supaya sesuai dengan keperluan yang dikehendaki. Dapatan analisa menunjukkan tajuk yang mendapat nilai min tertinggi ialah dari kompetensi unit (CU) 01 Persediaan Bilik Tetamu (*Guest Room Preparation*s) dengan sub aktiviti kerja (WA) 05 *Make Up Guest Bed*. Kompetensi unit 01 mengandungi lapan sub aktiviti kerja keseluruhannya.

Daripada lapan sub aktiviti kerja *Make Up Guest Bed*, satu aktiviti kerja sahaja diambil untuk dijadikan modul bagi kajian ini. Guru yang terlibat dengan tinjauan telah memilih tajuk yang perlu dimodifikasi melalui tinjauan keperluan yang dijalankan. Guru yang mengajar juga berminat untuk melihat implimentasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tajuk ini setelah dimodifikasi selain tajuk ini merupakan tajuk penting yang perlu dikuasai oleh murid dalam program Operasi Pengemasan. Penggunaan modul asal sebagai asas sangat penting untuk memandu arah modul *MakeUpBed* dari segi kandungan yang akan dibangunkan.

1.5.4 Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE

Jadual 1.1 menunjukkan proses yang perlu diikuti dalam membina Modul *MakeUpBed* berdasarkan model reka bentuk instruksional ADDIE. Model ADDIE digunakan sebagai panduan dalam membangunkan modifikasi Modul *MakeUpBed*. Terdapat lima proses yang perlu diikuti mengikut model ini iaitu analisis (*analysis*), reka bentuk (*design*), pembangunan (*development*), pelaksanaan (*implementation*) dan penilaian (*evaluation*). Proses analisis melibatkan lima langkah yang mesti diikuti iaitu proses melibatkan konsep mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid seperti mengenalpasti jurang permasalahan, menetapkan tujuan, mengenalpasti sampel kajian yang terlibat, mengenalpasti lokasi kajian dan menulis kertas cadangan.

Proses kedua melibatkan proses reka bentuk iaitu menentukan objektif yang ingin dicapai dan menentukan kaedah penilaian yang akan dijalankan. Proses ini menentukan alat ukur serta menentukan kaedah penilaian yang akan digunakan. Proses pembangunan modul melibatkan proses membangunkan atau menghasilkan produk yang akan diaplikasikan dengan menggunakan reka bentuk yang telah ditetapkan dalam fasa reka bentuk. Proses ini melibatkan pembinaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kandungan modul, memilih media sokongan, membangunkan panduan guru serta membangunkan buku tugasan murid. Proses pelaksanaan melibatkan proses menyediakan persekitaran pembelajaran bagi menguji modul yang telah dibangunkan dan akan melibatkan murid melalui kajian rintis dan kuasi eksperimen. Manakala proses penilaian pula melibatkan proses menilai hasil Modul *MakeUpBed* yang telah dibangunkan menggunakan alat yang ditetapkan

Jadual 1.1


Reka Bentuk Modul Berdasarkan Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE

Bil	Proses	Konsep	Prosedur
1.	Analisis (*Analyze*)	Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid	1. Mengenal pasti jurang permasalahan. 2. Menetapkan tujuan. 3. Mengenal pasti sampel kajian yang terlibat. 4. Mengenal lokasi kajian. 5. Menulis kertas cadangan.
2.	Reka bentuk (*Design)*	Menentukan objektif yang ingin dicapai dan kaedah penilaian yang akan dijalankan.	5. Menentukan alat ukur modul. 6. Menentukan objektif yang ingin dicapai. 7. Menentukan kaedah penilaian.
3.	Pembangunan (*Develop*)	Membangunkan atau menghasilkan produk yang akan diaplikasikan dengan menggunakan reka bentuk yang telah ditetapkan dalam fasa reka bentuk	8. Membina kandungan modul. 9. Memilih media sokongan. 10. Membangunkan buku aktiviti murid. 11. Membangunkan panduan untuk guru.
4.	Pelaksanaan (*Implement*)	Menyediakan persekitaran pembelajaran dan melibatkan murid	12. Kajian rintis. 13. Kuasi eksperimen.
5.	Penilaian *(Evaluation*)	Menilai modul yang dihasilkan	14. Menentukan kriteria penilaian. 15. Memilih alat penilaian. 16. Menjalankan penilaian.

Jadual diadaptasi dari Branch, (2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian Membina dan Menguji Modul Modifikasi Operasi Pengemasan (*MakeUpBed)* bagi Membantu Murid Bermasalah Pembelajaran Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Tetamu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Definisi Operasional

Definisi operasional bagi istilah yang digunakan dalam kajian ini hanya merujuk dalam konteks kajian ini sahaja. Bagi memastikan pemahaman pembacaan sama ada di pihak penyelidik atau pembaca hanya meliputi dalam konteks kajian ini sahaja maka penjelasan berkaitan istilah yang digunakan dalam kajian ini perlu diberikan. Istilah yang digunakan juga bertujuan untuk memastikan kajian ini bersifat terarah dan dapat mencapai objektif yang telah disenaraikan. Definisi operasional yang digunakan bagi kajian ini ialah (i) kemahiran mengemas katil bilik tetamu, (ii) Program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012), (iii) modul *MakeUpBed* dan (iv) murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.1 Kemahiran Mengemas Katil Tetamu

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Dalam konteks kajian ini, kemahiran mengemas katil merujuk kepada kemahiran yang akan dinilai peningkatannya dengan menggunakan modul *MakeUpBed*. Kemahiran mengemas katil adalah sebahagian daripada Kompetensi Unit 01 *Guest Rooms Preparations* di bawah aktiviti kerja (WA) *Make up Guest Bed* yang terkandung dalam modul Operasi Pengemasan HT-050-3:2012.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.2 Program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012)

Program Operasi Pengemasan dengan kod program HT-050-3:2012 adalah salah satu program di bawah sub sektor pengemasan (*housekeeping*) yang didaftarkan dibawah Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) (Bahagian NOSS, JPK, 2014). secara khususnya menawarkan kursus dalam bidang hospitaliti berlandaskan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang digubal oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2013a).

Dalam konteks kajian ini, program Operasi Pengemasan adalah salah satu kursus yang ditawarkan kepada MBPK MP di SMPKV. Murid akan mengikuti kursus ini berdasarkan SKPK yang telah ditetapkan dalam tempoh dua hingga tiga tahun berdasarkan pengurusan sekolah. PdP akan disampaikan menggunakan Bahan Pengajaran Bertulis (*Written Instructional Materials-WIM*). WIM boleh dikelaskan kepada dua bahagian iaitu (i) bahan pengajaran dan (ii) bahan pembelajaran. Bahan Pengajaran disediakan oleh pengajar untuk pengajar dan dibahagikan kepada lima iaitu (i) Pelan Mengajar Teori dan (ii) Pelan Mengajar Amali. Bahan Pembelajaran disediakan untuk murid dan terbahagi kepada (i) Kertas Penerangan, (ii) Kertas Tugasan, (iii) Kertas Kerja, (iv) Penilaian Teori dan (v) Penilaian Amali. Terdapat lapan unit kompetensi (CU) yang mesti dihabiskan dalam tempoh pengajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.3 Modul *MakeUpBed*

Modul ialah satu cara pengajaran dan pembelajaran berkaitan sesuatu topik tertentu yang dipilih secara sistematik dan tersusun (Jamaludin Ahmad, 2017). Dalam konteks kajian ini, Modul *MakeUpBed* merujuk kepada modul modifikasi yang dibina dan diuji berdasarkan modul asal yang sedia ada berdasarkan bahan pengajaran bertulis (WIM) modul Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Modul ini dimodifikasi bagi membantu meningkatkan kemahiran mengemas katil dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Tajuk yang meliputi modul ini ialah *Make Up Guest Beds* dari aktiviti kerja (WA) yang kelima di bawah kompetensi unit (CU) 01 *Guest Rooms Preparations.* Modul *MakeUpBed* akan diuji ke atas murid di dalam kumpulan rawatan. Keberkesanan penggunaan modul *MakeUpBed* akan ditentukan dengan melihat peningkatan skor dalam ujian pasca yang akan dijalankan.

1.6.4 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Masalah pembelajaran dikategorikan kepada lewat perkembangan global, Sindrom Down, kurang upaya intelektual, autisma, *Attention Defisit Hiperactivity Disorder* (ADHD), Masalah pembelajaran spesifik seperti disleksia, diskalkulia dan disgrafia serta terencat akal (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Di Malaysia pendidikan khas merujuk kepada tiga kategori iaitu masalah penglihatan, masalah pendengaran dan masalah pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Dalam konteks kajian ini, istilah murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran merujuk kepada murid dari kategori ketidakupayaan masalah pembelajaran yang sedang mengikuti program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) di SMPKV. Tempoh pendidikan yang akan diikuti di SMPKV adalah selama dua hingga tiga tahun berdasarkan pengurusan sekolah. Murid akan menerima Sijil Kemahiran Malaysia tahap tiga dari Jabatan Pembangunan Manusia, Kementerian Sumber Manusia setelah lulus kesemua lapan Unit Kompetensi yang telah ditetapkan.

1.7 Batasan Kajian

Pengkaji menyenaraikan empat batasan kajian yang telah dikenal pasti di dalam kajian iaitu batasan (i) kemahiran mengemas katil (ii) kandungan modul (iii) murid khas bermasalah pembelajaran dan (iv) penggunaan elemen multimedia interaktif.

1.7.1 Kemahiran Mengemas Katil Tetamu

Dalam konteks kajian ini, batasan kemahiran mengemas katil merujuk kepada keterbatasan kemahiran yang diuji di dalam modul. Modul *MakeUpBed* yang dibangunkan hanya memfokuskan kepada kemahiran mengemas katil bilik tetamu. Kemahiran mengemas katil tetamu adalah salah satu aktiviti kerja dalam kompetensi unit 01*: Guest rooms preparations* yang terdapat di dalam Program

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012). Lapan aktiviti kerja di bawah Kompetensi Unit 01 iaitu (i) menentukan keperluan persediaan bilik tetamu-*determine guest room preparations requirements*, (ii) menyediakan aktiviti dan peralatan pembersihan-*prepare cleaning equipment and activities*, (iii) memasuki bilik tetamu-*access guest rooms*, (iv) menjalankan tugas permulaan-*carry out beginning task*, (v) mengemas katil tetamu-*make up guest bed*, (vi) menjalankan pembersihan bilik-*carry out room cleaning*, (vii) menjalankan pembersihan bilik air tetamu-*carry out bathroom cleaning* dan (viii) menjalankan persediaan shift seterusnya-*carry out next shift duty preparations*. Kajian ini hanya dibataskan kepada kemahiran dari aktiviti kerja (v) iaitu mengemas katil tetamu-*make up guest bed.* Hanya kemahiran ini sahaja yang akan diuji tahap peningkatannya di dalam modul *MakeUpBed* yang dibina dan kandungan modul adalah berdasarkan dapatan tinjauan keperluan modifikasi modul yang telah dijalankan ke atas 34 orang guru yang mengajar Program Operasi Pengemasan.

1.7.2 Kandungan Modul

Dalam konteks kajian ini, batasan kandungan modul *MakeUpBed* bermaksud modul dibina berdasarkan satu unit kompetensi sahaja iaitu *Guest Room Preparations* dengan sub aktiviti kerja (WA) *Make Up Guest Bed*. Bahan Panduan Bertulis (WIM) Operasi Pengemasan mengandungi lapan kompetensi unit yang utama iaitu (i) persediaan bilik tetamu-*guest room preparations*, (ii) perkhidmatan tetamu operasi pengemasan-*housekeeping guest services*, (iii)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kawasan awam dan baik pulih fasiliti-*public area and facilities maintenance*, (iv) perkhidmatan laundri dan linen-*laundry and linen services,* (v) perkhidmatan VIP operasi pengemasan-*housekeeping VIP services,* (vi) pemeriksaan kualiti operasi pengemasan-*housekeeeping quality inspections, (vii) kawalan stok dan inventori operasi pengemasan-housekeeping inventory and stock control* dan (viii) pengurusan staf operasi pengemasan-*housekeeping staff Administrations.*

Lapan unit kompetensi (CU) ini mesti diselesaikan dalam tempoh pengajian. Pemilihan tajuk modul dibuat setelah analisis keperluan modul dijalankan. Hal ini bermakna modul yang akan diuji terhadap MBPK MP adalah berdasarkan kepada kandungan yang terdapat di dalam aktiviti kerja (WA) 05 dari kompetensi unit 01 sahaja. Bahan pembelajaran yang disediakan untuk murid dalam modul asal terbahagi kepada (i) Kertas Penerangan, (ii) Kertas Tugasan, (iii) Kertas Kerja, (iv) Penilaian Teori dan (v) Penilaian Amali. Bahan pengajaran untuk guru bagi membantu dalam pengajaran dan pembelajaran terbahagi kepada (i) Pelan Mengajar Teori dan (ii) Pelan Mengajar Amali. Dalam konteks kajian ini, isi kandungan modul *MakeUpBed* dibataskan hanya kepada pelan mengajar teori Operasi Pengemasan sahaja.

1.7.3 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Dalam konteks kajian ini, batasan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran bermaksud modul yang dibina hanya dibataskan kepada MBPK MP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang mengikuti program operasi pengemasan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional sahaja.

1.7.4 Penggunaan Elemen Multimedia Interaktif

Dalam konteks kajian ini, batasan penggunaan elemen multimedia interaktif bermaksud kajian ini hanya menggunakan persembahan *power point* sebagai elemen multimedia interaktif. Persembahan dalam bentuk multimedia interaktif *power point* hanya dibataskan semasa slot kuiz sahaja.

1.8 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil pembinaan dan pengujian modul yang akan dijalankan ini berperanan sebagai satu sumber rujukan kepada pihak berwajib yang terlibat dalam bidang pendidikan vokasional seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan Khas (BP Khas), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah, guru, ibu bapa dan murid.

1.8.1 Kepentingan terhadap KPM, BP KHAS, JPN dan PPD

Kajian ini mempunyai kepentingan kepada KPM, BP KHAS, JPN dan PPD dengan menyalurkan maklumat berkenaan isu dan permasalahan yang dihadapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh guru dalam mengendalikan PdP menggunakan modul sedia ada. Maklumat berkenaan dikumpul melalui soal selidik analisis keperluan modul. Maklumat ini disertakan pada Bahagian C, isu dan permasalahan pengajaran yang dihadapi oleh guru. Data ini dikutip pada fasa pertama kajian. Justeru, kajian yang dijalankan dapat memberi impak kepada KPM, JPN dan PPD kerana maklumat berkaitan isu dan permasalahan guru yang mengajar Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) dapat digunakan untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan guru terhadap pembelajaran murid.

1.8.2 Kepentingan terhadap Pihak Sekolah dan Guru

Pihak sekolah khususnya guru Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional yang mengajar MBPK MP mempunyai kepentingan hasil dari pembinaan dan pengujian Modul *MakeUpBed* yang akan dijalankan. Modul *MakeUpBed* yang dibina telah memasukkan kaedah pembelajaran yang sesuai berdasarkan teori, model gaya pembelajaran dan kaedah bagi keperluan MBPK MP. Kajian ini juga berkepentingan dalam meningkatkan kemahiran mengajar, motivasi dan keyakinan di dalam PdP. Penggunaan modul oleh pihak sekolah dan guru penting dalam memastikan kemahiran yang diajar bertepatan dan memenuhi kehendak golongan sasar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3 Kepentingan Terhadap Pihak Ibu Bapa dan Murid

Kajian ini mempunyai kepentingan yang besar terhadap ibu bapa yang mempunyai anak-anak bermasalah pembelajaran yang belajar di SMPKV. Melalui peningkatan kemahiran mengemas katil, ibu bapa dan murid mudah untuk membentuk laluan kerjaya setelah menamatkan persekolahan. Hasil kajian ini dapat memberikan maklumat kepada ibu bapa dan murid mengenai kepentingan penggunaan strategi pengajaran berdasarkan teori dan model gaya pembelajaran. Ibu bapa pula dapat membuat perancangan untuk anak mereka mengikut keperluan majikan pada masa sekarang yang mementingkan aplikasi kemahiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Rumusan

Secara keseluruhannya Bab Satu menerangkan tentang pembinaan dan pengujian Modul *MakeUpBed* yang akan dijalankan terhadap MBPK MP di SMPKV. Penggunaan Modul *MakeUpBed* yang diubahsuai adalah perlu dalam memastikan kemahiran yang ingin disampaikan dapat diterima dengan baik. Selepas menjalani rawatan menggunakan modul ini, MBPK MP diharap dapat menguasai kemahiran mengemas katil bilik tetamu seperti yang diinginkan oleh kajian ini. Justeru, intervensi yang sesuai perlu bagi meningkatkan kemahiran MBPK MP. MBPK MP menghadapi pelbagai cabaran untuk mengikuti kemahiran yang ingin disalurkan kepada mereka disebabkan oleh kekurangan diri yang dimiliki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan yang tepat mampu meningkatkan keyakinan diri dan memaksimumkan pencapaian akademik MBPK MP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Tinjauan literatur adalah langkah menyediakan bahan bacaan berkaitan kajian secara kritikal dan sistematik berpandukan maklumat, data dan idea yang mempunyai kaitan dengan kajian (Chua, 2014). Dalam bab ini tinjauan literatur memberikan gambaran keseluruhan dan justifikasi penting dalam menyelesaikan serta menjawab persoalan yang timbul dalam kajian ini. Kajian lepas yang telah dijalankan dapat membantu pengkaji mengumpul dan menganalisis maklumat bagi memudahkan proses kajian ini dijalankan dengan sistematik untuk menghasilkan dapatan yang bermakna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Teori Kecerdasan Pelbagai

Dibangunkan oleh profesor pendidikan di Universiti Harvard, Dr. Howard Gardner mencadangkan bahawa tanggapan konvensional terhadap kepintaran ujian *intelligence quotient (*I.Q) adalah t erhad (Martin, 2018). Teori kecerdasan yang memberi kesan yang paling signifikan dalam pendidikan ialah Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner (Jones, 2017). Gardner telah menyenaraikannya sebagai (i) logikal matematik, (ii) spatial/visual ruang, (iii) linguistik/bahasa, (iv) kinestetik, (v) muzik, (vi) interpersonal dan (vii) intrapersonal. Pada tahun 2000, kecerdasan naturalis dimasukkan ke dalam teori ini sebagai kecerdasan pelbagai yang ke lapan (Adcock, 2014).

Kecerdasan linguistik adalah keupayaan untuk menggunakan kata-kata dengan berkesan, sama ada secara lisan atau bertulis. Kecerdasan matematik adalah keupayaan untuk menggunakan nombor dengan baik, contohnya ahli matematik serta keupayaan menaakul yang tepat seperti ahli sains. Keupayaan spatial adalah keupayaan untuk melihat dunia ruang visual dengan berkesan contohnya seperti seorang pemburu dan penghias dalaman melakukan transformasi terhadap sesuatu ruang kecerdasan. Kecerdasan kinestetik badan ialah keupayaan dalam pergerakan, membentuk dan menyentuh objek. Mereka belajar dengan baik menggunakan bahasa badan, aktiviti fizikal, pembelajaran secara terus, lakonan dan main peranan. Penggunaan peralatan dan objek sebenar sangat membantu (Armstrong, 2017). Kecerdasan muzik ialah keupayaan menerima dan mengkritik muzik, mencipta lagu dan menyampaikan lagu. Kebolehan Interpersonal ialah kebolehan untuk menerima dan melakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelainan dalam perasaan, niat, motivasi dan perasaan terhadap orang lain. termasuklah sensitiviti terhadap mimik muka, suara dan bahasa tubuh (Sternberg, 2015).

Kecerdasan yang merangkumi aspek-aspek kebijaksanaan dalam bidang akademik dan kebolehan berfikir serta penyelesaian masalah yang bersesuaian dengan persekitaran telah mendorong para pengkaji untuk melihat kecerdasan dalam konteks yang lebih luas (Hamidah, 2013). Murid dengan kecerdasan logik matematik yang tinggi, mempunyai motivasi yang lebih dalam kursus geometri. Di samping itu, dinyatakan bahawa, pengasingan kelas mengikut jenis kecerdasan akan memberi kesan positif kepada kejayaan (Tezer, Ozturk & Ozturk, 2015). Keberkesanan proses PdP dapat dioptimumkan sekiranya pendidik mempunyai pengetahuan mengenai profil kecerdasan pelbagai murid dan menggunakan strategi yang sesuai dalam mod pengajaran mereka yang akan meningkatkan hasil pembelajaran (Lai & Yap, 2016).

Justeru, daripada tinjauan literatur yang dikemukakan menunjukkan kecerdasan murid dapat ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan. Setiap murid mempunyai kecerdasan yang berbeza dan kecerdasan murid boleh dipertingkatkan melalui pendekatan yang bersesuaian dengan murid. Guru memainkan peranan penting dalam menentukan aktiviti yang sesuai agar dapat memenuhi keperluan murid. Kecerdasan yang diurus dengan baik dapat memberi impak terhadap tumpuan murid di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Model Gaya Pembelajaran Visual, Auditori, Kinestatik (V.A.K)

Gaya pembelajaran merupakan indikator penting untuk meningkatkan kualiti pembelajaran seseorang murid (Roshiza, 2015). Teori gaya pembelajaran VAK direka untuk menggambarkan bagaimana proses pembelajaran yang berbeza oleh murid. Gaya pembelajaran VAK telah dirintis pada tahun 1987 oleh Neil Fleming. VAK bermaksud visual, auditori, dan kinestetik (*Tactile*). Murid visual belajar dan memahami maklumat lebih cepat apabila maklumat dibentangkan dalam bentuk carta, graf, gambar, video, atau demonstrasi di hadapan mereka. Murid auditori pula belajar dengan berkesan melalui suara dan nada yang disampaikan melalui rakaman. Manakala murid kinestetik belajar dengan berkesan melalui pergerakan, perbuatan, sentuhan serta belajar secara aktif meneroka dunia fizikal di sekeliling mereka (Johnston, Williams & Ades, 2018).

Murid kinestetik belajar dengan baik menggunakan pergerakan tangan. Gaya pembelajaran auditori pula melibatkan pemindahan maklumat melalui pendengaran dan gaya pembelajaran visual melibatkan penggunaan perkara yang dilihat atau diperhatikan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gaya pembelajaran kinestetik didapati lebih lazim digunakan daripada gaya pembelajaran visual dan auditori dalam kalangan murid sekolah menengah. (Rajshree, 2013). Hasil pencapaian matematik mengikut gaya pembelajaran auditori adalah lebih baik daripada yang dicapai melalui gaya pembelajaran visual dan kinestetik (Abdul Rahman, Ansari & Rusli 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid mempunyai gaya belajar yang berbeza. Memberi penyesuaian berdasarkan gaya pembelajaran boleh menggalakkan minat murid dan membuat pembelajaran lebih mudah untuk mereka. Membangunkan persekitaran pembelajaran yang dibantu oleh teknologi adalah cara baru dalam membuat proses pembelajaran mereka berjaya (Noor Maizura , Rosmayati, Nur Fadila Akma, Wan Fatin Fatihah, Mohd Arizal Shamsil & Mohamad Nor, 2017). Gaya pembelajaran yang paling dominan dalam kalangan kanak-kanak lembam ialah gaya pembelajaran visual. Kanak-kanak lembam merujuk kanak-kanak yang lemah dari segi kemahiran membaca, menulis dan mengira pada tahap umur tertentu. Kanak-kanak ini disifatkan mempunyai umur fizikal melebihi umur mental (Puteri Roslina & Nur Azimah, 2016).

Terdapat banyak faktor yang menentukan cara terbaik seseorang belajar, Pelbagai pandangan yang berbeza dicatatkan mengenai kesan pembelajaran positif terhadap murid melalui gaya pembelajaran VAK (Willis, 2017). Murid kinestetik belajar dengan baik apabila mereka melakukan perkara-perkara berdasarkan konsep secara empirikal. Murid visual pula dapat belajar lebih baik apabila mereka melihat dan memerhatikan. Aktiviti dan strategi yang membabitkan penglihatan visual untuk pembelajaran penting bagi murid visual. Murid auditori belajar dengan lebih baik, berkesan dan bermanfaat apabila mendengar atau menumpukan perhatian kepada sesuatu. Penggunaan deria pendengaran adalah penting bagi mereka dan untuk hasil yang bermanfaat bantuan seperti lagu, melodi dan pita audio untuk mengajar murid sebegini sangat berkesan (Imran, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil daripada dapatan kajian lepas menunjukkan murid mempunyai gaya belajar yang berbeza-beza. Pemilihan gaya pembelajaran yang sesuai dengan tahap kemampuan kognitif murid sangat penting. Perlaksanaan aktiviti yang disediakan di dalam Modul *MakeUpBed* semasa PdP yang menggunakan gaya pembelajaran yang pelbagai dan kreatif mampu meningkatkan minat dan mengekalkan momentum tumpuan dalam seterusnya mengoptimumkan kualiti dan potensi diri murid.

2.4 Model Reka bentuk Instruksional ADDIE

Rajah 2.1 menunjukkan fasa model reka bentuk instructional ADDIE. Model ADDIE diasaskan oleh Rosset pada tahun 1987. Model ADDIE merupakan model reka bentuk yang berfungsi sebagai garis panduan ke arah pembinaan perisian dan bahan pengajaran-pembelajaran berdasarkan keperluan. ADDIE adalah singkatan daripada (i) analisis, (ii) reka bentuk, (iii) pembangunan, (iv) pelaksanaan dan (v) penilaian (Branch, 2009).

Peringkat analisis melibatkan proses penentuan serta mengenal pasti masalah yang ingin diselesaikan. Pada peringkat ini, analisis keperluan pengguna dan menentukan matlamat kajian dilakukan. Reka bentuk merupakan fasa kedua dalam merangka pengajaran mengikut model ADDIE. Fasa kedua ini bertujuan menentukan dan mereka kaedah instruksional yang digunakan. Setelah mengenal pasti latar belakang pengajaran dan pembelajaran, fasa ini memberi perincian tentang pembangunan modul. Pembangunan modul adalah berpandukan kriteria-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kriteria yang telah ditetapkan pada peringkat reka bentuk. Fasa pelaksanaan dalam konteks ADDIE merujuk kepada pembangunan dan reka bentuk bahan-bahan pengajaran yang telah disediakan dan seterusnya dilaksanakan berdasarkan keperluan murid. Fasa penilaian meliputi keempat-empat tahap dalam model ADDIE iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan dan pelaksanaan. Bahan yang telah disediakan diproses untuk mengukur dan mendapatkan maklum balas pengguna modul terhadap keseluruhan pembangunan modul (Ummu Nasibah, Muhammad Izuan & Nazipah, 2016).

Terdapat pelbagai teori dan model yang telah dikemukakan oleh pengkaji lepas, namun Model ADDIE menjadi pilihan dalam pembinaan dan pengujian Modul *MakeUpBed* bagi membantu murid bermasalah pembelajaran meningkatkan kemahiran mengemas katil tetamu. Langkah yang disusun oleh model ADDIE didapati sangat tersusun dan jelas berpandukan sistem dalam menghasilkan satu reka bentuk modul pengajaran yang baik. Justeru, kajian ini memfokuskan proses membina dan menguji Modul *MakeUpBed* mengikut teori ADDIE. Pengkaji menetapkan untuk membina modul *MakeUpBed* berdasarkan (i) fasa pembinaan modul dan (ii) fasa pengujian modul. Fasa pembinaan modul melibatkan kaedah kajian tinjauan dan fasa pengujian modul melibatkan kaedah kuasi eksperimen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1: Model reka bentuk instruksional ADDIE. Diadaptasi dari Branch, 2009.

2.5 Sejarah Pendidikan Khas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Amerika Syarikat, pendidikan khusus untuk Murid Berkeperluan Khas bermula pada abad ke-19 untuk anak-anak yang buta atau pekak (atau keduanya) atau mempunyai ketidakupayaan intelektual. Sebelum sekolah-sekolah khas ini ditubuhkan, kanak-kanak mempunyai kecacatan hanya dibiarkan di rumah. Sekolah Kebangsaan yang bermula pada pertengahan tahun 1800-an biasanya tidak menempatkan murid berkeperluan khas (Kauffman, Hallahan, Pullen & Badar, 2018). Di Sweden, pendidikan khas atau keperluan pendidikan khas adalah pendidikan dengan keperluan khusus bertujuan untuk menunjukkan perbezaan berdasarkan individu (Berhanu, 2014). Orang kurang Upaya dari negara berpendapatan rendah hidup dalam keadaan serba kekurangan, jauh ketinggalan dari negara maju dan membangun di dunia (Watson & Vehmas, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akta Pendidikan Individu Kurang Upaya melayakkan setiap murid berkeperluan khas di Amerika Syarikat menerima pendidikan awam yang bersesuaian melalui perkhidmatan pendidikan khas (Paul & Okamoto, 2015). Dasar perundangan dan pentadbiran untuk peruntukan pendidikan khas di England telah berubah secara radikal dengan Akta Pendidikan 1981 walaupun manfaat kepada kanak-kanak yang terlibat masih kurang jelas (Galloway, 2019).

Di Malaysia, rekod penubuhan sekolah pendidikan khas yang terawal adalah penubuhan Sekolah Khas untuk murid bermasalah penglihatan iaitu Sekolah Rendah Pendidikan Khas Prince Elizabeth di Johor Baharu oleh Kerajaan Persekutuan British, Manakala, sekolah khas bagi murid bermasalah pendengaran telah ditubuhkan pada tahun 1954 iaitu Sekolah murid Pekak Persekutuan (Lay & Hui, 2014). Pada tahun 1980an dan 1990an, Malaysia mula menghantar pakar pendidikan ke luar negara untuk mendapatkan pengetahuan dan kepakaran dalam bidang pendidikan khas serta menggunakannya di Malaysia. Negara banyak menghantar penyertaan dalam bengkel antarabangsa, aktiviti-aktiviti PBB dan UNESCO menggambarkan perkembangan aktif dasar dan amalan pendidikan khas pada masa itu (Zalizan & Manisah, 2014).

Data terkini tahun 2017 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada menunjukkan terdapat empat buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas yang menawarkan pendidikan vokasional kepada murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran yang terletak di negeri Selangor, Johor, Pahang dan Kedah. Data terkini juga menunjukkan bilangan murid lelaki dari keempat empat buah sekolah yang dicatatkan ialah seramai 358 orang manakala murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perempuan ialah seramai 248 orang (KPM, 2017). Banyak lagi cabaran yang mesti dilalui dan diatasi seperti menyediakan sumber keperluan yang mencukupi, program intervensi awal, kemudahan asas dan bahan bantu mengajar yang mencukupi yang semuanya memerlukan kerjasama pelbagai pihak yang berkepentingan dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian (Muhamad Nadhir & Alfa Nur Aini, 2017).

Dasar menyediakan kemudahan pendidikan kepada semua murid termasuk murid berkeperluan khas menunjukkan Kementerian Pendidikan Malaysia mengamalkan pendidikan untuk semua. Pendidikan yang diberikan kepada murid berkeperluan khas telah menjadi sebahagian daripada perancangan dan pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia. Penggunaan Modul *MakeUpBed* dengan penekanan penggunaan multimedia interaktif berserta kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional diharap dapat meningkatkan kemahiran murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran dalam mengemas katil tetamu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Pendidikan Vokasional untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Pendidikan vokasional dikenali sebagai pendidikan kerjaya dan teknikal (Vincent, 2016). Kekangan utama dalam pendidikan teknik dan Latihan Vokasional ialah kekurangan intelektual murid, tahap kompetensi asas, motivasi, tumpuan, perhatian, keyakinan (Baccaa, Baldirisa, Fabregata, Kinshukb & Grafb, 2015). Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) bertujuan untuk membentuk pekerja berkemahiran tinggi (Azmanirah, Nurfirdawati, Marina & Jamil, 2014). Promosi terhadap program pendidikan dan latihan vokasional (TVET) telah menjadi agenda dasar utama di beberapa negara dan banyak penekanan diberikan terhadap pembangunan kemahiran (Tushar & Ankush, 2017). Pendidikan Teknik dan Vokasional dilihat penting dalam membantu negara mencapai aspirasi sebagai negara maju menjelang tahun 2020 (Asnul, Ruhizan, Kamalularifin & Muhammad, 2013).

Pendidikan vokasional diwujudkan bagi murid berkeperluan khas untuk memberi latihan berasaskan bidang pekerjaan yang sesuai dengan mereka. Bagi murid berkeperluan khas, pendidikan vokasional diwujudkan untuk membantu murid menguasai kemahiran dengan cara yang lebih fleksibel, berfokus, menarik dan memenuhi keperluan mereka (Anizam, Manisah & Amla, 2013). Program vokasional menawarkan latihan berbentuk pengalaman kerja sebenar atau maya (Noor Aziawati & Mohd Mahzan & Abdul Razaq, 2015). Sistem TVET di Malaysia juga mempunyai cabaran lain, termasuk akses terhad kepada murid yang mempunyai berkeperluan khas dan kumpulan minoriti (Ramlee, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekolah vokasional berfungsi sebagai tempat untuk melatih tenaga kerja dalam pelbagai bidang profesional dan memberi sumbangan besar kepada persekitaran mereka dari segi pembangunan sosio-budaya dan ekonomi (Karatas & Gürbüz, 2016). Pendidikan Teknikal dan Vokasional dilihat memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada tenaga kerja berkemahiran tinggi (Arasinah, Amarumi, Bushra, Normah & Faizal, 2017). Murid kurang upaya memerlukan latihan kemahiran sosial yang lebih baik berkaitan bidang mereka sebelum memasuki pasaran kerja (Yin & Liang, 2015). Bahagian Pendidikan Khas, KPM perlu memberi kuasa supaya latihan industri dijalankan di sekolah-sekolah khas (Norzaina & Mohd Mokhtar, 2018).

Dapatan kajian menunjukkan pelatih yang kurang upaya dilihat mempunyai batasan dari segi kecekapan untuk mencapai matlamat yang disasarkan (Azlan, Kamalularifin, Adnan, Amirruddin & Daley, 2017). Hanya 28 peratus pekerja di Malaysia termasuk dalam kategori pekerjaan mahir dan separuh mahir. Ini menunjukkan bahawa negara kita jauh ketinggalan di belakang negara maju lain menunjukkan peratusan pekerja mahir dan separuh mahir daripada 50 peratus (Ridzwan, Ruhizan, Faizal, Mohd Bekri & Irwan, 2015). Cabaran dan halangan masa kini dalam penglibatan murid kurang upaya semasa mengikuti program pendidikan vokasional ialah kekurangan bahan bantu mengajar, kekurangan kemudahan pendidikan yang bersesuaian, kekurangan tenaga pengajar yang terlatih dan pengasingan murid kurang upaya dalam pendidikan (Malle, Pirttimaa & Timo, 2015). Pendekatan alternatif yang dapat memberi sumbangan penting dalam PdP pendidikan teknikal dan vokasional boleh dilakukan dengan menggunakan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul ialah satu susunan aktiviti pembelajaran yang disusun secara sistematik untuk membantu murid mencapai objektif pembelajaran. Modul mengandungi (mata pelajaran, latihan dan lain-lain) yang dilaksanakan secara tersendiri untuk mencapai sesuatu kemahiran (Muhammad Asri, Tee, Mohamed Nor Azhari, Ridzwan, Zaliza & Jailani, 2017).

Justeru, pendidikan vokasional sangat penting dalam mengembangkan bakat dan kemahiran murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran supaya modal insan yang berkemahiran tinggi dapat dilahirkan. Latihan kemahiran yang dibekalkan oleh sekolah vokasional sebagai tempat untuk melatih murid ini haruslah menyediakan latihan kemahiran yang berkualiti selaras dengan keperluan bidang pekerjaan. Latihan yang diberikan akan menjadi asas kepada murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran meneruskan langkah bagi mencipta kerjaya masa depan. Walaupun terdapat kajian yang menunjukkan matlamat untuk mencapai tahap kecekapan yang disasarkan agak terbatas, usaha dari semua pihak perlu dipertingkatkan untuk membantu mereka berada setaraf dengan insan normal. Berdasarkan huraian daripada kajian lepas, pendidikan vokasional dilihat sebagai pendidikan yang memberi penekanan kepada proses melahirkan modal insan yang berkualiti dan berkemahiran untuk persediaan alam pekerjaan bagi MBPK MP. Pengenalan pendidikan vokasional yang bersesuaian dengan keupayaan murid seperti program Operasi Pengemasan mampu untuk membantu murid mengaplikasikannya ke dalam dunia kerjaya bersama golongan normal bagi mencapai taraf kehidupan yang lebih sejahtera. Secara tidak langsung pendidikan vokasional merupakan satu manifestasi peranan kerajaan dalam memastikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setiap individu mendapat pendidikan yang sama rata bersesuaian dengan tahap kemampuan MBPK MP.

2.6.1 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Sijil Kemahiran Malaysia terletak di bawah unit Persijilan Kemahiran Malaysia, Jabatan Pembangunan Kemahiran. Jabatan pembangunan kemahiran (JPK) adalah merupakan salah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM). Terdapat lima tahap persijilan yang ditawarkan. Persijilan yang ditawarkan ialah (i) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Satu, (ii) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Dua, (iii) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Tiga, (iv) Diploma Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Empat dan (v) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap Lima (JPK, 2017a).

Dalam sistem Sijil Kemahiran Malaysia, portfolio digunakan sebagai dokumen untuk menilai tahap pengetahuan dan pencapaian murid. Portfolio disediakan berasaskan kertas. Portfolio berasaskan kertas adalah statik dan maklumat yang boleh dikongsi dengan orang lain adalah terhad (Mohd Rahim Bekri, Ruhizan Mohammad Yasin, Norazah Mohd Nor, Faizal Amin Nur Yunus & Tajul Asyikin Hashim, 2013). Terdapat empat buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional terlibat dalam menawarkan pendidikan vokasional kepada murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran di seluruh Malaysia (KPM, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan tinjauan literatur, murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran juga diberi peluang untuk mengikuti persijilan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Pendidikan vokasional yang ditawarkan di SMPKV membolehkan MBPK MP memiliki Sijil Kemahiran Malaysia. Perkhidmatan pendidikan yang berkualiti dalam program operasi pengemasan secara berterusan akan menentukan tahap kualiti kemahiran murid yang dikeluarkan.

2.6.2 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/ *National Occupational Skill Standard* (NOSS)

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau NOSS ditakrifkan sebagai spesifikasi kecekapan yang diharapkan oleh seorang pekerja kemahiran yang bekerja di Malaysia dalam bidang pekerjaan, tahap dan laluan untuk mencapai kecekapan. NOSS juga adalah dokumen yang menggariskan kecekapan yang diperlukan oleh pekerja mahir di Malaysia (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2013b).

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) berperanan sebagai satu saluran untuk menghasilkan tenaga mahir tempatan dan sebagai pemangkin pembangunan negara. Sehingga 2013, sebanyak 582 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) telah dibangunkan bersama industri (Mohd Jalil, Noor Hisham & Annas, 2015). Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan memberi manfaat kepada pihak majikan, pihak pekerja dan institusi latihan kemahiran. Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan boleh dijadikan sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penanda aras untuk menilai tahap kemahiran murid atau pekerja. Ciri-ciri utama NOSS ialah dibina berpandukan keperluan pekerjaan, berpandukan laluan kerjaya di dalam sesuatu industri serta dibangunkan oleh pakar industri dan pekerja mahir yang terlibat di dalam sektor masing-masing (JPK, 2017b).

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dinyatakan, penggunaan NOSS dilihat sangat penting dalam pendidikan vokasional. NOSS yang dibangunkan oleh tenaga mahir dalam industri adalah satu makalah yang berstandard tinggi. Penggunaan NOSS bagi murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran di sekolah menengah pendidikan khas vokasional adalah amat tepat memandang MBPK BP akan menyertai industri selepas menamatkan pengajian. Namun, cara dan kaedah penyampaian PdP kepada MBPK MP perlu diperhalusi supaya ilmu yang ingin disampaikan dapat diterima oleh murid. Penekanan perlu diberikan kepada penggunaan bahan bantu mengajar yang dipilih oleh guru. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan mutu kemahiran murid dalam program yang diceburi. Sesuatu tahap pencapaian mestilah ditetapkan dan murid seharusnya boleh mencapainya. Apa yang penting ialah setiap murid menguasai kemahiran yang dipelajari. Kurikulum yang digubal mestilah fleksibel untuk disesuaikan dengan tahap keupayaan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran mengalami perkembangan minda yang agak lewat dari murid normal dan masalah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran (Ramlan Salim, 2015). *Individuals with Disabilities Education Act* (IDEA) melayakkan setiap murid berkeperluan khas di Amerika Syarikat menerima pendidikan awam yang bersesuaian melalui perkhidmatan pendidikan khas (Lipkin & Okamoto, 2015). Murid Berkeperluan Khas (MBK) memerlukan arahan yang jelas untuk meningkatkan kemahiran akademik mereka (Pennington & Courtrade, 2015).

Murid berkeperluan khas mempunyai bakat yang sedia ada dari segi intelek. Kajian ini juga mendapati rakan-rakan tidak mengenali dengan mendalam berkaitan murid berkeperluan khas. Namun dapatan kajian ini juga menunjukkan guru dan kaum keluarga mempunyai serba sedikit pengetahuan tentang mereka (Lee, Mohd Mahzan & Shahlan, 2017). Penyampaian pendidikan khas yang berkesan untuk murid dengan keperluan khas sangat penting terhadap perkembangan, pengetahuan dan kemahiran murid. Pendidikan Khas sememangnya suatu bidang yang sangat dinamik kerana ia sentiasa perlu berubah untuk memenuhi keperluan murid (Yasmin & Mazmi, 2017). Sekiranya murid berkeperluan khas boleh mendapat manfaat daripada keupayaan tertentu yang mereka miliki, mereka juga boleh berjaya seperti orang lain untuk menguasai kemahiran yang dipelajari dengan lebih berkesan. (Mohd Syazwan Zainal & Harwati Hashim, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran mempunyai hak yang sama rata dalam pendidikan. Justeru, masyarakat khususnya rakan sebaya dan guru perlu mempunyai kefahaman dan ilmu yang tinggi berkaitan MBPK MP ini. Kesefahaman di antara ahli masyarakat dan MBPK MP menjadikan proses menyampaikan ilmu dan proses sosialisasi menjadi lebih lancar. Peningkatan penyertaan MBPK MP dalam pendidikan menunjukkan kesedaran terhadap kerjaya di masa depan semakin tinggi. Pemilihan bidang pendidikan yang berasaskan kemahiran dapat menjamin masa depan MBPK MP.

2.7.1 Tahap Tumpuan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran mempunyai masalah untuk menumpukan perhatian untuk jangka masa yang panjang. Guru yang mengajar perlu menitikberatkan kepentingan serta cara penyampaian isi pembelajaran kepada murid-murid yang menjadi kunci kepada tumpuan murid murid berkeperluan khas masalah pembelajaran di dalam pembelajaran (Sausa, 2016) Tiga faktor yang berkaitan dengan tumpuan yang baik telah dikenal pasti iaitu faktor keluarga, faktor sekolah dan faktor rakan sebaya. Tumpuan murid adalah salah satu faktor penting yang perlu ditekankan dalam pendidikan. Tumpuan murid sering dikaitkan dengan pencapaian dan prestasi murid di sekolah (Manisa & Norfaziha, 2018).

Hampir 50 peratus daripada semua murid yang menerima perkhidmatan pendidikan khas dikenal pasti mempunyai masalah pembelajaran disebabkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh faktor fisiologi, kurikulum dan pengaruh alam sekitar. Murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran juga mengalami masalah dalam kognitf contohnya persepsi atau ingatan, masalah dalam akademik, masalah fungsi atau perilaku sosial atau emosi. Murid kurang tumpuan disebabkan oleh format pengajaran yang digunakan kurang mencabar dan kurang memberi makna (Shernoff, Csikszentmihalyi, Schneider & Shernoff, 2014). Elemen yang paling penting ialah penerimaan semua pihak bagi membolehkan murid-murid keperluan khas menjadi sebahagian daripada sekolah (Dean, 2018). Perbezaan individu boleh didapati sama ada dalam kebolehan intelektual dan motivasi (Ashman & Conway, 2018). Terdapat hubungan antara gaya kognitif dan gaya pembelajaran yang mana akan menentukan pencapaian di mana penyesuaian akan meningkatkan pembelajaran (Vandana, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, memberi penyesuaian berdasarkan gaya pembelajaran berpotensi menjadikan pembelajaran lebih mudah bagi MBPK MP dan meningkatkan kemajuan pembelajaran. Inovasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan didapati telah meningkatkan kualiti pembelajaran dan memberi kesan positif kepada persekitaran pembelajaran dan masyarakat. Penggunaan modul yang dimodifikasi dapat membantu memberi motivasi kepada murid dalam PdP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Elemen Multimedia

Pada masa kini teknologi pembelajaran telah mengubah sistem pendidikan dengan membawa kemajuan yang mengagumkan dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Teknologi yang tersedia, mampu dan boleh diakses ini mewakili lebih daripada satu transformasi kepada murid kurang upaya (Laabidi, Jemni, Ben, Brahim & Amal, 2014). Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) berpotensi untuk meningkatkan penyertaan murid dalam pelbagai aktiviti pendidikan untuk murid berkeperluan khas (Lindstrom & Hemmington, 2014).

Salah satu faktor yang boleh memberi kesan kepada kejayaan proses pembelajaran adalah penggunaan media pembelajaran (Ampa, 2015). Multimedia interaktif berasaskan komputer adalah salah satu media yang boleh digunakan untuk menyampaikan bahan pembelajaran kepada pelajar (Reza, Zulela & Mohamad Syarif, 2019). Terdapat banyak faktor yang menggalakkan seorang guru menggunakan teknologi di dalam kelasnya. Penggunaan teknologi meningkatkan kesediaan murid dalam pembelajaran bukan hanya untuk mengetahui lebih banyak tentang alam sekitar tetapi juga membina emosi yang lebih positif (Tien, Chia & Yu, 2016). Aspek kemahiran TMK dilihat sebagai satu nilai penting oleh guru dan murid (Ridzwan & Ruhizan, 2018).

Penggunaan multimedia membawa manfaat terhadap motivasi dan pencapaian murid (Nia Kurnia, Deni & Maskur, 2018). Sebagai pendidik terdapat keperluan untuk mencipta aplikasi multimedia sendiri sekiranya pendidik mahu menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aplikasi multimedia sebagai alat yang berkesan dalam pendidikan (Babiker, 2015). Kerjasama erat dengan pakar dalam bidang multimedia boleh dilakukan untuk membangunkan multimedia interaktif supaya ia dapat meningkatkan prestasi dan pencapaian murid (Saputri, Rukayah & Indriay, 2018). Menggunakan teknologi digital untuk menyampaikan kandungan, menghubungkan murid pada bila-bila masa, di mana sahaja semakin meningkat, tetapi mengekalkan tumpuan murid yang terlibat dalam pembelajaran berasaskan teknologi adalah mencabar .pengajaran yang menggalakkan penglibatan yang menyeluruh daripada murid adalah penting jika kita mahu menggunakan teknologi pengajaran digital dengan berkesan (Henris, Halverson & Graham, 2015).

Penggunaan multimedia memberi kesan dalam pembelajaran dan menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran ini telah meningkatkan pencapaian pembelajaran murid. Murid juga menunjukkan perubahan sikap yang positif kerana lebih aktif dan bermotivasi dalam proses pembelajaran (Neo & Leow, 2014). Pembelajaran yang lebih efektif dan berkesan dapat dijalankan oleh guru dengan menggunakan persembahan *power point* (Alkash & Al-Dersi, 2013).

Peningkatan yang besar dapat dilihat dalam proses pembelajaran dan kemahiran kognitif serta lebih proaktif di dalam kelas (Sawsan, Amaldan, Jihad & Moataz, 2015). Guru mesti bersedia mengubah strategi pengajaran agar seiring dengan gaya pembelajaran dan kebolehan murid (Noor Aini, 2018). Murid berasa seronok dengan penggunaan media yang pelbagai seterusnya perubahan tingkah laku dan penerimaan pembelajaran akan berlaku dengan lebih mudah (Azura & Sabariah, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, penggunaan modul *MakeUpBed* dalam mengendalikan PdP untuk murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran penggunaan bahan bantu mengajar yang menggunakan elemen multimedia dilihat dapat meningkatkan minat dan pencapaian murid dalam PdP. Pengintegrasian elemen multimedia dalam Modul *MakeUpBed* adalah bertepatan dengan keperluan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran yang memerlukan sokongan bagi meningkatkan tumpuan. Penggunaan persembahan *power point* juga dapat menjadikan pembelajaran lebih berkesan dan efektif dan berkesan.

2.9 Kemahiran Mengemas Katil Tetamu

Operasi Pengemasan adalah jabatan sokongan yang membantu menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan produk untuk pelanggan hotel (Chun & Bang, 2017). Jabatan Operasi Pengemasan sentiasa berusaha menyediakan persekitaran yang bersih, bersih, segar dan selesa kepada setiap individu yang melangkah masuk ke hotel (Dilbag Singh & Amandeep, 2017). Di hotel, pengemas bilik selalunya tidak dapat dilihat oleh tetamu hotel (Shih, Jai, Chen & Blum, 2019).

Kebiasaannya pengemas bilik mengemas sejumlah bilik tertentu mengikut turutan nombor yang berdekatan bagi memudahkan tugasan dijalankan (Brody, 2016). Pengemas bilik sering berhadapan cabaran fizikal dalam memberikan perkhidmatan berkualiti di hotel lima bintang. Tugas merangkumi mengubah linen tempat tidur, membersihkan permaidani dan membersihkannya bilik mandi (Kensbock, Patiar & Jennings, 2019). Pengemas bilik juga terlibat dengan pelbagai aktiviti yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melibatkan pergerakan postur yang memerlukan latihan kemahiran dan garis panduan yang betul (Ankush & Kunal, 2017).

Hotel perlu mempertingkatkan kepuasan pelanggan dengan melatih pengemas bilik bekerja dengan cekap dengan cara yang sopan (Fouad, Hussein & Attia, 2016). Kerajaan India telah memperkenalkan pembangunan kemahiran untuk meningkatkan kemahiran dan mengembangkan bakat pekerja ke arah kebolehpasaran. Pelbagai kursus kemahiran telah ditawarkan dengan insentif menarik kepada penduduk muda yang bercita-cita untuk meneruskan kerjaya dalam sektor perhotelan dan perkhidmatan (Bhuvan & Janaki, 2019). Selain membersihkan dan mengekalkan pelbagai permukaan di dalam hotel, pengemas bilik juga perlu memenuhi cabaran, trend dan mengamalkan amalan terbaik setiap masa (Karthik, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Membersihkan tempat tidur tetamu dan keseluruhan bilik dengan rapi perlu mengikut prosedur operasi standard. Katil tetamu yang kemas dan rapi penting kerana katil tetamu adalah perkara pertama yang dinilai oleh tetamu semasa memasuki bilik. Pengemas bilik adalah individu bertanggungjawab untuk pembersihan bilik tetamu (Raghubalan & Smritee, 2015). Pengemas bilik terdiri daripada kumpulan pekerja terbesar dalam industri perhotelan (Rosemberg & Li, 2018).

Dapat dilihat pekerjaan sebagai pengemas bilik memberi impak yang besar dalam kehidupan seseorang dengan meningkatkan nilai kualiti kehidupan individu. Pekerjaan sebagai pengemas bilik telah mengubah tradisi dalam masyarakat Turki dan wanita, yang pada mulanya hanya bekerja di rumah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Donus Cicek Ebru Zencir & Nazmi, 2018). Dapatan Kajian yang dijalankan terhadap kemahiran kerja murid dalam mengemas katil berdasarkan prosedur operasi standard menunjukkan kemahiran murid dalam persiapan peralatan atau mengemas katil dalam kemahiran penyediaan peralatan adalah lebih tinggi berbanding kemahiran mengemas katil (Nelis Sumiati, Neni Rohaeni & Yoyoh Jubaedah, 2018).

Hasil daripada dapatan kajian lepas menunjukkan operasi pengemasan merupakan bidang tugasan yang penting di dalam operasi sesebuah hotel. Kemahiran mengemas katil adalah bidang yang dapat menjamin masa depan jika dijalankan dengan sepenuh tumpuan dan minat. Justeru, kemahiran yang dipelajari perlu diulang sehingga mahir dan perlu dipertingkatkan sebagai persiapan menyediakan tenaga kerja berkemahiran dalam bidang hospitaliti. Penggunaan modul modifikasi *MakeUpBed* dapat membantu meningkatkan kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.

2.10 Analisis Keperluan Modul

Analisis keperluan adalah aspek penting dalam pembangunan modul untuk memastikan modul yang dibina memenuhi keperluan dan bermanfaat kepada pengguna (Samni, Abdul Razaq & Mohd Mahzan, 2015). Analisis keperluan dilakukan untuk mengetahui tahap keperluan pembinaan modul (Mohd Izwan, Sidek, Jamaludin dan Wan Marzuki, 2017). Kajian analisis keperluan penting dalam mendapatkan maklumat tentang kandungan dan spesifikasi modul yang akan dibangunkan (Aliza & Zamri, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis keperluan telah menyediakan maklumat awal berkaitan aspek-aspek penting yang perlu diambil kira terdiri daripada kebolehan murid, pendekatan pengajaran bersesuaian dan bahan pembelajaran relevan dalam proses pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Kaviza, 2019)

Borang soal selidik digunakan mendapatkan data. Borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapat maklum balas tentang keperluan modul (Sollah & Mohammad, 2016). Analisis keperluan bertujuan untuk menentukan kesediaan, masalah dan keperluan guru dalam melaksanakan pengajaran matematik melalui integrasi KBAT di peringkat sekolah rendah *(*Nooriza & Effandi, 2015). Kajian analisis keperluan dijalankan sebagai langkah permulaan bagi pembinaan Modul Multimedia Kerja Amali Elektrokimia (MMKAE) (Khairunnisa, Ismail & Hafsah, 2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa pertama melibatkan kajian untuk mengenal pasti keperluan guru serta menentukan keperluan dan kesediaan guru (Mohd Nazri, Ramlee, Nik Azimah & Rosnidar, 2017). Berpandukan kaedah ini fasa analisis keperluan merupakan fasa pertama daripada tiga fasa yang dijalankan bagi memastikan model yang dibangunkan boleh menepati kehendak pengguna (Mohd Khaidir & Mohd Rashid, 2016). Fasa pelaksanaan dan penilaian menentukan kesesuaian penggunaan modul serta proses yang penting dalam kajian (Shariza, 2017).

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dinyatakan mendapati analisis keperluan modul sangat penting sebelum sesebuah modul dibangunkan. Analisis keperluan modul yang tepat dapat memastikan modul yang dibangunkan menepati sasaran penggunanya. Pengkaji menjalankan analisis keperluan modul bagi meninjau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahap keperluan memodifikasikan modul asal agar menepati sasaran pengguna utamanya iaitu murid bekeperluan khas bermasalah pembelajaran.

2.11 Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul

Kesahan ialah mengukur apa yang sepatutnya diukur atau apa yang kita ingin ukur melalui instrumen yang digunakan mesti mampu mengukur dengan tepat (Noraini, 2013). Maklumat yang tepat mengenai bahan-bahan pengajaran yang telah disediakan (Asmar, Hidayat, Ganefri, Islami & Edya, 2017). Prosedur kesahan melibatkan keseluruhan strategi yang digunakan oleh pengkaji untuk mengukuhkan kredibiliti kajian yang dijalankan (Creswell, 2016). Kesahan ditakrifkan sebagai satu konsep yang diukur dengan tepat di dalam kajian kuantitatif. (Heale & Twycross, 2015). Kesahan dan kebolehpercayaan adalah dua ciri yang paling penting dan asas dalam penilaian instrumen pengukuran atau alat untuk penyelidikan yang baik. Kesahan ialah berkaitan apa yang diukur oleh sesuatu instrumen, dan berapa baik ia boleh mengukurnya (Haradhan, 2017). Ini kerana satu instrumen yang sahih membolehkan pengukuran diukur dengan kejituan yang diharapkan (Lily, Maimun, Ashinida & Mus'ab, 2018).

Dua kaedah kesahan yang dijalankan ialah kesahan muka dan kesahan kandungan oleh penilai luar. Ini bermaksud, sesuatu instrumen itu boleh dianggap sah jika dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Aliff, Gamal, Norkhairiah & Chua, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebolehpercayaan modul yang tinggi membolehkannya digunakan untuk jangka masa yang panjang (Jamaludin, 2017). Kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi akan menyumbang kepada pembinaan modul yang berkesan dan membantu meningkatkan proses penyediaan kerjaya (Jasmi, Zakaria & Norwaliza, 2015). Kaedah dalam membina item–item bagi menentukan kebolehpercayaan modul adalah berdasarkan kepada objektif-objektif pada setiap aktiviti yang terdapat dalam modul (Md Noor, Nurul Ain & Norazani, 2016).

Nilai pekali kepercayaan yang lebih daripada .60 merupakan nilai yang sesuai dan sering digunakan oleh kebanyakan pengkaji (Chua, 2006). Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik, maka semakin jitu data yang diperoleh (Nor Syazwani, Rosseni, Siti Zuraida, Analisa & Karim, 2015). Kebolehpercayaan modul boleh disimpulkan sebagai satu prosedur bersistematik bertujuan menjadikan alat ukur mempunyai nilai konsisten walaupun digunakan pada masa yang berbeza (Sidek & Jamaludin, 2017).

Kesimpulannya, berdasarkan tinjauan literatur yang telah dibincangkan, kesahan dan kebolehpercayaan modul perlu dijalankan dengan baik untuk mengukur isi kandungan modul secara tepat dan mendapatkan nilai yang baik. Pengkaji menjalankan kesahan dan kebolehpercayaan modul bagi mengukur ketepatan nilai kandungan modul *MakeUpBed* yang dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.12 Keberkesanan Modul

Kajian keberkesanan adalah penting kerana hasil dapatan kajian dijadikan sebagai asas aplikasi pada masa yang akan datang (Nor Haziyanti, Nelfiantiy & Norsilawati 2019). Pendekatan kuantitatif (kuasi-eksperimen) digunakan sepenuhnya dalam kajian melibatkan ujian pra dan ujian pasca bagi menilai keberkesanan modul (Jupri, 2014). Intervensi berbeza perlu diberikan kepada dua kumpulan eksperimen untuk mendapat hasil yang terbaik (Ary, Jacobs & Razavieh, 2014). Jarak yang jauh antara ujian pra dan ujian pasca akan menjadikan ekperimen terdedah terhadap ancaman kesan peristiwa (Campbell & Stanley, 2015).

Kajian susulan perlu dilakukan untuk meneroka kesahihan dan kebolehpercayaan draf modul (Mohd Izwan, Sidek, Jamaludin & Wan Marzuki, 2017). Implikasi kajian menunjukkan penggunaan modul pengajaran berasaskan multimedia dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran subjek Reka Bentuk dan Teknologi (Ruzaini, 2017). Secara keseluruhannya, menyepadukan persembahan multimedia bahan pelajaran dengan teknik pembelajaran aktif meningkatkan faedah pendidikan (Sawyer, Obeid, Bublitz, Schwartz, Brooks & Richmond, 2017).

Modul yang dibina perlu menitikberatkan aspek isi kandungan, keberkesanan modul melalui perbandingan ujian pra dan ujian pasca, latihan bertulis serta merekodkan bilangan murid yang berjaya menggunakan modul sehingga tamat (Jamaluddin, 2017). Terdapat perbezaan prestasi di antara kumpulan yang menggunakan modul dengan kumpulan yang tidak menggunakan modul dalam kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dijalankan (Julismah, Norkhalid & Mohd Izwan, 2017). Keberkesanan sesuatu modul latihan hendaklah diuji melalui kaedah eksperimen (Sidek & Jamaludin, 2017).

Justeru, pengkaji menguji keberkesanan modul yang dibangunkan menggunakan instrumen ujian pra dan ujian pasca untuk menilai keberkesanan modul. Pengkaji telah merekodkan perbezaan prestasi bagi kumpulan yang menggunakan modul asal dengan modul yang telah dimodifikasikan yang dihasilkan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan semasa eksperimen dijalankan.

2.13 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui tinjauan literatur yang dikemukakan, semua bacaan dikumpulkan berdasarkan pemboleh ubah yang ditetapkan bagi membentuk satu kerangka asas bagi kajian ini. Melalui tinjauan literatur yang dijalankan dapat dirumuskan setiap fasa memainkan peranan yang sangat penting dalam pembinaan dan pengujian modul. Kaedah pengajaran menggunakan bantuan teknologi yang bersesuaian dengan keperluan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran juga penting. Penggunaan kaedah pengajaran yang bersesuaian dapat membantu murid menguasai kemahiran yang ingin dipertingkatkan. Dalam konteks kajian ini kemahiran yang diberikan tumpuan dan ingin dipertingkatkan ialah kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan MBPK MP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pendahuluan

Penulisan Bab Tiga umumnya membincangkan secara terperinci mengenai bagaimana pembangunan dan penilaian Modul *MakeUpBed* dijalankan. Penulisan Bab Tiga meliputi sembilan bahagian iaitu (i) pendahuluan, (ii) reka bentuk kajian, (iii) sampel kajian, (iv) lokasi kajian, (v) instrumen kajian, (vi) prosedur pengumpulan data, (vii) prosedur penganalisisan data, (viii) modul pembelajaran *MakeUpBed* dan (ix) rumusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian penyelidikan adalah kaedah akademik yang digunakan ke dalam dunia sebenar untuk menyelesaikan isu-isu yang timbul di dalam kehidupan (Ang, 2016). Penyelidikan kuantitatif adalah pendekatan untuk menguji teori objektif dengan mengkaji hubungan di antara pemboleh ubah. Pemboleh ubah mestilah sesuatu yang dapat diukur, biasanya menggunakan instrumen, sehingga data yang diperoleh dapat dianalisis dengan menggunakan prosedur statistik (Chin & Yan, 2017).

Apabila sampel kajian tidak dapat diagihkan secara rawak, keberkesanan sesuatu program dinilai dengan menggunakan kaedah kuasi eksperimental (Chua, 2014). Bilangan sampel yang terhad dan tidak seimbang dari segi jantina, umur, pendapatan keluarga dan tahap IQ menyebabkan pengkaji memilih reka bentuk kajian ini. Kajian ini juga tidak menepati syarat data para metrik yang memerlukan sekurang-kurangnya 30 sampel atau data. Justeru, pengkaji menggunakan dua reka bentuk kajian iaitu (i) kajian tinjauan semasa fasa pembinaan modul dan (ii) reka bentuk kuasi eksperimental dengan data nonparametrik semasa fasa pengujian modul bagi menjawab persoalan kajian yang telah dicadangkan di dalam Bab Satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.1 Reka Bentuk Kajian Tinjauan Semasa Fasa Pembinaan Modul

Jadual 3.1 menunjukkan proses kajian tinjauan dijalankan semasa fasa pembinaan modul. Terdapat lapan proses yang telah digunakan oleh pengkaji. Proses pertama ialah menyatakan tujuan kajian dengan menyenaraikan tujuan serta membina soalan kajian yang selari dengan soalan kajian. Proses kedua ialah mengenal pasti sumber yang diperlukan iaitu sumber untuk pembinaan instrumen, pengumpulan data dan analisis data.

Proses ketiga ialah mengenal pasti ciri sampel yang dilibatkan semasa kajian dijalankan. Proses keempat yang perlu dilakukan ialah menentukan bilangan subjek sampel kajian dan memilih sampel dari populasi kajian. Proses kelima ialah menentukan kaedah kajian yang digunakan iaitu memilih kaedah kajian tinjauan yang sesuai dengan kemampuan pengkaji. Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik melibatkan penggunaan media elektronik.

Proses keenam ialah menyediakan instrumen kajian iaitu membina instrumen berdasarkan soalan kajian. Pengkaji menggunakan instrumen ubah suai bagi kajian ini. Proses ketujuh ialah menganalisis data kajian. Data yang dipungut dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Proses kelapan ialah mengeneralisasikan hasil kajian iaitu membuat generalisasi keputusan kajian kepada populasi kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Proses Kajian Tinjauan

Bil	Proses	Langkah
1.	Menyatakan tujuan kajian	Menyenaraikan tujuan kajian dan seterusnya membina soalan kajian yang selari dengan tujuan kajian
2.	Mengenal pasti sumber yang diperlukan	Mengenal pasti sumber-sumber untuk pembinaan instrumen, pengumpulan data dan analisis data.
3.	Mengenal pasti populasi sasaran	Mengenal pasti ciri-ciri sampel iaitu guru Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
4.	Menentukan saiz sampel	Menentukan saiz sampel dan memilih hanya guru yang mengajar program Operasi Pengemasan.
5.	Menentukan kaedah kajian tinjauan	Memilih menggunakan kaedah soal selidik melalui media elektronik.
6.	Menyediakan instrumen kajian	Instrumen kajian disediakan berdasarkan soalan kajian yang telah dinyatakan.
7.	Menganalisis data kajian	Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif.
8.	Mengeneralisasikan hasil kajian	Mengeneralisasikan keputusan kajian kepada populasi kajian.

Diadaptasi dari Chua, 2014.

3.2.2 Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimental Semasa Fasa Pengujian Modul

Jadual 3.2 menunjukkan reka bentuk kuasi eksperimental yang digunakan semasa fasa pengujian modul bagi menguji peningkatan kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran. Dua kumpulan digunakan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kedua-dua kumpulan perlu melalui ujian pra dan ujian pasca. Ujian pra diberi sebelum rawatan dijalankan. Ujian pasca dijalankan selepas rawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selesai. Kumpulan rawatan menggunakan Modul *MakeUpBed* dalam PdP manakala kumpulan kawalan menggunakan modul asal Operasi Pengemasan.

Jadual 3.2

Reka bentuk kuasi eksperimental

Kumpulan	Ujian Pra	Rawatan	Ujian Pasca
Rawatan	X1	Modul *MakeUpBed*	X2
Kawalan	Y1	Modul (Asal) Operasi Pengemasan	Y2

Diadaptasi dari Azizi Yahaya, Voo, Ismail & Mohd Dahlan, 2017.

3.3 Sampel Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 menunjukkan sampel kajian yang terlibat dalam pembinaan Modul *MakeUpBed.* Sampel mestilah mempunyai unsur-unsur persamaan dengan populasi (Suriani, 2016). Dalam konteks kajian ini, sampel yang digunakan terdiri dari 55 orang.

Pengkaji membahagikan sampel kajian mengikut fasa iaitu sampel kajian bagi fasa pembinaan modul dan sampel kajian bagi fasa pengujian modul. Fasa pembinaan modul melibatkan sampel bagi tujuan (i) kesahan soal selidik tinjauan keperluan modul melibatkan lima orang pakar dan berpengalaman dalam SKM, program Operasi Pengemasan, pendidikan khas dan pembinaan Item pentaksiran., (ii) Sampel kajian bagi tujuan meninjau keperluan modifikasi modul melibatkan 34 orang guru yang mengajar program Operasi Pengemasan di tiga buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vokasional, (iii) sampel kajian bagi tinjauan penilaian kesahan modul ditadbir dengan melibatkan dua orang wakil industri bidang Operasi Pengemasan, seorang Pegawai Pengesahan Dalaman, seorang ketua panitia Operasi Pengemasan, dan seorang pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Seramai lima orang penilai kesahan modul terlibat dan (iv) sampel kajian bagi penilaian kebolehpercayaan modul melibatkan enam orang sampel dari kumpulan tunggal. Sampel kajian bagi fasa pengujian modul melibatkan sampel bagi tujuan kajian kuasi eksperimental melibatkan sepuluh orang MBPK MP yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Sampel dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan.

Jadual 3.3

Sampel Kajian

Fasa Kajian	Bilangan Sampel	Ciri-Ciri Sampel
Fasa Pembinaan Modul: 1. Penilaian kesahan soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul	Lima orang penilai: (i) Penolong Kanan Pendidikan Khas	Berpengalaman luas dengan MBPK MP melebihi 15 tahun.
	(ii) Guru Kemahiran Berpengalaman	Berpengalaman mengajar melebihi MBK selama 27 tahun.
	(iii) Ketua Panitia Operasi Pengemasan	Berpengalaman menyediakan soalan penilaian teori Operasi Pengemasan.

Bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 (Sambungan)

Fasa Kajian	Bilangan Sampel	Ciri-Ciri Sampel
	(iv) Pegawai Penilai JPK	Berpengalaman menyelia soalan penilaian SKM.
	(v) Pegawai Pengesah Dalaman JPK	Berpengalaman dalam menjalankan verifikasi Portfolio calon SKM.
2. Tinjauan keperluan modifikasi modul	34 orang guru	Terlibat dalam PdP Program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) melibatkan MBPK MP.
3. Kesahan modul	Lima orang penilai	
	(i) Wakil Industri bidang Operasi Pengemasan 1	Berpengalaman luas dalam bidang Operasi Pengemasan melebihi 12 tahun
	(ii) Wakil industri bidang Operasi Pengemasan 2	Berpengalaman luas dalam bidang operasi pengemasan melebihi 18 tahun.
	(iii)Pegawai Pengesahan Dalaman, JPK	Berpengalaman dalam menjalankan verifikasi portfolio SKM.
	(iv Ketua Panitia Program Operasi Pengemasan	Berpengalaman dalam program Operasi pengemasan
	(v) Pensyarah IPTA	Pakar akademik.
4. Rintis Kebolehpercayaan modul	Enam orang murid:	Kumpulan tunggal yang terlibat dalam PdP menggunakan Modul *MakeUpBed.*
Fasa Pengujian Modul:		
5. Kuasi eksperimental	Sepuluh orang sampel: (i) Lima orang murid terlibat dalam kumpulan rawatan. (ii) Lima orang murid terlibat dalam kumpulan kawalan.	MBPK MP yang sedang mengikuti program Operasi Pengemasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Lokasi Kajian

Jadual 3.4 menunjukkan rumusan lokasi pelaksanaan kajian. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah sekolah yang menawarkan program operasi pengemasan (HT-050-3:2012) kepada murid MBPK MP. Ketiga-tiga lokasi terlibat dalam pengumpulan data tinjauan keperluan modifikasi modul yang telah dibangunkan. Lokasi kajian untuk pengumpulan data kesahan modul melibatkan negeri-negeri seperti Selangor, Perak dan Pahang. Lokasi kajian bagi pengumpulan data penilaian kebolehpercayaan modul dibuat di SMPKV X melibatkan enam orang sampel. Lokasi kajian pada peringkat pengujian modul melibatkan SMPKV Y dengan menggunakan kaedah kuasi eksperimental. Bilangan sampel yang menepati syarat kaedah kajian menyebabkan pengkaji memilih lokasi Y.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Lokasi Kajian

Peringkat Kajian	**Lokasi**	**Bilangan sampel**
1. Kesahan soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul	(i) Selangor (ii) Putrajaya (iii)Kuala Lumpur	Lima orang penilai
2. Tinjauan keperluan modifikasi modul	(i) SMPKV X (ii) SMPKV Y (iii) SMPKV Z	34 orang guru yang mengajar program Operasi Pengemasan (HT-050 3:2012)
3. Kesahan modul	(i) Selangor (ii) Perak (iii)Pahang	Lima orang pakar
4.Rintis Kebolehpercayaan modul	(i) SMPKV X	Enam orang murid dari kumpulan tunggal yang terlibat dalam PdP menggunakan Modul *MakeUpBed*
5. Kuasi eksperimental	(i) SMPKV Y	Sepuluh orang sampel yang dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Instrumen Kajian

Data kajian boleh dikumpulkan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang direka khusus supaya data kajian tersebut boleh dianalisis dengan tepat (Chua, 2014). Proses pengumpulan data menggunakan instrumen kajian sebagai alat mengumpul data (Azizi, Voo, Ismail & Mohd Dahlan, 2017). Instrumen kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu instrumen fasa pembinaan modul dan instrumen fasa pengujian modul. Terdapat tiga instrumen bagi mengukur objektif kajian iaitu (i) soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul, (ii) penilaian kesahan modul dan (iii) penilaian kemahiran mengemas katil (ujian pra dan ujian pasca).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Instrumen Fasa Pembinaan Modul

Sebelum modul dibina terdapat peraturan dan prosedur yang mesti dipatuhi supaya modul yang dihasilkan dapat memberi kesan yang terbaik kepada pengguna (Jamaluddin, 2008). Maklumat dalam persekitaran yang hendak dikaji dikumpulkan semasa fasa permulaan kajian (Saedah, Norlidah, Dorothy & Zaharah, 2013). Fasa pembinaan modul melibatkan dua instrumen iaitu (i) soal selidik tinjauan keperluan modul dan (ii) borang penilaian kesahan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1.1 Instrumen Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul

Jadual 3.5 menunjukkan item soal selidik keperluan modifikasi modul. Dalam konteks kajian ini, instrumen soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul adalah instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada guru-guru di SMPKV yang mengajar subjek Operasi Pengemasan. Tinjauan ini dijalankan dengan tujuan untuk meninjau keperluan pembinaan modifikasi modul pembelajaran Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) yang digunakan oleh murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran di SMPKV. Instrumen soal selidik keperluan modifikasi modul ini merupakan instrumen yang dibina semula berpandukan soal selidik yang dibina oleh pengkaji lepas.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Soal selidik ini memerlukan jawapan berbentuk skala Likert lima mata iaitu Sangat Setuju (5), Setuju (4), Tidak Pasti (3), Tidak Setuju (2) dan Sangat Tidak Setuju (1). Item-item soal selidik ini dibina dan diubahsuai dari soal selidik yang digunakan oleh Yin dan Liang (2015), Ahmad Yazid (2018), Jamariah, Mahani dan YM Raja Azuan Nahar (2017), Nor Jannah (2017), Aliza dan Zamri (2017) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (2013a).Hasil dari rumusan analisis, soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul yang dibina dan diubahsuai ini secara keseluruhannya mempunyai 33 item. Soal selidik ini mempunyai lima bahagian iaitu (i) maklumat demografi, (ii) isu dan permasalahan sedia ada, (iii) penilaian modifikasi kandungan program, (iv) reka bentuk modul dan (v) cadangan. Item-item pada bahagian penilaian modifikasi kandungan program yang mewakili tajuk-tajuk modul dikekalkan dalam Bahasa Inggeris tanpa diubah ke Bahasa Melayu kerana guru-guru telah biasa dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

struktur ayat Bahasa Inggeris. Alih bahasa dikhuatiri mengelirukan guru semasa menjawab soal selidik

Jadual 3.5

Item Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul

Bil	Senarai Item	Tahun	Sumber	Rasional Ubah suai
A: Maklumat Demografi				
1.	Tempat Bertugas	2018	Ahmad Yazid Ahmad	Ubah suai nama tempat bertugas supaya selari dengan kajian ini.
2.	Jantina	2015	Yin & Liang	-
3.	Kursus Asas Pendidikan Khas	2018	Ahmad Yazid Yahya	-
4.	Bilangan tahun mengajar murid pendidikan khas	2015	Yin & Liang	-
5.	Bilangan tahun mengajar program vokasional	2015	Yin & Liang	-
Bahagian B : Isu dan Permasalahan Sedia Ada				
1.	Anda perlukan modul yang lebih spesifik untuk mengendalikan program Operasi Pengemasan.	2017	Jamariah Muhamad, Mahani Razali & YM Raja Azuan Nahar Raja Adnan	Diubah suai daripada perkataan modul pergerakan kreatif kepada program operasi pengemasan supaya selari dengan kajian ini.
2.	Anda kurang memahami elemen asas program operasi pengemasan.	2017	Jamariah Muhamad, Mahani Razali, YM Raja Azuan Nahar Raja Adnan	Diubah suai daripada elemen asas pergerakan kreatif kepada operasi pengemasan supaya selari dengan kajian ini.
3.	Anda terpaksa memodifikasikan ABM berdasarkan keperluan MBPK MP.	2017	Nor Jannah Hassan	Diubah suai dari perkataan kategori bermasalah penglihatan kepada MBPK MP supaya selari dengan kajian ini.

Bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5 (*Sambungan)*

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber	Rasional Ubah suai
4.	Anda terpaksa memodifikasi teknik pengajaran berdasarkan keperluan MBPK MP.	2017	Nor Jannah Hassan	Diubah suai dari perkataan kategori bermasalah penglihatan kepada MBPK MP supaya selari dengan kajian ini.
5.	Kandungan modul sedia ada tidak disusun dari mudah ke susah.	2015	Aliza Ali & Zamri Mohamod	-
6.	Bentuk penyampaian modul tidak dapat meningkatkan motivasi belajar murid	2015	Aliza Ali & Zamri Mohamod	-
7.	Pengetahuan anda dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran program ini sangat kurang.	2017	Jamaliah Muhamad, Mahani Razali & YM Raja Azuan Nahar Raja Adnan	Diubah suai menjadi ayat penyata supaya selari dengan item yang lain.
8.	Bimbingan dalam mengendalikan program ini kurang disediakan.			Ubah suai sifat item agar sifat item selari dengan item-item yang lain.
9.	Bahan Bantu Mengajar sukar didapati dan kurang tersedia.			Ubah suai sifat item agar sifat item selari dengan item-item yang lain.
10	Bahan Pengajaran Bertulis yang disediakan kurang membina keyakinan diri untuk melaksanakan sesi pengajaran.	2013	JPK	Ubah suai sifat item agar sifat item selari dengan item-item yang lain.
11.	Pelan Mengajar Teori tidak disusun secara sistematik mengikut apa yang hendak disampaikan .			Ubah suai sifat item agar sifat item selari dengan item-item yang lain.
12.	Pelan Mengajar Amali tidak disusun secara sistematik mengikut apa yang hendak disampaikan.			Ubah suai sifat item agar sifat item selari dengan item-item yang lain.
Bahagian C: Penilaian Modifikasi Kandungan Program				
1.	*CU01: Guest Room Preparations.*	2013	JPK	-
2.	*CU02:Housekeeping Guest Services.*			-

Bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5 (Sambungan)

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber	Rasional Ubah suai
3.	*CU03: Public Area and Facilities Maintenance.*			-
4.	*CU04:Laundry and linen Services.*			-
5.	*CU05:Housekeeping VIP services.*			-
6.	*CU06:Housekeeeping Quality Inspections.*			-
7.	*CU07:Housekeeping Inventory and Stock Control.*			-
8.	*CU08:Housekeeping Staff Administrations.*			-
Bahagian D: Reka Bentuk Modul				
1.	Modul perlu mengandungi contoh Rancangan Pengajaran Harian			-
2.	Modul mesti memotivasikan murid.			-
3.	Modul mesti menyatakan objektif pembelajaran yang jelas.	2015	Aliza Ali & Zamri Mohamod	-
4.	Modul mesti memperincikan langkah-langkah pelaksanaan.			-
5.	Modul mesti mencadangkan kaedah dan teknik bersesuaian.			-
6.	Modul ini mesti mempunyai lembaran kerja untuk murid.			-
7.	Modul mesti menggunakan bahasa yang mudah bersesuaian dengan keupayaan murid.			-
8.	Modul mesti disusun daripada mudah ke susah.			-
Bahagian E: Cadangan				
1.	(i) Cadangan dari aspek reka bentuk. (ii) Cadangan dari aspek modifikasi	2016	Alijah Ujang	Dipinda kepada dua item yang berbeza supaya selari dengan tujuan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1.2 Borang Penilaian Kesahan Modul

Jadual 3.6 menunjukkan berkenaan item-item penilaian kesahan modul yang digunakan. Item-item soal selidik ini dibina dan diubahsuai dari soal selidik yang digunakan oleh Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang & Mazlina Che Mustafa (2017), Nur Liyana Ibrahim, Mohammad Aziz Shah & Mohammad Nasir Bistamam (2014), Wahyu Berti (2012), Chanrika Sivadasan (2003) dan Nur Jannah Hassan (2017). menggunakan Skala Likert empat mata iaitu Sangat Setuju (4), Setuju (3), Tidak Setuju (2) dan Sangat Tidak Setuju (1) Penilaian kesahan modul yang dibina dan diubah suai ini mengandungi 16 item. Terdapat tiga bahagian iaitu, (i) maklumat diri penilai, (ii) penilaian kandungan modul yang mengandungi sub bahagian aras pembelajaran, kandungan/sukatan pembelajaran serta kaedah/konsep pembelajaran dan (iii) cadangan penambahbaikan modul.

Jadual 3.6

Item Penilaian Kesahan Modul

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber	Rasional Ubah suai
Bahagian A:Maklumat Diri Penilai				
1.	Tahap Kelayakan Akademik	2017	Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang & Mazlina Che Mustafa	-
2.	Organisasi			-
Bahagian B : Penilaian Kandungan Modul Aras Pembelajaran				
1.	Konsep dan kaedah yang digunakan betul dan tepat	2012	Wahyu Berti Rahmantiwi	-
2.	Pembelajaran secara sistematik dan berperingkat	2012	Wahyu Berti Rahmantiwi	-

Bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6 (Sambungan)

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber	Rasional Ubah suai
3.	Kandungan pembelajaran modul sesuai dengan tahap intelektual MBPK MP	2012	Wahyu Berti Rahmantiwi	-
4.	Kandungan pembelajaran modul dipecahkan kepada subtopik dan unit.	2003	Chanrika Sivadasan	-
Kandungan/Sukatan Pembelajaran				
5.	Kandungan modul ini menepati populasinya	2014	Nur Liyana Ibrahim, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, & Mohammed Nasir Bistamam	-
6.	Isi kandungan modul ini selaras dengan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK).	2003	Chandrika Sivadasan	Diubah suai daripada perkataan sukatan pelajaran pendidikan khas kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan supaya selari dengan penilaian ini.
7.	Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna	2017	Nur Jannah Hassan	
8.	Kandungan modul ini bersesuaian dengan tempoh masa pengajaran	2014	Nur Liyana Ibrahim, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, & Mohammed Nasir Bistamam	
9.	Aktiviti atau latihan yang disediakan bersesuaian dan berkaitan dengan objektif dan matlamat pembelajaran			
Kaedah dan Konsep Pembelajaran				
10.	Bahan pembelajaran menarik dan bersesuaian	2017	Jamaiah Muhamad & Mahani Razali	

Bersambung...

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6 (Sambungan)

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber	Rasional Ubah suai
11.	Konsep pembelajaran bersifat penerapan kemahiran			-
12.	Konsep dan kaedah pengajaran mudah diikuti	2017	Jamariah	-
14.	Modul disusun secara lengkap dan teratur serta mudah digunakan		Muhamad & Mahani Razali	-
15.	Bahan bantu mengajar mudah didapati			-
Bahagian C : Cadangan Penambahbaikan Modul				
16.	Lain-lain komen berkenaan modul ini (sila nyatakan):	2003	Chanrika Sivadasan	-

3.5.2 Instrumen Fasa Pengujian Modul

Fasa pengujian modul bagi kajian ini melibatkan satu instrumen iaitu instrumen borang penilaian kemahiran mengemas katil (ujian pra dan ujian pasca).

3.5.2.1 Penilaian Kemahiran Mengemas Katil Tetamu (Ujian Pra dan Ujian Pasca)

Jadual 3.7 menunjukkan kedudukan soalan ujian pra dan ujian pasca berdasarkan setiap sub modul di dalam modul *MakeUpBed*. Bilangan item soalan ujian pra dan ujian pasca adalah sebanyak 20 item berbentuk objektif. Soalan berbentuk Aneka Pilihan disediakan. Setiap soalan diberi nilai sebanyak satu markah. Markah penuh ialah 20 markah. Pencapaian murid diukur melalui bilangan jawapan betul yang dijawab oleh murid. Instrumen ujian pra dan ujian pasca yang digunakan dalam kajian ini melibatkan item-item yang diadaptasi dari Kertas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian Teori CU01 *Guest Room Preparations.* Pengkaji memilih soalan yang berkaitan dengan aktiviti kerja (05):mengemas katil tetamu.

Reka bentuk yang paling kerap digunakan dalam kaedah penyelidikan kuasi eksperimental ialah reka bentuk ujian pra-pasca bagi kumpulan-kumpulan yang tidak seimbang-*non-equivalent groups pre-post test design* (Chua, 2014). Ujian pra dan ujian pasca digunakan untuk mengenal pasti tahap kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan murid. Ujian pra diberikan sebelum intervensi dimulakan dan peningkatan terhadap kemahiran murid dinilai melalui ujian pasca setelah selesai intervensi dijalankan. Soalan bagi ujian pra dan ujian pasca adalah dari set soalan yang sama. Kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan telah diberikan set yang sama semasa ujian pra dan ujian pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap item dibina mengikut bentuk dan format Panduan Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran yang dibangunkan oleh JPK. Soalan disediakan mengikut aras kesukaran yang telah ditetapkan oleh sistem peperiksaan dalaman sekolah iaitu 60 peratus soalan aras rendah, 30 peratus soalan aras sederhana dan 10 peratus soalan aras tinggi. Bilangan soalan aras rendah melebihi aras soalan sederhana dan aras tinggi adalah disebabkan oleh aras kognitif murid MBPK MP yang rendah dari murid normal. Kedua-dua soalan ujian pra dan ujian pasca adalah menggunakan set soalan yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Kedudukan item ujian pra dan ujian pasca berdasarkan setiap sub modul di dalam modul MakeupBed

Item	Sub modul
1	Sub modul 1: Mengenali katil
2	Sub modul 4: Mari mengemas katil tetamu
3	Sub modul 1: Mengenali katil
4	Sub modul 3: Penjagaan linen
5	Sub modul 2: Mengenali linen
6	Sub modul 2: Mengenali linen
7	Sub modul 2: Mengenali linen
8	Sub modul 2: Mengenali linen
9	Sub modul 3: Penjagaan linen
10	Sub modul 3: Penjagaan linen
11	Sub modul 4: Mari mengemas katil tetamu
12	Sub modul 2: Mengenali linen
13	Sub modul 4: Mari mengemas katil tetamu
14	Sub modul 4: Mari mengemas katil tetamu
15	Sub modul 4: Mari mengemas katil tetamu
16	Sub modul 1: Mengenali linen
17	Sub modul 1: Mengenali linen
18	Sub modul 1: Mengenali linen
19	Sub modul 3: Penjagaan linen
20	Sub modul 3: Penjagaan linen

3.5.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dalam kajian ini melibatkan (i) instrumen soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul, (ii) instrumen borang penilaian kesahan modul, (iii) instrumen borang penilaian kebolehpercayaan modul dan (iv) instrumen borang penilaian kemahiran mengemas katil tetamu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.3.1 Instrumen Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul

Jadual 3.8 menunjukkan kesahan kandungan soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul. Kesahan soal selidik tinjauan keperluan modul dikumpul melalui dapatan yang diberikan oleh pakar penilai. Lima orang pakar yang berpengalaman dalam bidang SKM dan Operasi Pengemasan diamanahkan untuk menilai kesahan kandungan soal selidik. Lima orang pakar dalam bidang bahasa menilai kesahan muka. Data dikumpul melalui borang penilaian kesahan soal selidik yang dilampirkan bersama soal selidik yang perlu dinilai oleh pakar. Borang penilaian kesahan soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul di serahkan kepada pakar penilai bersama-sama set soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul dan surat kebenaran menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengumpulan data meliputi bahagian yang terdapat di dalam set soal selidik iaitu (i) Bahagian B: isu dan permasalahan sedia ada, (iii) Bahagian C: penilaian modifikasi kandungan program, dan (iv) Bahagian D: reka bentuk modul Semua pakar penilai telah membuat penilaian dalam masa satu minggu. Komen dan cadangan telah dicatatkan dalam lampiran yang disediakan pada borang penilaian. Pengkaji mengumpul semula semua edaran setelah pakar penilai selesai membuat kesahan untuk dianalisis. Penambahbaikan dilakukan mengikut komen dan cadangan yang diberi oleh pakar sebelum borang soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul diedarkan kepada responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi konstruk Isu dan masalah sedia ada purata kesahan ialah .823, kesahan bagi konstruk penilaian modifikasi kandungan program ialah .910 dan konstruk reka bentuk modul mempunyai purata kesahan .881.

Jadual 3.8

Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul

Bil	Konstruk	Kesahan Bahasa	Kesahan Kandungan	Purata Kesahan
1.	Maklumat demografi	.864	-	.864
2.	Isu dan masalah sedia ada	.880	.767	.823
3.	Penilaian modifikasi kandungan program	.880	.960	.910
4.	Reka bentuk modul	.835	.925	.881
	Jumlah Purata	.865	.884	.874

Jadual 3.9 menunjukkan analisis bagi penilaian kebolehpercayaan soal selidik keperluan modifikasi modul. Bagi menentukan nilai pekali kebolehpercayaan soal selidik keperluan modifikasi modul, pengkaji menggunakan kaedah *Cronbach Alpha* untuk mendapatkan nilai bagi kebolehpercayaan soal selidik. Nilai *Cronbach Alpha* bagi kebolehpercayaan soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul ialah .759.

Pengumpulan data bagi kebolehpercayaan soal selidik keperluan modifikasi modul kajian ini dilakukan dengan mengumpul dapatan daripada sampel yang menjawab soal selidik iaitu seramai 34 sampel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.9

Analisis Kebolehpercayaan Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul

Bil	Nilai Alpha Croanbach	Nilai Item Standard	Item (n)
1.	.759	.823	28

Jadual 3.10 menunjukkan analisis item *Cronbach Alpha* bagi soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul. Berdasarkan dapatan yang dikumpul, nilai *Croanbach Alpha* dianalisis menggunakan SPSS bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Pengumpulan data bagi kebolehpercayaan soal selidik tinjauan keperluan modul meliputi konstruk-konstruk dari (i) Bahagian B: isu dan permasalahan sedia ada dengan 12 item, (ii) Bahagian C: penilaian modifikasi kandungan program dengan lapan item dan (iii) Bahagian D: reka bentuk modul dengan lapan item. Nilai *Cronbach Alpha* yang dicatatkan bagi setiap item yang digunakan melepasi .7. Min bagi item C1 iaitu CU01 *Guest Room Preparations* mempunyai nilai min tertinggi dalam konstruk penilaian modifikasi kandungan. Item C1 dipilih sebagai kandungan modul yang perlu dimodifikasi. Tiada item yang ditolak bagi soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Analisis Cronbach Alpha item bagi soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul

Item	Pernyataan	Min	Variance	Nilai *Cronbach Alpha*
B1	Anda perlukan modul yang lebih spesifik untuk mengendalikan program Operasi Pengemasan	4.1176	.53737	.749
B2	Anda kurang memahami elemen asas program operasi pengemasan.	3.9707	0.67354	.753
B3	Anda perlu memodifikasi ABM berdasarkan keperluan MBPK MP	0.2353	1.10258	.742
B4	Anda perlu memodifikasi teknik pengajaran berdasarkan keperluan MBPK MP	3.2941	1.0089	.739
B5	Kandungan modul sedia ada tidak disusun secara sistematik dari mudah ke susah	3.7059	.75996	.768
B6	Bentuk penyampaian modul sedia ada tidak menarik atau tidak dapat meningkatkan motivasi belajar murid.	3.4118	.74336	.769
B7	Pengetahuan anda dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran program ini masih kurang.	2.3824	.81704	.758
B8	Bimbingan dalam mengendalikan program ini kurang disediakan.	2.8529	1.01898	.733
B9	Bahan Bantu Mengajar sukar didapati dan kurang tersedia.	3.9118	.51450	.758
B10	Bahan Pengajaran Bertulis yang disediakan kurang membina keyakinan untuk melaksanakan sesi pengajaran.	4.0588	2.3883	.756
B11	Pelan Mengajar Teori tidak disusun secara sistematik mengikut apa yang hendak disampaikan	3.9706	.38810	.754
B12	Pelan Mengajar Amali tidak disusun secara sistematik mengikut apa yang hendak disampaikan.	4.0294	.17150	.755
C1	*CU01: Guest Room Preparations.*	4.7353	79043	.749
C2	*CU02: Hous.ekeeping Guest Services.*	3.1765	1.11384	.756
C3	*CU03: Public Area and Facilities Maintenance.*	3.0000	.89413	.746
C4	*CU04: Laundry and linen Services.*	2.5588	.89413	.737
C5	*CU05: Housekeeping VIP services.*	2.3824	.107350	.756
C6	*CU06: Housekeeeping Quality Inspections.*	2.6471	1.06926	.755

Bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10 (Sambungan)

Item	Pernyataan	Min	Variance	Nilai *Cronbach Alpha*
C7	*CU07: Housekeeping Inventory and Stock Control.*	2.7647	1.01679	.755
C8	*CU08: Housekeeping Staff Administrations.*	3.0294	.99955	.753
D1	Modul perlu mengandungi contoh Rancangan Pengajaran Harian.	4.3235	.53488	.749
D2	Modul mesti memotivasikan murid.	4.2059	.53820	.742
D3	Modul mesti menyatakan objektif pembelajaran yang jelas	4.2941	.52394	.749
D4	Modul mesti memperincikan langkah-langkah pelaksanaan.	4.3824	.49327	.747
D5	Modul mesti mencadangkan kaedah dan teknik bersesuaian.	4.3529	.48507	.745
D6	Modul mesti mempunyai lembaran kerja untuk murid.	4.2941	.46250	.746
D7	Modul mesti menggunakan bahasa yang mudah bersesuaian dengan keupayaan murid.	4.2941	.46250	7.44
D8	Modul mesti disusun daripada mudah ke susah .	4.2647	.44781	7.45

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11 menunjukkan interpretasi min dan tahap bagi keperluan modifikasi modul. Nilai min yang ditetapkan ialah (i) 1.00-2.33 bersamaan dengan sangat rendah yang membawa maksud modifikasi modul tidak diperlukan, (ii) 2.34-3.66 bersamaan dengan sederhana yang membawa maksud modifikasi modul bagi program ini agak diperlukan dan (iii) 3.67-5.00 bersamaan dengan tinggi yang membawa maksud modifikasi modul sangat diperlukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11

Interpretasi Skor Min dan Tahap Keperluan Modifikasi Modul MakeUpBed

Nilai Min	**Tahap**	**Interpretasi**
1.00-2.33	Rendah	Modifikasi modul tidak perlu
2.34-3.66	Sederhana	Modifikasi modul agak diperlukan
3.67-5.00	Tinggi	Modifikasi modul sangat diperlukan

3.5.3.2 Instrumen Penilaian Kesahan Modul

Kesahan modul melibatkan kesahan muka dan kesahan kandungan. Kesahan muka melibatkan penilaian dari segi penggunaan bahasa. Kesahan muka tidak melibatkan soal selidik. Hanya laporan sahaja yang dikemukakan oleh pakar. manakala kesahan kandungan melibatkan kesahan dari segi kandungan soal selidik. Penilai telah memberi komen, cadangan atau penambahbaikan yang perlu dilakukan pada modul. Pengkaji telah membuat penambahbaikan pada modul berdasarkan komen dan cadangan yang diberikan.

Bagi memastikan kesahan kandungan, formula khas digunakan iaitu jumlah skor yang diisi oleh pakar (X) dibahagikan dengan jumlah skor keseluruhan (Y) dan didarabkan dengan seratus. Menurut Sidek & Jamaludin (2017), sesuatu modul adalah disahkan mempunyai kesahan yang tinggi apabila ia memperoleh markah melebihi 70% ke atas.

$$\frac{\text{Jumlah Skor Pakar}}{\text{Skor Maksimum (25)}} \times 100\% = \text{Pencapaian Kesahan}$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah skor yang diberikan oleh pakar melalui skala Likert dijumlahkan dan seterusnya skor yang diperolehi dibahagikan dengan skor maksimum skala Likert (25) dan kemudiannya didarabkan dengan 100. peratusan yang diperolehi perlu melebihi 70% untuk membolehkan modul yang dibina mempunyai kesahan kandungan yang tinggi tetapi jika peratusan yang dicatatkan kurang daripada 70% kandungan modul yang dibina tidak mempunyai kesahan yang baik. Aspek yang diberi fokus di dalam borang penilaian kesahan modul ini ialah (1) maklumat diri penilai, (2) Penilaian kandungan modul dan (3) cadangan penambahbaikan.

3.5.3.3 Instrumen Penilaian Kebolehpercayaan Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.12 menunjukkan interpretasi skor min dan tahap kebolehpercayaan modul. Analisis data bagi persoalan kajian ketiga, iaitu untuk mengkaji tahap kebolehpercayaan modul Operasi Pengemasan. Data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif melibatkan peratusan, min, median dan mod. Data telah dianalisis menggunakan *Statistical for Social Science Package* (SPSS). Nilai min yang telah ditetapkan ialah (i) 1.00-2.33 bersamaan dengan sangat rendah, yang membawa maksud kebolehpercayaan modul sangat rendah, (ii) 2.36-3.66 bersamaan dengan sederhana yang membawa maksud kebolehpercayaan modul berada pada tahap sederhana, dan (iii) 3.67-5.00 bersamaan dengan tinggi yang membawa maksud kebolehpercayaan modul sangat tinggi. Bagi menentukan nilai pekali kebolehpercayaan modul, nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cronbach Alpha digunakan. Soal selidik yang telah lengkap diisi oleh murid dianalisis bagi mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan modul.

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketepatan dan kestabilan (Nurul Nazirah dan Khairul Anuar, 2016). Dalam konteks kajian ini, borang penilaian kebolehpercayaan modul telah diedarkan kepada murid setiap kali selepas selesai sub modul dijalankan. Data dikumpul dari skor markah skala Likert lima mata yang di tandakan oleh murid. Penilaian kebolehpercayaan modul kajian ini melibatkan item-item yang disusun berdasarkan langkah-langkah aktiviti di dalam setiap sub modul. Modul *MakeUpBed* mengandungi empat sub modul. Pengumpulan data meliputi item-item berdasarkan aktiviti di dalam keempat empat sub modul yang dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.12

Interpretasi Skor Min dan Tahap Kebolehpercayaan Modul

Nilai Min	**Tahap**	**Interpretasi**
1.00-2.33	Rendah	Kebolehpercayaan modul sangat rendah.
2.34-3.66	Sederhana	Kebolehpercayaan modul sederhana.
3.67-5.00	Tinggi	Kebolehpercayaan modul sangat tinggi.

3.5.3.4 Penilaian Kebolehpercayaan Modul

Jadual 3.13 menunjukkan penilaian kebolehpercayaan modul. Penilaian kebolehpercayaan modul dilakukan dengan menjalankan rintis kebolehpercayaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

modul. Modul diberikan kepada guru yang terlibat dengan PdP. Guru telah menjalankan PdP menggunakan modul yang telah dibina. Selepas setiap satu sub modul, murid diberikan penilaian yang mengandungi soalan berkaitan aktiviti yang telah dijalankan. Murid menjawab penilaian berdasarkan kefahaman terhadap aktiviti dalam sub modul. Kesemua sub modul telah dijalankan kebolehpercayaan dalam sesi ini.

Penilaian disediakan berdasarkan langkah-langkah aktiviti yang terdapat dalam setiap sub modul. Hanya satu kumpulan tunggal yang terlibat dalam penilaian kebolehpercayaan modul. Penilaian kebolehpercayaan modul mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah berkaitan maklumat demografi yang mengandungi enam item berkaitan maklumat diri sampel termasuk satu soalan mengenai pandangan sampel terhadap modul. Bahagian B penilaian kebolehpercayaan modul mengandungi lima sub bahagian berdasarkan sub modul dalam Modul *MakeUpBed*. Pernyataan dalam setiap sub bahagian disusun mengikut jumlah langkah-langkah yang terdapat dalam sub modul. Penilaian kebolehpercayaan modul menggunakan skala Likert empat mata iaitu Sangat Setuju (4), Setuju (3), Tidak Setuju (2) dan Sangat Tidak Setuju (1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.13

Item Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul

Bil	Senarai Item	Tahun	Sumber	Rasional Ubah suai
Bahagian A:Maklumat Diri				
1.	Nama			-
2.	Jantina			-
3.	Umur			-
4.	Adakah anda telah mengikuti modul ini?	2017		
5.	Pandangan anda tentang modul ini?			
Bahagian B: Sub Modul dan Pernyataan				
Sub Modul 1: Mengenali Katil				
Aktiviti : Mengenali katil dan saiz katil				
1.	Saya dapat mengenali jenis-jenis katil yang digunakan di hotel melalui penerangan guru.			
2.	Saya dapat mengenal pasti saiz katil yang ditunjukkan.	2017	Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip Aslina Ahmad & Shamsiah Mohd Jais.	Ubah suai langkah-langkah aktiviti supaya selari dengan kandungan Modul *MakeUpBed*
3.	Saya dapat mengenali katil melalui model katil yang ditunjukkan.			
4.	Saya dapat menjawab soalan yang dikemukakan berkaitan katil.			
5.	Saya dapat menjawab kuiz interaktif yang disediakan.			
6.	Saya memahami rumusan berkaitan tajuk yang disampaikan.			
7.	Saya memahami rumusan berkaitan tajuk yang disampaikan.			
Sub Modul 2: Mengenali Linen				
Aktiviti: Mengenali linen dan kegunaan linen				
1.	Saya dapat mengenali jenis-jenis linen melalui penerangan guru.	2017	Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip Aslina Ahmad & Shamsiah Mohd Jais.	Ubah suai langkah-langkah aktiviti supaya selari dengan kandungan Modul *MakeUpBed*
2.	Saya dapat mengenali jenis linen melalui set linen yang ditunjukkan.			

Bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.13 (*Sambungan*)

Bil	Senarai Item	Tahun	Sumber	Rasional Ubah suai
3.	Saya dapat menjawab soalan yang dikemukakan.	2017	Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip Aslina Ahmad & Shamsiah Mohd Jais.	Ubah suai langkah-langkah aktiviti supaya selari dengan kandungan Modul *MakeUpBed*
4.	Saya dapat menjawab kuiz interaktif yang disediakan.			
5.	Saya memahami rumusan berkaitan tajuk yang disampaikan.			
Sub Modul 3: Penjagaan Linen				
Aktiviti: Mengenali cara penjagaan linen				
1.	Saya dapat mengenali cara-cara penjagaan linen melalui penerangan guru.	2017	Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip Aslina Ahmad & Shamsiah Mohd Jais.	Ubah suai langkah-langkah aktiviti supaya selari dengan kandungan Modul *MakeUpBed*
2.	Saya dapat menjawab soalan yang dikemukakan.			
3.	Saya dapat menjawab kuiz interaktif yang disediakan.			
4.	Saya memahami rumusan berkaitan tajuk yang disampaikan.			
Sub Modul 4: Mari Mengemas Katil Tetamu				
Aktiviti:Mengenal pasti langkah-langkah mengemas katil tetamu				
1.	Saya dapat mengenal pasti langkah-langkah mengemas katil tetamu dengan betul.		Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip Aslina Ahmad & Shamsiah Mohd Jais	Ubah suai langkah-langkah aktiviti supaya selari dengan kandungan Modul *MakeUpBed*
2.	Saya dapat menjawab soalan yang dikemukakan.	2017		
3.	Saya dapat menjawab kuiz interaktif yang disediakan.			
4.	Saya memahami rumusan berkaitan tajuk yang disampaikan.			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.3.5 Instrumen Borang Penilaian Kemahiran Mengemas Katil (Ujian Pra dan Ujian Pasca)

Pengkaji tidak mentadbir kesahan ke atas item-item ujian pra dan ujian pasca yang digunakan. Item-item dalam kajian ini melibatkan item yang diadaptasi dari Kertas Penilaian Teori CU01 *Guest Room Preparations* yang telah menjalani proses kesahan oleh pakar yang dilantik oleh JPK semasa item dibangunkan. Kertas penilaian teori 01 ialah kertas yang diduduki oleh murid setelah selesai PdP CU01 *Guest Rooms Preparations.* Pengkaji memilih soalan yang berkaitan dengan aktiviti kerja (05) mengemas katil tetamu. Format dan bentuk pembinaan item adalah mengikut panduan pembangunan soalan latihan kemahiran yang dibangunkan oleh JPK. Soalan disediakan mengikut tiga aras kesukaran. Aras kesukaran yang telah ditetapkan oleh sistem peperiksaan dalaman sekolah ialah 60 peratus soalan aras rendah, 30 peratus soalan aras sederhana dan sepuluh peratus soalan aras tinggi. Aras kognitif murid MBPK MP lebih rendah dari murid normal menyebabkan bilangan item aras rendah melebihi aras item sederhana dan aras tinggi.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Maklumat yang dikumpulkan melalui instrumen soal selidik, item skala likert lima skala adalah contoh data yang digunakan dalam kajian (Ghazali & Sufean, 2018). Dalam konteks kajian ini, prosedur pengumpulan data merujuk kepada proses-proses yang dilakukan untuk mendapatkan data sepanjang tempoh kajian dilaksanakan. Bagi memastikan kajian yang dijalankan teratur dan sistematik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

serta data dapat dikumpul mengikut prosedur, penjelasan yang terperinci mengenai proses pengumpulan data adalah sangat penting. Penerangan mengenai proses pengumpulan data memperlihatkan hubungan data dari satu proses kajian ke satu proses yang berikutnya. Pengkaji menggunakan statistik non-para metrik disebabkan oleh bilangan sampel yang kecil serta data yang tidak normal. Topik ini telah membincangkan tentang proses pengumpulan data bagi (i) soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul, (ii) borang penilaian kesahan modul *MakeUpBed,* (iii) kajian rintis kebolehpercayaan dan keberkesanan modul, (iv) kajian kuasi eksperimental dan (v) rumusan.

Prosedur pengumpulan data bermula dengan mendapatkan kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia. Setelah mendapat kebenaran dari EPRD pengkaji membuat permohonan bertulis kepada BP Khas untuk menjalankan kajian di SMPKV. Pengkaji berjumpa dengan pihak pentadbiran sekolah untuk mendapatkan kebenaran dan memberi penerangan berkaitan kajian yang dijalankan. Prosedur diteruskan dengan bertemu guru-guru yang terlibat dengan kajian untuk memberikan penerangan. Guru yang mengendalikan kumpulan rawatan diberikan penerangan mengenai penggunaan modul, ujian pra dan ujian pasca. Pengkaji menerangkan tujuan kajian dan kerjasama yang diperlukan sepanjang kajian ini. Selepas sesi pengajaran dan pembelajaran latihan pengukuhan telah diberikan berbantukan multimedia interaktif *power point*. Ujian pasca adalah langkah akhir yang dijalankan kepada kedua-dua kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Pengumpulan Data Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul

Peringkat tinjauan keperluan modifikasi modul merujuk kepada proses pengumpulan data yang dijalankan menggunakan kaedah tinjauan. Tinjauan ini dijalankan untuk meninjau keperluan memodifikasi modul Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) iaitu modul sedia ada yang digunakan dalam menjalankan PdP. Tinjauan ini melibatkan 34 orang guru yang mengajar program operasi pengemasan melibat MBPK MP di tiga buah SMPKV.

Pengumpulan data memfokuskan kepada (i) Maklumat demografi sampel, (ii) aspek isu dan permasalahan sedia, (iii) aspek penilaian modifikasi kandungan dan (iv) aspek reka bentuk modul dan (iv) komen dan cadangan. Pengumpulan data dijalankan menggunakan borang soal selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul yang telah menjalani kesahan pakar. Borang diedarkan menggunakan pautan daripada *google forms* dan dihantar menggunakan aplikasi *WhatsApps.* Pengumpulan data soal selidik keperluan modifikasi modul mengambil masa tujuh hari untuk dilengkapkan. Kesemua 34 sampel kajian telah memberikan kerjasama dengan menjawab soal selidik yang diedarkan. Pengkaji mengumpul dapatan soal selidik tinjauan keperluan modul untuk dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Pengumpulan Data Kesahan Modul *MakeUpBed*

Pengumpulan data kesahan modul merujuk kepada proses pengumpulan data yang dijalankan untuk mendapatkan nilai kesahan modul yang telah dibangunkan. Satu set penilaian kesahan modul dibina dan diubah suai berdasarkan artikel-artikel dan kajian terdahulu. Modul yang dibangunkan oleh pengkaji telah diberikan kepada lima penilai yang berpengalaman luas melebihi tujuh tahun dalam bidang akademik dan bidang kemahiran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Pakar-pakar tersebut terdiri daripada (i) dua orang wakil industri dalam bidang operasi pengemasan (ii) satu orang pegawai Pengesahan Dalaman-JPK, (iii) satu orang ketua panitia program operasi pengemasan dan (vi) seorang pensyarah IPTA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar yang dilantik menilai modul yang telah dibangunkan telah mengisi markah berdasarkan skala markah yang ditetapkan ke dalam borang penilaian kesahan modul yang disertakan bersama modul yang dinilai dan surat rasmi dari universiti tempat pengkaji belajar. Semua dokumen ini telah diserahkan secara bersemuka dengan penilai. Kesahan yang dijalankan terdiri daripada kesahan muka dan kesahan kandungan. Kesahan muka dijalankan oleh penilai-penilai yang berpengalaman dalam bidang Bahasa Melayu melebihi tujuh tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3 Pengumpulan Data Kajian Rintis Kebolehpercayaan dan Keberkesanan Modul *MakeUpBed*

Kajian rintis ialah kajian mini yang dijalankan sebelum kajian sebenar dilakukan (Chua, 2014). Dalam konteks kajian ini, kajian rintis dijalankan untuk menguji keberkesanan dan kebolehpercayaan modul yang dibina. Rintis yang dijalankan dapat mengenal pasti masalah yang timbul sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis bagi pembinaan modul *MakeUpBed* dimulakan dengan menjalankan soal selidik untuk meninjau keperluan modifikasi modul. Pengkaji menghantar soal selidik kepada 34 orang guru yang mengajar program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012. Konstruk yang dipilih bertujuan untuk meninjau ((i) aspek isu dan permasalahan sedia, (ii) aspek penilaian modifikasi kandungan dan (iii) aspek reka bentuk modul. Dapatan dari rintis yang dijalankan menunjukkan guru-guru memilih kompetensi unit (CU01) daripada lapan kompetensi unit yang terdapat dalam modul Operasi Pengemasan untuk dimodifikasi.

Dalam konteks pelaksanaan kajian ini, kajian rintis telah dijalankan menggunakan modul *MakeUpBed* bagi kumpulan tunggal sebelum kaedah kuasi eksperimental dijalankan. Enam orang murid terlibat dalam rintis kebolehpercayaan modul *MakeUpBed.* Penilaian dilakukan dengan menjalankan rintis ujian pra dan ujian pasca. Ujian pra diedarkan sebelum sesi rawatan menggunakan Modul *MakeUpBed* manakala ujian pasca diedarkan kepada murid selepas PdP menggunakan modul selesai dijalankan. Rintis bagi kebolehpercayaan modul dilakukan selama tiga minggu. Rintis kebolehpercayaan modul melibatkan (i) Ujian pasca, sub modul satu dan sub

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

modul dua pada minggu pertama, (ii) sub modul tiga dan empat pada minggu kedua dan (iii) ujian pasca pada minggu ketiga.

Pengumpulan data bagi kajian rintis menggunakan modul *MakeUpBed* bertujuan untuk melihat kebolehpercayaan modul terhadap penggunanya. Pengumpulan data dijalankan dengan mengedarkan borang penilaian kebolehpercayaan modul selepas sub modul selesai dijalankan bagi setiap sesi. Murid telah menjawab borang penilaian kebolehpercayaan modul. pengkaji menggunakan kaedah *Cronbach Alpha* untuk menguji nilai pekali kebolehpercayaan item. Borang penilaian kebolehpercayaan modul yang telah lengkap diisi oleh murid perlu dikumpulkan untuk tujuan analisis bagi mendapatkan nilai *Cronbach Alpha.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.4 Proses Pengumpulan Data Kajian Kuasi Eksperimental

Bagi menentukan nilai atau tahap keberkesanan sesuatu program yang sampelnya tidak dapat diagihkan secara rawak, reka bentuk kajian kuasi eksperimen kebiasaannya akan digunakan (Chua, 2014). Dalam konteks kajian ini, kajian kuasi eksperimental dijalankan bagi menentukan tahap keberkesanan modul *MakeUpBed* dengan menggunakan reka bentuk ujian pra-pasca bagi kumpulan tidak seimbang. Pemilihan sampel kajian dibuat berdasarkan ciri-ciri murid iaitu pengkaji hanya melibatkan sepuluh orang murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran yang sedang mengikuti program Operasi Pengemasan. Bagi kumpulan sampel ini, terdapat pelbagai variabel bebas yang tidak dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimanipulasikan seperti jantina, bangsa, umur, tahap *intelligent Quotion (*IQ) dan latar belakang keluarga. Kajian kuasi eksperimental melibatkan dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang dijalankan selama 12 minggu dengan mengambil masa selama 45 minit bagi satu sesi. Tempoh masa 12 minggu diperlukan bagi memastikan semua aktiviti dapat dijalankan dengan sempurna berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan.

3.7 Prosedur Penganalisisan Data

Dalam konteks kajian ini, prosedur analisis inferens dan prosedur analisis deskriptif digunakan bagi menjawab persoalan dan hipotesis kajian yang telah dinyatakan pada Bab Satu. Terdapat empat persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam Bab Satu. Persoalan satu hingga persoalan ketiga telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif manakala persoalan keempat telah dianalisis menggunakan analisis inferens. Analisis data adalah berdasarkan instrumen yang digunakan iaitu (i) soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul, (ii) borang penilaian kesahan modul, (iii) borang penilaian kebolehpercayaan modul dan (iv) ujian pra dan ujian pasca.

3.7.1 Analisis Statistik Deskriptif

Analisis deskriptif bagi kajian ini menerangkan tentang peratusan, min, median dan mod. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah menganalisis persoalan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu, persoalan kajian kedua dan persoalan kajian ketiga dengan menggunakan analisis deskriptif.

Bagi persoalan kajian satu, analisis data adalah berdasarkan daripada soal selidik keperluan modifikasi modul. Data bahagian A soal selidik dianalisis untuk mendapatkan nilai peratusan. Analisis kekerapan, min, median dan mod dianalisis daripada Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Data yang digunakan bersifat non para metrik.

Bagi persoalan kajian kedua, analisis data adalah berdasarkan instrumen borang penilaian kesahan modul. Analisis data bersifat nonparametrik. Data Bahagian A pada borang penilaian kesahan modul dianalisis untuk mendapatkan nilai peratusan. Analisis kekerapan bagi min, median dan mod dianalisis daripada data Bahagian B.

Bagi persoalan kajian ketiga, analisis data adalah berdasarkan instrumen borang penilaian kebolehpercayaan modul. Nilai peratusan dianalisis melalui data yang dikumpul dari Bahagian A. Manakala analisis kekerapan dianalisis dari data Bahagian B. Data yang dianalisis bersifat non para metrik. Analisis statistik bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan menggunakan kaedah *Cronbach Alpha.* Nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima dan dipercayai menunjukkan instrumen yang digunakan sesuai digunakan dalam intervensi yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.2 Analisis Statistik Inferens

Bagi menjawab persoalan kajian keempat iaitu penilaian peningkatan kemahiran mengemas katil tetamu, data akan dianalisis daripada ujian pra dan ujian pasca. Ujian pra dan ujian pasca adalah set soalan yang sama dan mengandungi 20 soalan objektif berbentuk Aneka Pilihan A, B, C dan D.

Ujian pra dijalankan sebelum intervensi dilakukan dan ujian pasca dijalankan selepas intervensi dijalankan. Pengkaji telah menggunakan data-data yang telah direkodkan untuk dianalisis. Data yang dianalisis bersifat nonpara metrik. Perbandingan nilai median dianalisis menggunakan analisis *Wilcoxon Signed Rank Test iaitu* ujian alternatif yang sepadan dengan ujian T.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.3 Rumusan Analisis Data

Jadual 3.14 menunjukkan rumusan analisis data mengikut persoalan kajian. Analisis data terbahagi kepada analisis deskriptif dan analisis inferens. Prosedur analisis data melibatkan pengumpulan data menggunakan instrumen-instrumen kajian yang telah dibina. Perisian berkomputer seperti *Statistical for Social Science Package* (SPSS) digunakan dalam menganalisis data yang telah dikumpul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu tahap keperluan memodifikasi modul Operasi Pengemasan bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP pengkaji menggunakan instrumen soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul dan instrumen telah dianalisis melalui analisis stastistik deskriptif bagi mendapatkan peratusan, min, median dan mod.

Bagi persoalan kajian kedua iaitu berkenaan tahap kesahan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP pengkaji menggunakan instrumen penilaian kesahan modul bagi mendapatkan peratusan kesahan pakar terhadap kesahan Modul *MakeUpBed.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi persoalan kajian ketiga pula iaitu tahap kebolehpercayaan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP pengkaji telah menggunakan instrumen penilaian kebolehpercayaan modul bagi menganalisis nilai pekali *Cronbach Alpha* Modul *MakeUpBed.* Instrumen ujian pra dan ujian pasca pula digunakan bagi menjawab persoalan keempat iaitu berkenaan tahap keberkesanan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran dengan menggunakan analisis statistik inferens *Wilcoxon Signed Rank Test.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.14

Rumusan Analisis Data Mengikut Persoalan Kajian

Bil	Persoalan Kajian	Instrumen	Jenis Analisis
1.	Apakah tahap keperluan memodifikasi modul Operasi Pengemasan bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP?	Soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul	Analisis statistik deskriptif: peratusan, min, median dan mod
2.	Apakah tahap kesahan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP?	Instrumen penilaian kesahan modul	Analisis statistik nilai min peratus kesahan pakar
3.	Apakah tahap kebolehpercayaan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP?	Instrumen penilaian kebolehpercayaan modul	Analisis nilai pekali *Cronbach Alpha*
4.	Apakah tahap keberkesanan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP?	Instrumen ujian pra dan ujian pasca	Analisis Statistik Inferens: *Wilcoxon Signed Rank Test*

3.8 Modul Pengajaran *MakeUpBed*

Jadual 3.15 menunjukkan draf isi kandungan dan reka bentuk Modul *MakeUpBed*. Modul *MakeUpBed* terdiri dari (i) panduan guru dan (ii) buku tugasan murid. Sembilan jenis aktiviti yang menarik dan bersesuaian dengan tahap kebolehan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran disediakan di dalam modul. Setiap aktiviti disusun supaya lebih fleksibel mengikut kesesuaian dan tahap kebolehan murid seperti kaedah PdP yang lebih menarik dan kreatif, susunan aktiviti serta bahan bantu mengajar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersesuaian berpandukan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013.

Teori kecerdasan pelbagai diaplikasikan melalui kecerdasan kinestatik badan bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil tetamu. Model gaya pembelajaran visual, auditori, kinestatik (VAK) diintegrasikan ke dalam modul sebagai strategi pembelajaran melalui penggunaan ketiga-tiga gaya pembelajaran ini. Gaya pembelajaran kinestatik diaplikasikan semasa aktiviti demonstrasi dan eksplorasi di dalam modul dijalankan, gaya pembelajaran auditori diaplikasikan semasa guru memberikan nota syarahan serta gaya pembelajaran visual diaplikasikan semasa penggunaan multimedia interaktif *power point*. Pengkaji menggunakan proses dari model reka bentuk instruksional ADDIE dalam membangunkan modul *MakeUpBed* bermula dari menganalisis keperluan memodifikasikan modul, menentukan reka bentuk modul seperti menentukan objektif yang ingin dicapai. Proses pembangunan modul pula di integrasikan semasa pembinaan kandungan modul, memilih media sokongan, membangunkan panduan guru serta membangunkan buku tugasan murid. Proses pelaksanaan diintegrasikan semasa kajian rintis dan kuasi eksperimental dijalankan. Manakala proses penilaian dijalankan dengan menggunakan alat ukur yang telah ditetapkan bagi modul ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.15

Draf Isi Kandungan dan Reka Bentuk Modul MakeUpBed

Bil	Ciri-Ciri	Penerangan
1.	Objektif	Pada akhir rawatan menggunakan Modul *MakeUpBed* MBPK MP yang mengikuti Program Operasi Pengemasan akan dapat: 1. Meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu.
2.	Kandungan	Modul ini mengandungi empat sub-modul iaitu (i) mengenali katil, (ii) mengenali linen, (iii) penjagaan linen dan (iv) mari mengemas katil tetamu yang dibina berdasarkan Bahan Pengajaran Bertulis/*Written Instructional Materials* (WIM) Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) dari CU01 di bawah tajuk Aktiviti Kerja 05: *Make Up Guest Beds.* Bahan-bahan dimodifikasi bersesuaian dengan tahap MBPK MP.
3.	Golongan Sasaran	Murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran yang mengikuti program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) di SMPKV.
4.	Bentuk Persembahan	Terdiri daripada dua elemen utama iaitu: 1. Panduan untuk guru yang nota bagi setiap sub modul, aktiviti (sembilan aktiviti), panduan penggunaan kuiz interaktif *power point* dan skema jawapan. 2. Buku tugasan untuk murid yang mengandungi nota bagi setiap sub modul, aktiviti dan kuiz multimedia interaktif (yang disediakan dalam bentuk persembahan *power point*).

Jadual 3.16 menunjukkan kuiz yang disediakan dalam setiap sub modul. Sub modul tersebut ialah (i) mengenali katil, (ii) mengenali linen, (iii) penjagaan linen dan (iv) mari mengemas katil tetamu. Setiap sub modul mengandungi kuiz yang disediakan dalam bentuk persembahan *power point* pada akhir topik. Bagi sub modul satu: mengenali katil, pengkaji menyediakan dua jenis kuiz iaitu (i) kuiz jenis-jenis katil dan (ii) kuiz saiz katil. Bagi sub modul dua: jenis-jenis linen mengandungi tiga jenis kuiz iaitu (i) kuiz cadar, selimut dan alas tilam, (ii) kuiz sarung bantal dan selimut tebal. Dan (iii) skirt katil. Bagi sub modul tiga: penjagaan linen, kuiz yang disediakan ialah (i) kuiz penjagaan linen. Bagi sub modul empat: mari mengemas katil tetamu, mengandungi tiga kuiz iaitu (i) kuiz

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cara membuat lipatan *envelope*, (ii) kuiz cara memasukkan bantal ke dalam sarung bantal dan (iii) kuiz cara mengemas katil tetamu.

Jadual 3.16

Kuiz di dalam Modul MakeUpBed

Bil	Tajuk Sub-Modul	Kuiz
1.	Mengenali Katil	(i) Kuiz interaktif 1: Jenis-jenis katil (ii) Kuiz interaktif 2: Saiz katil
2.	Mengenali Linen	(iii) Kuiz interaktif 3: Kegunaan cadar, selimut dan alas tilam (iv) Kuiz interaktif 4: Kegunaan sarung bantal dan selimut tebal (iii) Kuiz interaktif 5: Kegunaan skirt katil
3.	Penjagaan Linen	(i) Kuiz interaktif 6: Cara penjagaan linen
4.	Mari Mengemas Katil Tetamu	(i) Kuiz interaktif 7: Cara membuat lipatan *envelope* (ii) Kuiz interaktif 8: Cara memasukkan bantal ke dalam sarung bantal (iii) Kuiz interaktif 9: Cara mengemas katil tetamu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.1 menunjukkan pemetaan bagi kandungan modul *MakeUpBed* yang dibina. Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang digubal oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia digunakan sebagai asas kepada pembinaan modul *MakeUpBed*. Seterusnya Bahan Pengajaran Bertulis -*Written Instructional Material* yang dibangunkan berdasarkan SKPK bagi program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) dijadikan sebagai bahan rujukan utama modifikasi modul Operasi Pengemasan. WIM Operasi Pengemasan mengandungi lapan Kompetensi Unit- *Competency Un*it yang terdiri daripada (i) CU01-*Guest Room Preparations*, (ii) CU02-*Housekeeping Guest Service*, (iii) CU03-*Public Area and Facilities Maintenance*, (iv) CU04- *Laundry and Linen Services*, (v) CU05- *Housekeeping VIP Services*, (vi) CU06- *Housekeeping Quality Inspections*, (vii) CU07-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Housekeeping Inventory and Stock Control dan (viii) CU08 *Housekeeping Staff Administrations.*

Analisis tinjauan keperluan modifikasi modul yang dijalankan telah menunjukkan CU01 mendapat min tertinggi iaitu 4.7353 sekaligus menyenaraikan CU01 sebagai tajuk yang perlu dimodifikasikan sebagai modul. CU01 mengandungi lapan aktiviti kerja iaitu (i) menentukan keperluan persediaan bilik tetamu-*determine guest rooms preparations requirements*, (ii) menyediakan aktiviti dan peralatan pembersihan-*prepare cleaning equipment and activities*, (iii) memasuki bilik tetamu-*access guest rooms*, (iv) menjalankan tugas permulaan-*carry out beginning task*, (v) mengemas katil tetamu- makeup guest bed, (vi) menjalankan pembersihan bilik- *carry out room cleaning*, (vii) menjalankan pembersihan bilik air tetamu-*carry out bath room cleaning dan* (viii) menjalankan persediaan shift seterusnya-*carry out next shift preparations.*

Seterusnya aktiviti kerja 05 iaitu mengemas katil tetamu telah diangkat sebagai kandungan modul yang perlu dimodifikasikan. Terdapat empat subtajuk yang dibangunkan di dalam modul *MakeUpBed* berdasarkan aktiviti kerja 05 iaitu (i) sub modul 1: jenis-jenis katil, (ii) sub modul 2: jenis-jenis linen, (iii) sub modul 3: penjagaan linen dan (iv) sub modul 4: mari mengemas katil tetamu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1 Pemetaan bagi Kandungan Modul *MakeUpBed*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.2 menunjukkan antara muka kuiz interaktif yang disediakan untuk pengguna. Pengguna boleh menekan ikon butang bagi setiap kuiz yang terdapat di sebelah kiri antara muka untuk terus di bawa ke slaid yang mengandungi soalan kuiz bagi sub modul yang dipilih. Murid boleh menjawab soalan yang dipaparkan dengan menekan butang ikon yang mewakili pilihan jawapan. Butang KEMBALI berfungsi membawa pengguna ke slaid sebelumnya. Butang SETERUSNYA berfungsi membawa pengguna ke slaid seterusnya. Butang KELUAR berfungsi membawa pengguna ke slaid pertama kuiz interaktif.



Rajah 3.2. Antara Muka Utama Kuiz Interaktif

Rajah 3.3 menunjukkan antara muka bagi jawapan yang betul. Slaid Jawapan yang betul dihubungkan (link) ke satu slaid khusus apabila diklik iaitu slaid 59. Butang KEMBALI berfungsi membawa pengguna ke slaid sebelumnya. Butang SETERUSNYA berfungsi membawa pengguna ke slaid seterusnya. Butang KELUAR berfungsi membawa pengguna ke slaid pertama kuiz interaktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.3 Antara Muka Kuiz Interaktif bagi Jawapan Betul

Rajah 3.4 menunjukkan antara muka bagi jawapan yang salah. Slaid jawapan yang salah juga dihubungkan link ke satu slaid khusus apabila diklik iaitu slaid 60. Butang KEMBALI berfungsi membawa pengguna ke slaid sebelumnya. Butang SETERUSNYA berfungsi membawa pengguna ke slaid seterusnya. Butang KELUAR berfungsi membawa pengguna ke slaid pertama kuiz interaktif.



Rajah 3.4. Antara Muka Kuiz Interaktif bagi Jawapan Salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.17 menunjukkan jadual PdP bagi kajian rintis dan kuasi eksperimental bagi kajian ini. Modul *MakeUpBed* digunakan sebagai alat dalam mengumpulkan data peningkatan kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan murid MBPK MP. Bagi kuasi eksperimental, PdP dilaksanakan selama 45 minit bagi setiap sub modul. Keseluruhan tempoh rawatan ialah 12 minggu. PdP adalah berdasarkan aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Pada minggu pertama rawatan dimulakan dengan latihan penggunaan Modul *MakeUpBed*. Latihan diberi kepada guru yang telah dipilih selama tiga jam. Intervensi telah bermula pada minggu kedua sehingga minggu ke 11. Ujian pasca dijalankan pada minggu ke 12. Ujian pasca dijalankan selama 12 minggu bagi memastikan semua aktiviti dapat dijalankan dengan sempurna berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.17

Pelaksanaan kajian rintis dan kuasi eksperimental

Minggu	**Kajian rintis**	**Kuasi eksperimental**	
	Kumpulan Tunggal	**Kumpulan Rawatan**	**Kumpulan Kawalan**
Satu	Ujian Pra	Latihan penggunaan Modul *MakeUpBed*	-
Dua	Intervensi	Ujian Pra	Ujian Pra
Tiga	Ujian Pasca	Intervensi	PdP (modul asal)
Empat	-	Intervensi	PdP (modul asal)
Lima	-	Intervensi	PdP (modul asal)
Enam	-	Intervensi	PdP (modul asal)
Tujuh	-	Intervensi	PdP (modul asal)
Lapan	-	Intervensi	PdP (modul asal)
Sembilan	-	Intervensi	PdP (modul asal)
Sepuluh	-	Intervensi	PdP (modul asal)
Sebelas	-	Intervensi	PdP (modul asal)
Dua belas	-	Ujian Pasca	Ujian Pasca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) Isi Kandungan Buku Panduan Guru Modul *MakeUpBed*

Jadual 3.18 menunjukkan isi kandungan buku panduan guru bagi modul *MakeUpBed.* Buku panduan guru mengandungi empat sub modul (jadual 3.7). Sub modul 1: mengenali katil mengandungi (i) nota, (ii) aktiviti 1: jenis-jenis katil, (iii) aktiviti 2: saiz katil, (iv) panduan penggunaan persembahan *power point* sub modul 1, (v) kuiz interaktif dan (vi) skema jawapan. Sub modul 2: mengenali linen pula mengandungi (i) nota, (ii) aktiviti 3: jenis-jenis linen (cadar, selimut dan alas tilam), (iii) aktiviti 4: jenis-jenis linen (selimut tebal dan sarung bantal), (iv) aktiviti 5: jenis-jenis linen (skirt katil), (v) panduan penggunaan persembahan *power point* sub modul 2, (vi) kuiz interaktif dan (vii) skema jawapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sub modul 3: penjagaan linen mengandungi (i) nota, (ii) aktiviti 6: cara penjagaan linen, (iii) panduan penggunaan persembahan *power point* sub modul 3, (iv) kuiz interaktif dan (v) skema jawapan. Sub modul 4: mari mengemas katil tetamu mengandungi (i) nota, (ii) aktiviti 7: cara membuat lipatan *envelope,* (iii) aktiviti 8: cara memasukkan bantal ke dalam sarung bantal, (iv) aktiviti 9: mari mengemas katil tetamu, (v) panduan penggunaan persembahan *power point* sub modul 4, (vi) kuiz dan (vii) skema jawapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.18

Isi Kandungan Sub Modul Bagi Buku Panduan Guru Modul MakeUpBed

Bil	Sub modul		Kandungan
1.	Mengenali katil	(i)	Nota
		(ii)	Aktiviti 1: jenis-jenis katil
		(iii)	Aktiviti 2: saiz katil
		(iv)	Panduan penggunaan persembahan *power point* sub modul 1
		(v)	Kuiz interaktif
		(vi)	Skema jawapan
2.	Mengenali linen	(i)	Nota
		(ii)	Aktiviti 3: jenis-jenis linen (cadar, selimut dan alas tilam)
		(iii)	Aktiviti 4: jenis-jenis linen (selimut tebal dan sarung bantal
		(iv)	Aktiviti 5: jenis-jenis linen (skirt katil)
		(v)	Panduan penggunaan persembahan *power point* sub modul 2
		(vi)	Kuiz interaktif
		(vii)	Skema jawapan
3.	Penjagaan linen	(i)	Nota
		(ii)	Aktiviti 6: cara penjagaan linen panduan penggunaan persembahan *power point* sub modul 3
		(iii)	Kuiz interaktif
		(iv)	Skema jawapan.
4.	Mari mengemas katil tetamu	(i)	Nota
		(ii)	Aktiviti 7: cara membuat lipatan *envelope*
		(iii)	Aktiviti 8: cara memasukkan bantal ke dalam sarung bantal
		(iv)	Aktiviti 9: mari mengemas katil tetamu
		(v)	Panduan penggunaan persembahan *power point* submodul 4
		(vi)	Kuiz
		(vii)	Skema jawapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(ii) Isi Kandungan Buku Tugasan Murid

Jadual 3.19 menunjukkan isi kandungan yang terdapat dalam buku tugasan murid Modul *MakeUpBed*. Buku tugasan murid mengandungi sub modul 1: mengenali katil terdiri daripada (i) nota, (ii) tatacara menjalankan aktiviti 1, (ii) tatacara menjalankan aktiviti 2, (iii) dan kuiz interaktif . Sub modul 2 pula mengandungi (i) nota, (ii) tatacara menjalankan aktiviti 3, (iv) tatacara menjalankan aktiviti 4, (v) tatacara menjalankan aktiviti 5 dan (iv) kuiz interaktif. Sub modul 3 bagi buku tugasan murid mengandungi (i) nota, (ii) tatacara menjalankan aktiviti 6 dan (iii) kuiz interaktif. Sub modul 4 dalam buku tugasan murid terdiri daripada (i) nota, (ii) tatacara menjalankan aktiviti 7, (iii) tatacara menjalankan aktiviti 8, (iv) tatacara menjalankan aktiviti 9 dan (v) kuiz interaktif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.19

Isi Kandungan Buku Tugasan Murid

Bil	Sub Modul	Kandungan
1.	1: Mengenali katil	(i) Nota (ii) Tatacara menjalankan aktiviti 1 (iii) Tatacara menjalankan aktiviti 2 (iv) Kuiz interaktif
2.	2: Mengenali linen	(i) Nota (ii) Tatacara menjalankan aktiviti 3 (iii) Tatacara menjalankan aktiviti 4 (iv) Tatacara menjalankan aktiviti 5 (v) Kuiz interaktif
3.	3: Penjagaan linen	(i) Nota (ii) Tatacara menjalankan aktiviti 6 (iii) Kuiz interaktif.
4.	4:Mari mengemas katil tetamu	(i) Nota (ii) Tatacara menjalankan aktiviti 7 (iii) Tatacara menjalankan aktiviti 8 (iv) Tatacara menjalankan aktiviti 9 (iv) Kuiz interaktif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan tentang kepentingan memilih reka bentuk kajian, sampel kajian, lokasi kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data serta prosedur analisis data dalam pembinaan sesuatu modul. Setiap fasa diperjelaskan dengan tepat dan terperinci untuk memastikan modul yang dibina mampu memberikan implikasi yang signifikan dalam mencapai objektif yang ditetapkan. Pemilihan kaedah analisis data kajian yang bertepatan dengan objektif kajian sangat penting bagi mendapatkan menentukan keberkesanan modul ini kepada pengguna sasaran. Setiap instrumen yang digunakan telah melalui penilaian kesahan dan kebolehpercayaan bagi memastikan kualiti instrumen yang digunakan. Pembinaan Modul *MakeUpBed* menjalani fasa yang telah ditetapkan bagi memastikan modul yang dibina berkualiti, boleh diikuti oleh golongan sasar serta mencapai objektif modul. Bab Empat memperincikan tentang penganalisisan data yang digunakan bagi kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pendahuluan

Bab Empat membincangkan mengenai analisis dan dapatan kajian yang telah dijalankan. Pengkaji menganalisis data berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan di dalam Bab Satu. Statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis tahap keperluan memodifikasi modul Operasi Pengemasan berdasarkan min, median dan mod. Manakala bagi objektif kedua data dianalisis berdasarkan nilai min peratus kesahan pakar. Analisis deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data bagi objektif ketiga iaitu menilai tahap kebolehpercayaan modul *MakeUpBed.* Objektif keempat menggunakan Analisis statistik inferens *Wilcoxon Signed Rank Test* bagi menilai tahap keberkesanan Modul *MakeUpBed*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Maklumat Demografi

Jadual 4.1 menunjukkan analisis maklumat demografi responden berdasarkan instrumen (i) kajian tinjauan keperluan memodifikasi modul, (ii) penilaian kesahan modul, (iii) penilaian kebolehpercayaan modul dan (iv) ujian pra dan ujian pasca.

Analisis maklumat demografi responden yang terlibat dalam soal selidik tinjauan keperluan memodifikasi modul Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) adalah berdasarkan maklumat seperti (i) lokasi tempat bertugas (ii) jantina, (iii) kursus asas pendidikan khas, (iv) tempoh mengajar dan (v) pengalaman mengajar subjek vokasional. Pengkaji telah memilih tiga buah lokasi bagi tujuan kajian iaitu negeri Kedah, Selangor dan Johor. Terdapat 18 peserta dari negeri Johor, 11 peserta dari negeri Selangor dan lima peserta dari negeri Kedah. Responden dari SMPKV Shah Alam adalah sebanyak 32.4 peratus, SMPKV Merbok sebanyak 14.7 peratus dan SMPKV Indahpura sebanyak 52.9 peratus.

Responden dari SMPKVIP meliputi 53 peratus dari jumlah responden manakala 32 peratus adalah dari SMPKVSA dan 15 peratus dari SMPKVM yang terlibat dalam kajian tinjauan keperluan memodifikasi modul Operasi Pengemasan yang melibat guru mata pelajaran Operasi Pengemasan. Responden dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam berjumlah 11 orang guru, melibatkan dua responden lelaki dan sembilan responden perempuan. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok melibatkan lima orang responden iaitu satu responden lelaki dan empat responden perempuan. Responden dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vokasional Indahpura adalah seramai 18 orang keseluruhannya melibatkan dua responden lelaki dan16 responden perempuan.

Analisis menunjukkan seramai 33 orang responden telah mengikuti kursus asas pendidikan khas meliputi 97.peratus dari keseluruhan responden. Manakala hanya seorang responden yang masih belum mengikuti kursus asas pendidikan khas melibatkan 3.0 peratus. Seramai 23 orang responden berpengalaman mengajar murid pendidikan khas di SMPKV dari satu hingga tujuh tahun mewakili 67.6 peratus. Manakala, responden yang telah berpengalaman mengajar melebihi tujuh tahun adalah seramai 11 orang mewakili 32.4 peratus. Tiada responden yang berpengalaman mengajar kurang dari satu tahun.

Menurut data, pengalaman mengajar subjek vokasional menunjukkan hanya seorang responden sahaja yang mempunyai kurang dari satu tahun pengalaman yang mewakili 2.9 peratus. Manakala, bagi pengalaman mengajar subjek vokasional antara satu hingga tujuh tahun adalah seramai 17 orang mewakili 50 peratus. Pengalaman mengajar subjek vokasional melebihi tujuh tahun melibatkan 16 orang responden mewakili 47.1 peratus.

Responden pertama yang menjalankan penilaian kesahan modul menyandang jawatan sebagai Pegawai Pengesahan Luaran (PPL). Responden kedua yang menjadi pakar bagi menilai kesahan modul menjawat jawatan sebagai Pengurus Operasi Pengemasan. Responden ketiga memegang jawatan sebagai Senior Supervisor Operasi Pengemasan. Manakala, responden keempat yang telah menjalankan penilaian kesahan modul memegang jawatan sebagai Ketua Panitia Operasi Pengemasan di Sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam. Responden kelima yang membantu dalam menjalankan penilaian kesahan modul yang telah dibangunkan memegang jawatan sebagai Dekan di Fakulti Teknikal dan Vokasional.

Pengkaji telah meminta bantuan pakar iaitu responden bagi penilaian kesahan modul dari empat organisasi yang berbeza. Responden yang pertama bertugas di Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Responden kedua dan ketiga yang menjadi pakar bagi menilai kesahan modul berkhidmat di INTEKMA *Resort* & *Convention Centre*, Shah Alam. Manakala responden keempat yang telah menjalankan penilaian kesahan modul berkhidmat di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam. Responden kelima yang membantu proses penilaian kesahan modul berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maklumat demografi bagi penilaian kebolehpercayaan modul melibatkan soalan seperti (i) nama, (ii) jantina, (iii) umur, (iv) sudahkah anda mengikuti modul dan (v) pandangan anda tentang modul. Maklumat demografi diletakkan pada Bahagian A dalam penilaian kebolehpercayaan modul yang dijalankan. Maklumat nama responden tidak didedahkan bagi tujuan menjaga kerahsiaan.

Penilaian kebolehpercayaan modul melibatkan enam orang responden yang terdiri daripada dua orang murid lelaki mewakili 33.3 peratus dari jumlah responden. Murid perempuan mewakili 66.6 peratus daripada jumlah responden iaitu seramai empat orang. Seramai tiga orang responden berumur 17 tahun mewakili 50 peratus dari jumlah responden manakala baki 50 peratus lagi ialah responden yang berumur 16 tahun. Kesemua responden adalah murid tingkatan empat di lokasi kajian dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis kekerapan sama ada responden sudah mengikuti modul atau sebaliknya menunjukkan kesemua enam orang responden yang terlibat dengan penilaian keberkesanan modul telah mengikuti modul sepenuhnya. Jumlah ini mewakili 100 peratus dari keseluruhan responden.

Maklumat demografi bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca yang dikumpulkan ialah (i) nama, (ii) nombor kad pengenalan, (iii) program dan (iv) sekolah. Pengkaji hanya mendedahkan maklumat berkaitan program dan sekolah responden sahaja. Maklumat seperti nama dan nombor kad pengenalan tidak didedahkan bagi tujuan menjaga kerahsiaan responden. Ujian pra dan ujian pasca melibatkan sepuluh orang responden yang sedang mengikuti program Operasi Pengemasan dan sedang mengikuti pengajian di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Merbok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Analisis Maklumat Demografi Responden Modul MakeUpBed

Bil.	**Item**	***Kekerapan (f)***	**Peratus (%)**
	Tinjauan Keperluan Modul		
1.	Lokasi Tempat Bertugas		
	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam	11	32.4
	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok	5	14.7
	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	18	52.9
	Jumlah	**34**	**100.00**
2.	Jantina		
	Lelaki	5	14.7
	Perempuan	29	85.3
	Jumlah	34	100.00

Bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 (Sambungan)

Bil.	Item	*Kekerapan (f)*	Peratus (%)
3.	Kursus Asas Pendidikan Khas		
	Ya	33	97.00
	Tidak	1	3.0
	Jumlah	**34**	**100.00**
4.	Tempoh Mengajar		
	Kurang dari Satu Tahun	0	0.00
	Satu Hingga Tujuh Tahun	23	67.6
	Melebihi Tujuh Tahun	11	32.4
	Jumlah	**34**	**100.00**
5.	Pengalaman Mengajar Subjek Vokasional		
	< 1 Tahun	1	2.9
	Antara 1-7 Tahun	17	50.00
	> 7 Tahun	16	47.1
	Jumlah	**34**	**100.00**
	Penilaian Kesahan Modul		
1.	Jawatan		
	Pegawai Pengesahan Luaran	1	-
	Pengurus Eksekutif Operasi Pengemasan	1	-
	Penyelia Kanan Operasi Pengemasan	1	-
	Ketua Panitia Operasi Pengemasan	1	-
	Dekan Fakulti Teknikal dan Vokasional, UPSI	1	-
	Jumlah	**5**	
2.	Organisasi		
	Jabatan Pembangunan Kemahiran	1	-
	INTEKMA Resort & Convention Centre, Shah Alam	2	-
	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam	1	-
	Fakulti Teknikal dan Vokasional, UPSI	1	-
	Jumlah	**5**	**-**
	Penilaian Kebolehpercayaan Modul		
1.	**Jantina**		
	Lelaki	2	33.3
	Perempuan	4	66.7
	Jumlah	**6**	**100.00**
2.	Umur		
	16 Tahun	3	50.00
	17 Tahun	3	50.00
	Jumlah	**6**	**100.00**
3.	Mengikuti Modul		
	Sudah	6	100.00
	Belum	0	00.00
	Jumlah	**6**	**100.00**

Bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 (Sambungan)

Bil.	Item	*Kekerapan (f)*	Peratus (%)
4.	Pandangan Responden		
	Modul yang disediakan mudah dan senang digunakan	3	50.00
	Modul yang disediakan sangat menarik perhatian	1	17.00
	Rasa gembira menggunakan modul yang disediakan.	2	33.33
	Jumlah	**6**	**100.00**
	Ujian Pra dan Ujian Pasca Program		
	Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012)	10	100.00
	Jumlah	**10**	**100.00**
	Sekolah		
	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok	10	100.00
	Jumlah	**10**	**100.00**

Rajah 4.1 menunjukkan peratusan bagi lokasi tempat bertugas responden yang terlibat dalam kajian tinjauan keperluan memodifikasi modul Operasi Pengemasan yang melibatkan guru mata pelajaran Operasi Pengemasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 4.1 Analisis Tempat Bertugas bagi Responden Kajian Keperluan Memodifikasi Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.2 menunjukkan carta bar bagi jantina lelaki dan perempuan melibatkan peratusan dan kekerapan bagi tiga buah sekolah yang terlibat dengan kajian tinjauan keperluan memodifikasi modul asal.



Rajah 4.2: Analisis Jantina Responden bagi Tinjauan Keperluan Memodifikasi Modul Asal

Rajah 4.3 menunjukkan peratusan bagi responden yang telah mengikuti kursus asas pendidikan dan responden yang belum mengikuti kursus asas pendidikan khas dalam bentuk graf.




Rajah 4.3: Analisis Kursus Asas Pendidikan Khas bagi Responden Kajian Tinjauan Keperluan Meodifikasi Modul Asal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.4 menunjukkan carta pai yang mewakili tempoh pengalaman mengajar bagi responden yang terlibat dengan kajian tinjauan keperluan memodifikasi modul asal. Seramai 11 orang responden berpengalaman mengajar melebihi tujuh tahun. Manakala, 23 orang responden berpengalaman mengajar antara satu hingga tujuh tahun. Tiada seorang responden yang mengajar kurang dari tempoh satu tahun bagi kajian tinjauan keperluan memodifikasi modul asal yang dijalankan.



Rajah 4.4: Analisis Tempoh Pengalaman Mengajar bagi Responden

4.3 Tahap Keperluan Memodifikasi Modul Operasi Pengemasan bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu dalam Kalangan MBPK MP

Semasa fasa pembangunan modul, pengkaji menjalankan tinjauan terhadap 34 guru yang mengajar mata pelajaran Operasi Pengemasan untuk menentukan tahap keperluan memodifikasi modul asal. Dapatan kajian dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi mendapatkan nilai peratusan. Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modul yang digunakan mengandungi lima bahagian iaitu (i) Bahagian A: maklumat demografi; (ii) Bahagian B: isu dan permasalahan sedia ada; (iii) Bahagian C: penilaian modifikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kandungan; (iv) Bahagian D: reka bentuk modul dan (v) Bahagian E: cadangan.. Kriteria yang ditetapkan adalah; (1) mestilah guru dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasioanal (SMPKV) dan (2) mesti mengajar mata pelajaran Operasi Pengemasan (HT-050-3: 2012) bagi murid berkeperluan bermasalah pembelajaran.

4.3.1 Bahagian B: Isu dan Permasalahan Sedia Ada

Jadual 4.2 menunjukkan analisis isu dan permasalahan sedia ada yang dikumpul melalui tinjauan keperluan modifikasi modul. Bahagian B berkaitan isi dan permasalahan sedia ada yang dihadapi oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran dijalankan. Responden diminta untuk memilih Skala Likert yang telah ditetapkan iaitu [1] sangat tidak setuju, [2] tidak setuju, [3] tidak pasti, [4] setuju dan [5] sangat setuju bagi setiap penyataan.

Data menunjukkan 70.59 peratus responden memilih setuju (skala empat) di mana modul yang lebih spesifik diperlukan untuk mengendalikan program ini. Di samping itu, 58.82% daripada responden memilih setuju (skala empat) bagi pernyataan mereka perlu memodifikasi teknik pengajaran berdasarkan keperluan murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Bagi pernyataan ketiga yang menyatakan guru perlu memodifikasi ABM berdasarkan keperluan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran 47.06 peratus responden memilih setuju (skala empat).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Data juga menunjukkan 79.41 peratus responden memilih setuju (skala empat) pada penyataan kandungan modul sedia ada tidak disusun secara sistematik dari mudah ke susah. Seterusnya pada pernyataan nombor enam 55.88 peratus memilih setuju (skala empat) bagi pernyataan modul sedia ada tidak dapat meningkatkan motivasi belajar murid. Sementara itu, 94.14 peratus responden memilih setuju (skala empat) pada pernyataan nombor sepuluh iaitu Bahan Pengajaran Bertulis yang disediakan kurang membina keyakinan diri untuk melaksanakan sesi pengajaran.

Terdapat hanya 35.29 peratus responden yang memilih setuju (skala empat) bagi pernyataan nombor yang menyatakan bimbingan dalam mengendalikan program ini kurang disediakan. Selain daripada itu, data menunjukkan 91.18 peratus responden memilih setuju (skala empat) pada pernyataan Bahan Bantu Mengajar sukar didapati dan kurang tersedia. Data yang dikumpul juga menunjukkan 94.12 peratus responden memilih setuju (skala empat) untuk pernyataan nombor 11 iaitu Pelan Mengajar Teori tidak disusun secara sistematik mengikut apa yang hendak disampaikan. Penyataan nombor 12 iaitu Pelan Mengajar Amali tidak disusun secara sistematik mengikut apa yang hendak disampaikan. menunjukkan 97.06 peratus responden memilih setuju (skala empat).

Justeru, pengkaji mendapati terdapat keperluan untuk memodifikasi modul asal bagi membantu meningkatkan kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran di SMPKV.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Analisis Bahagian B Isu dan Permasalahan Sedia Ada dalam Pengajaran dan Pembelajaran Operasi Pengemasan

Bil.	Pernyataan/ Skala	Peratus (%)				
		1	2	3	4	5
1.	Anda perlukan modul yang lebih spesifik untuk mengendalikan program Operasi Pengemasan.	0.00%	0.00%	8.82%	70.59%	20.59%
2.	Anda kurang memahami elemen asas program operasi pengemasan.	0.00%	5.88%	5.88%	73.53%	14.71%
3.	Anda perlu memodifikasi ABM berdasarkan keperluan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran.	0.00%	41.18%	2.94%	47.06%	8.82%
4.	Anda perlu memodifikasi teknik pengajaran berdasarkan keperluan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran.	0.00%	35.29%	2.94%	58.82%	2.94%
5.	Kandungan modul sedia ada tidak disusun secara sistematik dari mudah ke susah.	0.00%	14.71%	2.94%	79.41%	2.94%
6.	Bentuk penyampaian modul tidak dapat meningkatkan motivasi belajar murid.	0.00%	14.71%	29.41%	55.88%	0.00%
7.	Pengetahuan anda dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran program ini sangat kurang.	0.00%	79.41%	5.88%	11.76%	2.94%
8.	Bimbingan dalam mengendalikan program ini kurang disediakan.	0.00%	55.88%	5.88%	35.29%	2.94%
9.	Bahan Bantu Mengajar sukar didapati dan kurang tersedia.	0.00%	5.88%	0.00%	91.18%	2.94%
10.	Bahan Pengajaran Bertulis yang disediakan kurang membina keyakinan diri untuk melaksanakan sesi pengajaran.	0.00%	0.00%	0.00%	94.12%	5.88%
11.	Pelan Mengajar Teori tidak disusun secara sistematik mengikut apa yang hendak disampaikan.	0.00%	2.94%	0.00%	94.12%	2.94%
12.	Pelan Mengajar Amali tidak disusun secara sistematik mengikut apa yang hendak disampaikan.	0.00%	0.00%	0.00%	97.06%	2.94%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Bahagian C: Penilaian Modifikasi Kandungan

Jadual 4.3 menunjukkan analisis bagi penilaian modifikasi kandungan modul yang telah dijalankan oleh pengkaji. Responden perlu memilih Skala Likert lima mata yang telah ditetapkan iaitu [1] Sangat Tidak Setuju, [2] Sangat Setuju, [3] Tidak Pasti, [4] Setuju dan [5] Sangat Setuju bagi lapan komponen yang telah disenaraikan.

Komponen yang disenaraikan ialah [1] CU01*: Guest Room Preparations,* [2] CU02*: Housekeeping Guest Services,* [3] CU03*: Public Area and Facilities Maintenance,* [4] CU04*: Laundry and linen Services.* CU04*: Laundry and linen Services,* [5] CU05: *Housekeeping VIP Services,* [6] CU06*: Housekeeeping Quality Inspections,* [7] *CU07: Housekeeping Inventory and Stock Control dan* [8] CU08*: Housekeeping Staff Administrations.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis menunjukkan peratus analisis deskriptif bagi setiap komponen yang disenaraikan. Berdasarkan data yang dianalisis mendapati 88.24 peratus memilih sangat setuju (skala lima) sekiranya CU01 *Guest Room Preparations* dimodifikasikan sebagai modul. Hanya 5.88 peratus responden sahaja memilih tidak bersetuju sekiranya komponen ini dimodifikasikan sebagai modul. Memandangkan terdapat sepuluh subtajuk di dalam CU01 Guest Room Preparations, maka pengkaji menetapkan untuk memilih aktiviti kerja 05: *Make Up Guest Bed* sebagai tajuk modul. Sementara itu, 2.94 peratus responden sahaja yang memilih sangat setuju (skala lima) pada CU02 *Housekeeping Guest Service* untuk dimodifikasikan sebagai modul. Data menunjukkan tiada responden, kosong peratus memilih setuju (skala lima) pada CU03: *Public Area and Facilities Maintenance,* CU04*: Laundry and linen Services* CU04*: Laundry and*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

linen Services, CU05: *Housekeeping VIP Services*, CU06*: Housekeeeping Quality Inspections*, CU07: *Housekeeping Inventory and Stock Control* dan *CU08: Housekeeping Staff Administrations.*

Analisis *Cronbach Alpha* menunjukkan tajuk CU01: *Guest Room Preparations* mendapat nilai min tertinggi iaitu 4.73 yang membawa maksud modifikasi modul sangat diperlukan. Berdasarkan interpretasi skor min yang telah ditetapkan, nilai 4.73 termasuk di dalam anggaran nilai min 3.67-5.00 iaitu tahap tinggi dengan interpretasi modifikasi modul sangat diperlukan. Justeru, berdasarkan dapatan analisis yang diperolehi, pengkaji mengambil keputusan untuk memodifikasikan tajuk *CU01: Guest Rooms Preparations* dengan memilih aktiviti kerja 05 iaitu *Make Up Guest Bed* memandangkan tajuk yang terpilih sangat penting di dalam Operasi Pengemasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3


Analisis Penilaian Modifikasi Kandungan Modul

Bil.	Pernyataan	Peratusan				
	Skala	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**
1.	CU01: *Guest Room Preparations.*	0.00%	5.88%	2.94%	2.94%	88.24%
2.	CU02:*Housekeeping Guest Services.*	5.88%	32.35%	2.94%	55.88%	2.94%
3.	*CU03: Public Area and Facilities Maintenance.*	2.94%	44.12%	5.88%	44.12%	2.94%
4.	*CU04: Laundry and linen Services.*	0.00%	70.59%	2.94%	26.47%	0.00%
5.	*CU05: Housekeeping VIP Services.*	17.65%	52.94%	2.94%	26.47%	0.00%
6.	*CU06:Housekeeeping Quality Inspections.*	8.82%	52.94%	2.94%	35.29%	0.00%
7.	*CU07: Housekeeping Inventory and Stock Control.*	2.94%	55.88%	2.94%	38.24%	0.00%
8.	*CU08: Housekeeping Staff Administrations.*	0.00%	47.06%	2.94%	50.00%	0.00%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.5 menunjukkan analisis penilaian modifikasi kandungan modul bagi konstruk C seperti yang terkandung di dalam soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul yang telah dijalankan oleh pengkaji. Bahagian ini adalah berkaitan masalah pengajaran dan pembelajaran melibatkan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran. Responden memilih berdasarkan skala satu hingga lima yang disediakan.



Rajah 4.5 Analisis penilaian modifikasi modul

4.3.3 Bahagian D: Reka Bentuk Modul

Jadual 4.8 menunjukkan analisis bagi tinjauan keperluan modifikasi modul bagi konstruk reka bentuk modul. Responden diminta untuk memilih Skala Likert yang telah ditetapkan iaitu [1] Sangat Tidak Setuju, [2] Tidak Setuju, [3] Tidak Pasti, [4] Setuju dan [5] Sangat Setuju.

Analisis deskriptif telah dijalankan untuk menilai peratusan bagi setiap pernyataan dalam Bahagian D. Analisis mendapati 61.76 peratus responden telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memilih sangat setuju (skala lima) bagi pernyataan modul perlu mengandungi Rancangan Pengajaran Harian. Sementara 67.65 peratus responden memilih setuju (skala empat) bagi pernyataan modul mesti memotivasikan murid. Sementara itu, pernyataan modul mesti menyatakan objektif pengajaran yang jelas mencatatkan 64.71 peratus responden memilih setuju (skala empat).

Analisis data juga mencatatkan, 61.76 peratus responden memilih setuju pada pernyataan modul mesti memperincikan langkah-langkah pelaksanaan. Sementara itu, 64.71 peratus responden memilih setuju (skala empat) pada pernyataan modul mesti mencadangkan kaedah dan teknik bersesuaian. Seterusnya, 70.59 peratus responden memilih setuju (skala empat) terhadap pernyataan modul mesti mengandungi tugasan untuk murid. Pada pernyataan nombor lapan, 73.53 peratus responden telah memilih setuju (skala empat) pada pernyataan modul mesti disusun daripada mudah ke susah.

Justeru, pengkaji telah membuat keputusan untuk memodifikasi modul asal kepada modul yang mengandungi buku panduan guru menggunakan persembahan interaktif *power point* sebagai teknik dan langkah yang bertepatan dengan dapatan tinjauan yang telah dijalankan. Pengkaji juga menyediakan buku tugasan murid yang mengandungi elemen multimedia untuk memotivasikan murid semasa menggunakan modul. Oleh itu, modul dibina menggunakan elemen persembahan interaktif multimedia *power point*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Analisis Reka Bentuk

Bil	Pernyataan	Peratus				
	Skala	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**
1.	Modul perlu mengandungi contoh Rancangan Pengajaran Harian.	0.00%	0.00%	2.94%	61.76%	35.29%
2.	Modul mesti memotivasikan murid.	0.00%	0.00%	5.88%	67.65%	26.47%
3.	Modul mesti menyatakan objektif pembelajaran yang jelas.	0.00%	0.00%	2.94%	64.71%	32.35%
4.	Modul mesti memperincikan langkah-langkah pelaksanaan.	0.00%	0.00%	0.00%	61.76%	38.24%
5.	Modul mesti mencadangkan kaedah dan teknik bersesuaian.	0.00%	0.00%	0.00%	64.71%	35.29%
6.	Modul mesti mempunyai lembaran kerja untuk murid.	0.00%	0.00%	0.00%	70.59%	29.41%
7.	Modul mesti menggunakan bahasa yang mudah bersesuaian dengan keupayaan murid.	0.00%	0.00%	0.00%	70.59%	29.41%
8.	Modul mesti disusun daripada mudah ke susah.	0.00%	0.00%	0.00%	73.53%	26.47%

4.3.4 Bahagian E: Cadangan

Jadual 4.5 menunjukkan cadangan yang telah dikemukakan oleh responden dalam tinjauan keperluan modifikasi modul. Daripada 34 responden, terdapat lima responden yang tidak memberi sebarang cadangan. Pengkaji telah mengkelompokkan cadangan-cadangan yang dikemukakan kepada lapan kumpulan. Cadangan yang paling banyak diterima adalah mengenai usulan supaya dikeluarkan topik yang tidak relevan dengan Program Operasi Pengemasan seperti topik pembersihan kolam renang yang telah dikemukakan oleh empat responden. Cadangan mengenai memasukkan unsur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

multimedia telah dikemukakan oleh lima responden. Modul yang dimodifikasi mestilah sesuai dengan tahap murid telah dicadangkan oleh dua responden. Terdapat empat responden juga mencadangkan agar modul dibina lebih ringkas agar mudah diikuti oleh murid berdasarkan tahap kognitif mereka. Manakala tiga responden telah mencadangkan agar modul yang dimodifikasi menggunakan dwibahasa. Manakala enam responden telah mencadangkan agar setiap tajuk di dalam modul disertakan dengan alat BBM yang lengkap. Cadangan agar aktiviti kerja di dalam modul dikurangkan telah diusulkan oleh tiga responden.

Kesimpulannya, berdasarkan interpretasi skor min yang telah ditetapkan, nilai min tertinggi iaitu 4.73 yang diperolehi termasuk di dalam anggaran nilai min 3.67-5.00 membawa interpretasi yang bermaksud modifikasi modul sangat diperlukan. Justeru, berdasarkan dapatan analisis yang diperolehi, pengkaji mengambil keputusan untuk memodifikasikan tajuk CU01: *Guest Rooms Preparations* dengan memilih aktiviti kerja 05 iaitu *Make Up Guest Bed* memandangkan tajuk yang terpilih sangat penting di dalam Operasi Pengemasan.

Pengkaji telah berusaha memodifikasi modul asal untuk meningkatkan kemahiran mengemas katil dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran di sekolah menengah pendidikan khas vokasional. Modul yang dibangunkan pengkaji mengandungi ciri interaktif dengan menggunakan *power point* sebagai multimedia interaktif dan bahan bantu mengajar. Modul yang dibangunkan juga berasaskan teori kecerdasan pelbagai dan model gaya pembelajaran VAK dan dibina berasaskan data yang diperolehi daripada tinjauan keperluan modifikasi modul yang telah dijalankan. Data yang dikumpul telah menunjukkan terdapat keperluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk memodifikasi modul asal. Justeru, pemilihan tajuk kompetensi unit 01 *Guest Room Preparations* sebagai modul yang dimodifikasi telah dipermudahkan dengan penggunaan persembahan interaktif mutimedia power bagi memenuhi tahap keperluan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.

Jadual 4.5

Analisis Cadangan yang telah Dikemukakan oleh Responden

Bil	Cadangan	Responden
1.	Memasukkan unsur ICT dan multimedia	4
2.	Modul yang sesuai dengan tahap murid	5
3.	Keluarkan topik yang tidak relevan	5
4.	Modul yang ringkas dan padat	7
5.	Ubah suai dari aspek kandungan modul	2
6.	Sediakan Bahan Bantu Mengajar yang sesuai dengan semua topik	3
7.	Kurangkan aktiviti kerja dari modul asal	2
8.	Tidak memberi sebarang cadangan	6
	Jumlah	34

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Tahap Kesahan Modul *MakeUpBed* Bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu dalam Kalangan MBPK MP

Bagi menentukan tahap kesahan modul yang dibangunkan, pengkaji meminta bantuan daripada pakar yang telah disenaraikan. Kesemua lima orang pakar terlibat membabitkan bidang kepakaran yang berkait rapat dengan Program Operasi Pengemasan telah memberikan bantuan memeriksa kandungan modul dan memberikan pandangan berserta penambahbaikan terhadap modul. Kesahan yang dijalankan merangkumi i) aras pembelajaran, ii) kandungan pembelajaran dan iii) kaedah dan konsep pembelajaran dengan menggunakan Skala Likert lima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mata. Nilai kesahan yang tinggi bagi kesahan modul perlulah melebihi 70 peratus. Penilaian kesahan modul ditadbir dengan melibatkan lima pakar dalam bidang kajian iaitu dua wakil industri Bahagian Operasi Pengemasan, Pegawai Pengesahan Dalaman dari Jabatan Pembangunan Kemahiran, Ketua Panitia Operasi Pengemasan dan seorang pensyarah Kanan dari Institusi Pengajian Tinggi Awam. Pakar yang dilantik terlibat dalam memberikan komen, maklum balas dan cadangan.

4.4.1 Analisis Peratusan Nilai Kesahan Pakar

Jadual 4.6 menunjukkan peratusan nilai kesahan pakar bagi i) aras pembelajaran, ii) kandungan pembelajaran dan iii) kaedah dan konsep pembelajaran seperti yang terkandung dalam instrumen penilaian kesahan kandungan modul *MakeUpBed*. Pengkaji menggunakan formula khas bagi mendapatkan kesahan kandungan iaitu jumlah skor yang diisi oleh pakar (X) dibahagikan dengan jumlah skor keseluruhan (X) dan di darabkan dengan 100.

Analisis kesahan pakar bagi aras pembelajaran menunjukkan jumlah kesahan melebihi 70 peratus bagi semua pernyataan. Peratus kesahan bagi pernyataan pertama ialah 88.00 peratus. Bagi pernyataan kedua, ketiga dan keempat peratus kesahan ialah 92.00 peratus. Manakala bagi pernyataan kelima peratus kesahan ialah 96.00 peratus. Kesemua pernyataan bagi aras pembelajaran adalah diterima kerana melebihi nilai 70 peratus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kandungan pembelajaran kesemua nilai peratus kesahan pakar adalah diterima bagi setiap pernyataan kerana melebihi 70 peratus. Pernyataan pertama dan ketiga mencapai 88.00 peratus nilai kesahan, pernyataan kedua dan keempat mencapai nilai 84.00 peratus nilai kesahan dan pernyataan kelima mencapai 96.00 peratus nilai kesahan.

Analisis bagi kaedah dan konsep pembelajaran juga menunjukkan kesemua pernyataan mempunyai nilai kesahan melebihi 70 peratus. penyataan satu, pernyataan ketiga dan pernyataan keempat mempunyai nilai kesahan sebanyak 92.00 peratus. Manakala pernyataan kedua mempunyai nilai kesahan sebanyak 96.00 peratus dan pernyataan kelima mempunyai nilai kesahan sebanyak 88.60 peratus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis peratus nilai kesahan pakar bagi instrumen penilaian kesahan modul *MakeUpBed* ialah 91.7 peratus. Angka ini menunjukkan Modul *MakeUpBed* yang dibangunkan mempunyai kesahan yang tinggi berdasarkan nilai kesahan yang melebihi 70 peratus. Justeru, modul yang telah dibangunkan sedia untuk diuji terhadap sampel yang telah ditetapkan bagi menilai tahap kebolehpercayaannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Peratusan Nilai Kesahan Pakar

Bil	Pernyataan	Pakar					Peratus Kesahan	Pandangan Pakar
		1	2	3	4	5		
	Aras Pembelajaran							
1.	Modul ini sesuai bagi murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.	4	5	4	5	4	88.00	Diterima
2.	Konsep dan kaedah yang digunakan betul dan tepat.	4	5	5	5	4	92.00	Diterima
3.	Pembelajaran secara sistematik dan berperingkat.	4	5	5	4	5	92.00	Diterima
4.	Kandungan pembelajaran modul sesuai dengan tahap intelektual murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.	5	5	5	4	4	92.00	Diterima
5.	Kandungan pembelajaran modul dipecahkan kepada sub modul.	5	5	5	5	4	96.00	Diterima
	Kandungan Pembelajaran							
1.	Kandungan modul ini menepati populasinya.	4	5	4	5	4	88.00	Diterima
2.	Isi kandungan modul ini selaras dengan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK).	4	5	4	4	4	84.00	Diterima
3.	Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna.	4	5	4	5	4	88.00	Diterima
4.	Kandungan modul ini bersesuaian dengan tempoh masa pengajaran.	4	5	4	4	4	84.00	Diterima
5.	Aktiviti yang disediakan bersesuaian dan berkaitan dengan objektif dan matlamat pembelajaran.	5	5	5	5	4	96.00	Diterima
	Kaedah dan Konsep Pembelajaran							
1.	Bahan pembelajaran menarik dan bersesuaian.	5	5	4	5	4	92.00	Diterima
2.	Konsep pembelajaran bersifat penerapan kemahiran.	5	5	5	5	4	96.00	Diterima
3.	Konsep dan kaedah pengajaran mudah diikuti.	4	5	5	5	4	92.00	Diterima
4.	Modul disusun secara lengkap dan teratur serta mudah digunakan.	5	5	4	5	4	92.00	Diterima
5.	Bahan bantu mengajar mudah didapati.	4	5	4	5	4	88.00	Diterima
	Nilai Keseluruhan Kesahan						90.60	Diterima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2 Analisis Komen Pakar

Jadual 4.7 menunjukkan komen dan pandangan pakar berkaitan modul yang dibangunkan dari aspek i) aras pembelajaran, ii) kandungan pembelajaran dan iii) kaedah dan konsep pembelajaran. Kelima lima pakar telah memberikan komen bagi tujuan penambahbaikan modul. Secara keseluruhannya kesemua komen yang diberikan sangat positif dalam menambah nilai modul yang dibangunkan oleh pengkaji.

Berdasarkan cadangan yang telah dikemukakan oleh pakar penilai, terdapat komen penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi meningkatkan mutu modul yang dihasilkan. Antara komen penambahbaikan dari aspek aras pembelajaran yang telah disarankan adalah dari pakar penilai kelima iaitu agar populasi yang terlibat dijelaskan dengan teliti. Bagi aspek kandungan pembelajaran pakar penilai kelima juga telah mencadangkan agar ditambah refleksi pada setiap aktiviti dalam sub modul**.** Bagi aspek kaedah dan konsep pembelajaran pakar penilai ketiga telah memberi komen yang membina iaitu pemahaman murid dapat ditingkatkan jika modul merangkumi aktiviti luar kelas seperti praktikal dijalankan di hotel atau resort.

Hasil dari analisis yang dijalankan jelas menunjukkan modul yang dibangunkan mempunyai nilai kesahan yang tinggi. Modul yang dibangunkan sangat bersesuaian dengan golongan sasaran iaitu murid bekeperluan khas masalah pembelajaran. Pengkaji mendapati komen dari pakar penilai sangat membantu dalam menambah baik modul yang dibangunkan. Kepakaran yang dimiliki oleh pakar yang dilantik membolehkan pelbagai komen positif dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membina dikumpulkan bagi tujuan menambah kesahan modul yang dibina. Secara keseluruhannya berasaskan respond daripada pakar-pakar penilai terhadap setiap sub modul menunjukkan modul *MakeUpBed* yang dibangunkan menepati objektif-objektif modul telah dinyatakan.

Jadual 4.7

Analisis Komen dan Pandangan Pakar

Bil	Aspek	Pakar	Komen
1.	**Aras Pembelajaran**	Pakar 1	Komen: [Amat bersesuaian untuk para pelajar kemahiran-pengemasan bilik]. Komen: [Mencukupi untuk CU01:WA05 *Makeup Guest Bed].* Komen: [Di akhir setiap modul ada soalan /kuiz untuk penanda aras pengetahuan calon.] Komen: [Mempunyai konklusi yang jelas.]
		Pakar 2	Komen: [Modul yang tepat, sesuai untuk pembelajaran.]
		Pakar 3	Tiada komen
		Pakar 4	Komen [Aras pembelajaran modul ini mengikut tahap yang sesuai untuk murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.]
		Pakar 5	Komen [Modul panduan guru sesuai cuma golongan keperluan bagaimana yang terlibat perlu jelas.]
2.	**Kandungan Pembelajaran**	Pakar 1	Komen [Kandungan pembelajaran amat sesuai bagi pelajar berkeperluan khas kerana menarik dan mempunyai simulasi dari segi praktikal dan teori.] Komen: [Nota-nota yang padat dan tidak meleret-leret ke mata yang penting.]
		Pakar 2	Komen: [Mengikut S.O.P perhotelan.]

Bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7 (Sambungan)

Bil	Aspek	Pakar	Komen
		Pakar 3	Komen: [Kandungan pembelajaran mudah dan ringkas dan menyenangkan murid untuk lebih memahami.]
		Pakar 4	Komen: [Kandungan pembelajaran sesuai dengan tahap kognitif dan kebolehan mbpk mp.]
		Pakar 5	Komen: [Merangkumi semua tugasan yang perlu] Komen: [Perlu tambah refleksi.]
3.	**Kaedah dan Konsep Pembelajaran**	Pakar 1	Komen: [Kaedah dan konsep amat bersesuaian untuk para pelajar berkeperluan khas dan juga pelajar normal.] Komen: [Boleh menarik minat pelajar kerana kaedah dan konsep amat menarik.]
		Pakar 2	Komen: [Sangat bersesuaian dengan pembelajaran.]
		Pakar 3	Komen: [Murid akan lebih memahami sekiranya di bawa ke tapak sebenar contoh hotel atau resort bukan setakat di dalam kelas sahaja.]
		Pakar 4	Komen: [Konsep pembelajaran yang menarik kerana mempunyai gambar. Murid akan lebih faham].
		Pakar 5	Komen: [Berperingkat mengikut kompetensi sesuai cuma perlu disesuaikan dengan murid lain-lain keperluan.]

4.5 Tahap Kebolehpercayaan Modul *MakeUpBed* bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu dalam Kalangan MBPK MP

Tahap kebolehpercayaan modul dinilai oleh peserta dari kumpulan tunggal seramai enam orang. Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, didapati 100 peratus responden telah selesai menggunakan modul iaitu murid berkeperluan pendidikan khas masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran yang berumur di antara 16-17 tahun. Responden terdiri daripada dua orang murid lelaki dan empat orang murid perempuan. Borang penilaian kebolehpercayaan modul digunakan sebagai instrumen penilaian. Analisis *Cronbach Alpha* telah dijalankan bagi menguji kebolehpercayaan Modul *MakeUpBed*.

4.5.1 Analisis Tahap Kebolehpercayaan Modul *MakeUpBed* Menggunakan Analisis Cronbach Alpha

Jadual 4.8 menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi Modul *MakeUpBed*. Nilai kebolehpercayaan di analisis berdasarkan setiap sub modul yang terdapat dalam Modul *MakeUpBed*. Setiap konstruk di labelkan dengan label seperti (i) SM0101-SM0106 mewakili konstruk sub modul 01 yang mengandungi enam item, (ii) SM0201-SM0105 mewakili konstruk sub modul 02 yang mengandungi lima item, (iii) SM0301-SM0304 mewakili sub modul 03 yang mengandungi empat item dan (iv) SM0401-SM0404 mewakili sub modul 04. Hasil analisis menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* bagi kebolehpercayaan modul *MakeUpBed* ialah .834

Jadual 4.8

Analisis Cronbach Alpha bagi Kebolehpercayaan Modul MakeUpBed

Bil	Nilai *Cronbach Alpha*	Nilai Item Standard	Items (N)
1.	.834	.848	19

Jadual 4.9 menunjukkan analisis item *Cronbach Alpha* bagi modul *MakeUpBed* . Dapatan yang dikumpul menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi setiap aktiviti yang digunakan bagi menguji kebolehpercayaan modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MakeUpBed adalah tinggi. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, kesemua skor nilai pekali *Cronbach Alpha* melebihi .80. Ini bermakna, modul mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik.

Setiap item mewakili aktiviti yang dijalankan di dalam modul. Item SM0101 sehingga SM0106 mewakili aktiviti sub modul 01. Hasil dapatan analisis menunjukkan nilai pekali *Cronbach Alpha* bagi (i) SM0101 ialah .852, (ii) SM0102 ialah .872, (iii) SM0103 ialah .866, (iv) SM0104 ialah .811, (v) SM0105 ialah .803 dan (vi) SM0106 ialah .803. Item SM0102 mempunyai nilai pekali *Cronbach Alpha* paling tinggi dan SM0105 dan SM0106 mempunyai nilai pekali *Cronbach Alpha* terendah bagi sub modul 01.

Item SM0201 sehingga item SM0205 pula mewakili aktiviti bagi sub modul 02. Setelah dianalisis, nilai pekali *Cronbach Alpha* bagi (i) SM0201 ialah .852, (ii) SM0202 ialah .852, (iii) SM0203 ialah .817, (iv) SM0204 ialah .817 dan (v) SM0205 ialah .817. Bagi sub modul 02, item SM0201 dan SM0202 mempunyai nilai pekali *Cronbach Alpha* paling tinggi dan item bagi SM0203, SM0204, SM0204 mempunyai nilai pekali *Cronbach Alpha* paling rendah iaitu .817 bagi sub modul 02.

Item 0301 sehingga 0304 mewakili aktiviti bagi sub modul 03. Analisis yang telah dijalankan mendapati item SM0302 mempunyai nilai pekali *Cronbach Alpha* paling tinggi iaitu .836 manakala item yang mempunyai nilai pekali paling rendah bagi sub modul 03 ialah item SM0304 iaitu .803. Nilai pekali *Cronbach*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Alpha yang telah dicatatkan bagi item (i) SM0401 ialah .811, (ii) SM0402, SM0403 dan SM0404 ialah .803.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, min yang dicatatkan ialah 4.272. Nilai min yang diperolehi membawa maksud kebolehpercayaan modul sangat tinggi berdasarkan interpretasi skor min yang telah dibina. Secara keseluruhannya, dapatan yang telah dikumpulkan menunjukkan Modul *MakeUpBed* mempunyai nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima dan dipercayai serta boleh digunakan dalam intervensi dalam meningkatkan kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan MBPK MP.

Jadual 4.9

Analisis nilai Cronbach Alpha kebolehpercayaan modul MakeUpBed

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Nilai Cronbach Alpha
SM0101	Saya dapat mengenali jenis-jenis katil yang digunakan di hotel melalui penerangan guru.	4.1667	.40825	.852
SM0102	Saya dapat mengenali katil melalui model katil yang ditunjukkan.	4.5000	.54772	.872
SM0103	Saya dapat mengenali saiz melalui model katil yang ditunjukkan.	4.3333	.51640	.866
SM0104	Saya dapat menjawab soalan yang dikemukakan berkaitan katil.	4.3333	.51640	.811
SM0105	Saya dapat menjawab kuiz interaktif yang terdapat yang disediakan.	4.1667	.40825	.803
SM0106	Saya memahami rumusan berkaitan tajuk yang disampaikan.	4.1667	.40825	.803
SM0201	Saya dapat mengenali jenis-jenis linen melalui penerangan guru.	4.1667	.40825	.852
SM0202	Saya dapat mengenal pasti jenis linen melalui set linen yang ditunjukkan.	4.1667	.40825	.852
SM0203	Saya dapat menjawab soalan yang dikemukakan.	4.3333	.51640	.817

Bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9 (Sambungan)

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Nilai Cronbach Alpha
SM0204	Saya dapat menjawab kuiz interaktif yang disediakan.	4.3333	.51640	.817
SM0205	Saya memahami rumusan berkaitan tajuk yang disampaikan.	4.3333	.51640	.817
SM0301	Saya dapat mengenal pasti cara-cara penjagaan linen melalui penerangan guru.	4.3333	.51640	.811
SM0302	Saya dapat menjawab soalan yang dikemukakan.	4.5000	.54772	.836
SM0303	Saya dapat menjawab kuiz interaktif yang disediakan.	4.3333	.51640	.828
SM0304	Saya memahami rumusan berkaitan tajuk yang disampaikan.	4.1667	.40825	.803
SM0401	Saya dapat mengenal pasti langkah-langkah mengemas katil tetamu dengan betul.	4.3333	.40825	.811
SM0402	Saya dapat menjawab soalan yang dikemukakan.	4.1667	.54772	.803
SM0403	Saya dapat menjawab kuiz interaktif yang disediakan.	4.1667	.51640	.803
SM0404	Saya memahami rumusan berkaitan tajuk yang disampaikan.	4.1667	.51640	.803

4.6 Tahap Keberkesanan Modul *MakeUpBed* bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Penelitian dari aspek keberkesanan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran turut dilakukan. Penelitian ini dijalankan menggunakan pendekatan kajian kuasi eksperimental berdasarkan reka bentuk *nonequivalent groups pre-post tests design*. Penelitian melibatkan 10 orang murid di sebuah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional selama 12 minggu yang bermula pada 04 Mac 2019 hingga 24 Mei 2019.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.1 Analisis Deskriptif Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca

Jadual 4.10 menunjukkan skor ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang telah dicatatkan semasa kajian kuasi eksperimen dijalankan. Ujian dijalankan ke atas sepuluh orang sampel. Pelaksanaan kajian adalah berdasarkan jadual 3.9 seperti yang ditunjukkan dalam Bab 3. Berdasarkan jadual 4.14, Skor ujian pra bagi KR-1 ialah 11 markah, KR-2 ialah sepuluh markah, KR-3 memperoleh sepuluh markah, KR-4 hanya mendapat lapan markah dan KR-5 mendapat sembilan markah. Manakala, skor ujian pasca bagi KR-1 ialah 16 markah berbeza sebanyak lima mata (31.25 peratus) KR-2 ialah 14 markah mencatat perbezaan sebanyak empat mata (28.57 peratus), KR-3 mendapat 17 markah dengan perbezaan sebanyak tujuh mata (41.18 peratus) dan KR-4 dan KR-5 mendapat 14 markah mencatatkan perbezaan sebanyak enam (42.86 peratus) dan lima mata (35.71 peratus).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala skor ujian pra menunjukkan KK-1 ialah 13 markah, K-2 ialah sepuluh markah, KR-3 memperoleh 14 markah, KR-4 mendapat 12 markah dan KR-5 hanya mendapat lapan markah. Manakala, skor ujian pasca bagi KK-1 ialah 14 markah berbeza sebanyak satu mata (7.14 peratus), KR-2 dengan 11 markah mencatat perbezaan sebanyak satu mata (9.09 peratus), KR-3 kekal dengan 14 markah (00.00 peratus) dan KR-4 mencatat 11 markah mencatat perbezaan -1 mata (-9.09 peratus) dan KR-5 mendapat 11 markah mencatatkan perbezaan sebanyak satu mata (11.11 peratus). Ini bermakna tahap kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran telah mencatatkan perbezaan dalam ujian pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan Serta Kumpulan Kawalan

Bil.	Respondan	Skor		Perbezaan	
		Pra	Pasca	Mata	Peratusan
1.	KR-1	11	16	5	31.25
2.	KR-2	10	14	4	28.57
3.	KR-3	10	17	7	41.18
4.	KR-4	8	14	6	42.86
5.	KR-5	9	14	5	35.71
6.	KK-1	13	14	1	7.14
7.	KK-2	10	11	1	9.09
8.	KK-3	14	14	0	0.00
9.	KK-4	12	11	-1	-9.09
10.	KK-5	8	9	1	11.11
		10.5	12		

4.6.1.1 H_{o1}: Tidak Terdapat Perbezaan Skor yang Signifikan dalam Ujian Pra Kemahiran Mengemas Katil Tetamu Antara Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan.

Jadual 4.11 menunjukkan skor ujian pra kemahiran mengemas katil bagi kumpulan rawatan. Kesetaraan pencapaian sampel dalam ujian pra antara kumpulan kawalan dan rawatan diuji melalui ujian nonparametrik *Wilcoxon Signed Rank Test*. Analisis menunjukkan bahawa skor median ujian pra kumpulan kawalan ialah 11.4, manakala skor median ujian pra bagi kumpulan rawatan ialah 9.6 . Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pra antara dua kumpulan ini, dengan nilai z=.141, p>0.05. Maka, hipotesis null pertama, iaitu tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pra kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan adalah diterima. Ini membuktikan bahawa sampel daripada kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan mempunyai pencapaian yang setara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebelum didedahkan dengan kaedah pengajaran konvensional dan kaedah pengajaran berbantukan modul Modifikasi Operasi Pengemasan (*MakeUpBed*).

Jadual 4.11

Perbezaan Skor Ujian Pra Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan

Pembolehubah	Kumpulan	Skor	Perbezaan Skor	Ties	Nilai-Z
Ujian Pra	Kawalan	11.4	1.8	1[c]	.141
	Rawatan	9.60			

4.6.1.2 $H_{o}2$: Tidak Terdapat Perbezaan Skor yang Signifikan dalam Ujian Pasca Kemahiran Mengemas Katil Tetamu antara Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12 menunjukkan skor ujian pasca kemahiran mengemas katil bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kesetaraan pencapaian sampel dalam ujian pasca kemahiran mengemas katil bagi kumpulan kawalan dan rawatan diuji melalui ujian nonparametrik *Wilcoxon Signed Rank Test*. Analisis menunjukkan bahawa skor median ujian pasca kumpulan kawalan ialah 15.00, manakala skor median ujian pasca bagi kumpulan rawatan ialah 11.8. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pasca antara dua kumpulan ini, dengan nilai $z=.039$, $p<0.05$. Maka, hipotesis null kedua, iaitu tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan adalah ditolak. Hipotesis alternatif (H_a3) adalah diterima iaitu terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Ini membuktikan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sampel daripada kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan mempunyai pencapaian yang berbeza setelah masing-masing didedahkan dengan kaedah pengajaran konvensional dan kaedah pengajaran berbantukan modul Modifikasi Operasi Pengemasan *(MakeUpBed).*

Jadual 4.12

Perbezaan Skor Ujian Pasca Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan

Pembolehubah	Kumpulan	Skor	Perbezaan Skor	Ties	Nilai-Z
Ujian Pasca	Kawalan	15	3.2	0[C]	0.03
	Rawatan	11.8			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.1.3 $H_{o}3$: Tidak Terdapat Perbezaan Skor yang Signifikan antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca Tahap Kemahiran Mengemas Katil Tetamu Kumpulan Rawatan

Jadual 4.13 menunjukkan skor ujian pra dengan ujian pasca penilaian kemahiran mengemas katil bagi kumpulan rawatan. Kesetaraan pencapaian sampel dalam ujian pra dan pasca kumpulan rawatan diuji melalui ujian nonparametrik *Wilcoxon Signed Rank Test*. Analisis menunjukkan bahawa skor median ujian pra ialah 9.60, manakala skor median ujian pasca ialah 15.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pra dengan ujian pasca antara dua kumpulan ini, dengan nilai $z=0.02$, $p<0.05$. Maka, hipotesis null ketiga, iaitu tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pra dengan ujian pasca tahap kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan rawatan adalah ditolak. Ini membuktikan bahawa sampel daripada kumpulan rawatan mempunyai peningkatan pencapaian yang ketara selepas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didedahkan kepada kaedah pengajaran berbantukan modul Modifikasi Operasi Pengemasan *(MakeUpBed).*

Jadual 4.13

Analisis Wilcoxon-T Perbezaan Skor Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan

Kumpulan	Pembolehubah	Skor	Perbezaan Skor	Ties	Nilai-Z
Kumpulan Rawatan	Ujian Pra	9.6	5.4	0[c]	0.02
	Ujian Pasca	15			

4.6.1.4 Ho4: Tidak Terdapat Perbezaan Skor yang Signifikan Antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca Tahap Kemahiran Mengemas Katil Tetamu Kumpulan Kawalan

Jadual 4.14 menunjukkan skor ujian penilaian kemahiran mengemas katil tetamu bagi kumpulan kawalan. Kesetaraan pencapaian sampel dalam ujian pra dengan ujian pasca kumpulan kawalan diuji melalui ujian nonparametrik *Wilcoxon Signed Rank Test*. Analisis menunjukkan bahawa skor median ujian pra ialah 11.40, manakala skor median ujian pasca bagi kumpulan kawalan ialah 11.80. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pra dan pasca kumpulan kawalan, dengan nilai z=.317, p>0.05. Maka, hipotesis null keempat, iaitu tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan kawalan diterima. ini membuktikan bahawa sampel daripada kawalan mempunyai pencapaian yang setara sebelum dan selepas didedahkan dengan kaedah pengajaran konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14

Perbezaan Skor Ujian Pra dengan Pasca Kumpulan Kawalan

Kumpulan	Pembolehubah	Skor	Perbezaan Skor	*Ties*	Nilai-Z
Kumpulan Kawalan	Ujian Pra	11.4	0.4	1[c]	.317
	Ujian Pasca	11.8			

4.7 Rumusan

Jadual 4.15 menunjukkan ringkasan dapatan kajian yang telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferens berdasarkan persoalan kajian yang dinyatakan di dalam Bab 1. Ringkasnya, modul *MakeUpBed* yang dibangunkan boleh dianggap sebagai modul lengkap kerana ia telah melalui kajian rintis untuk menentukan tahap keperluan modifikasi, kesahan dan kebolehpercayaannya. Tinjauan keperluan dijalankan untuk memastikan modifikasi benar-benar perlu dijalankan bagi golongan sasar. Bagi mencapai tahap kesahan yang baik, penyelidik berusaha untuk menghantar modul kepada pakar berpengalaman yang telah dilantik. Hasil daripada penilaian pakar menunjukkan bahawa modul yang dibangunkan memenuhi objektif dan boleh dilaksanakan dengan baik. Nilai kesahan yang dicatatkan selepas modul dinilai adalah 90.6 peratus. Ini bermakna, aktiviti yang disediakan dalam Modul *MakeUpBed* adalah baik dan memenuhi keperluan sasaran. Dapatan menunjukkan, Nilai *Cronbach Alpha* untuk kebolehpercayaan modul adalah .834. Nilai yang diperolehi sangat baik dan ia berdasarkan daripada responden yang telah menggunakan modul. Tahap kebolehpercayaan untuk setiap sub modul juga mendapat skor nilai melebihi .80 (=.803 sehingga =.876).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, dapat difahami bahawa p roses penilaian kesahan dan kebolehpercayaan juga menyumbang kepada keberkesanan modul yang dibangunkan walaupun proses pelaksanaan kedua-dua penilaian ini rumit dan memakan masa. Kajian keberkesanan modul pula dijalankan bagi mendapatkan tahap sebenar keberkesanan modul yang dimodifikasi dalam meningkatkan kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran.

Kesimpulannya, elemen multimedia yang disertakan dalam soalan kuiz didapati telah membantu meningkatkan tahap kemahiran murid mengemas katil tetamu berbanding penggunaan modul asal Operasi Pengemasan. Modul asal yang tidak menggunakan unsur multimedia interaktif menyukarkan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran mengekalkan tumpuan terhadap tajuk yang diajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Ringkasan Dapatan Kajian

Bil	Persoalan Kajian	Hipotesis	Dapatan Kajian
1.	Apakah tahap keperluan memodifikasi Modul Operasi Pengemasan bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP?	-	Modifikasi modul sangat diperlukan
2.	Apakah tahap kesahan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP?	-	Kesahan modul pada tahap baik

Bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15 (*Sambungan*)

Bil	Persoalan Kajian	Hipotesis	Dapatan Kajian
			(berdasarkan peratusan yang diperolehi melebihi 70 peratus iaitu 90.6 peratus)
3.	Apakah tahap kebolehpercayaan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP?	-	Kebolehpercayaan modul pada tahap tinggi dengan nilai pekali α=.834 (berdasarkan interpretasi skor min terhadap nilai min 4.272)
4.	Apakah tahap keberkesanan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP?	Ho1: Tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pra kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan;	Hipotesis null pertama, iaitu Tidak Terdapat Perbezaan Skor yang Signifikan dalam Ujian Pra Kemahiran Mengemas Katil Tetamu Antara Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan adalah diterima. dengan nilai z = .141, p > 0.05
		Ho2: Tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan;	Hipotesis null kedua, iaitu tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan adalah ditolak dengan nilai z= 0.03<0.05.

Bersambung...

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15 (*Sambungan*)

Bil	Persoalan Kajian	Hipotesis	Dapatan Kajian
		Ho3: Tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu kumpulan rawatan	Hipotesis null ketiga, iaitu tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan rawatan adalah ditolak dengan nilai z= 0.02, p<0.05
		Ho4: Tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu kumpulan kawalan.	Hipotesis null keempat, iaitu tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan kawalan diterima dengan nilai z= .317, p > 0.05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini mengandungi (i) ringkasan kajian, (ii) perbincangan dapatan kajian, (iii) implikasi teori dan (v) cadangan kajian akan datang. Bahagian rumusan kajian merangkumi dapatan, perbincangan secara ringkas berdasarkan penyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, kaedah kajian, sampel kajian, borang soal selidik, kaedah pengumpulan data dan analisis data. Manakala bahagian perbincangan dapatan kajian membincangkan dapatan kajian berdasarkan teori, dapatan kajian-kajian lepas dan situasi semasa. Bab ini juga turut melaporkan implikasi teori berdasarkan dapatan kajian yang telah di jalankan. Selain itu, bab ini juga mengandungi cadangan bagi memperluaskan kajian lanjutan di masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan membina dan menguji modul *MakeUpBed* dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran yang mengikuti program Operasi pengemasan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional. Pelaksanaan kajian melibatkan dua fasa iaitu (i) fasa pembangunan modul dan (ii) fasa pengujian modul yang bermula dengan analisis keperluan. Tujuan kajian dalam fasa ini sangat penting bagi mengenal pasti masalah dan keperluan memodifikasi modul serta membangunkan modul. Kesahan daripada pakar yang telah dilantik dilakukan bagi menilai tahap kesahan modul. Langkah seterusnya ialah kajian rintis kebolehpercayaan modul iaitu kajian mini sebelum kajian sebenar dijalankan.

Fasa seterusnya ialah menjalankan kajian kuasi eksperimental bagi menentukan tahap keberkesanan modul yang telah dibangunkan. Bahan bacaan dikumpulkan berdasarkan pemboleh ubah yang ditetapkan bagi membentuk satu kerangka asas bagi kajian yang dijalankan. Kemahiran yang ingin dipertingkatkan ialah kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan MBPK MP. Bagi memastikan kemahiran yang ingin disampaikan dapat diterima dengan baik, penggunaan Modul *MakeUpBed* yang diubahsuai adalah perlu dilakukan. Selepas menggunakan modul ini, MBPK MP diharap dapat menguasai kemahiran mengemas katil bilik tetamu seperti yang diharapkan pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Analisis data seperti yang dikemukakan di dalam Bab 4 adalah berdasarkan persoalan kajian yang dinyatakan di dalam Bab 1. Pengkaji akan membincangkan dengan lebih mendalam hasil daripada data yang telah selesai dianalisis.

5.3.1 Tahap Keperluan Memodifikasi Modul Operasi Pengemasan bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu dalam Kalangan MBPK MP

Pengkaji telah menjalankan tinjauan terhadap keperluan memodifikasi modul Operasi Pengemasan bagi menentukan tahap keperluan memodifikasi modul asal. Berdasarkan dapatan tinjauan keperluan, tajuk kompetensi unit 01 *Guest Room Preparations* dipilih sebagai modul yang dimodifikasikan dengan menambah nilai melalui penggunaan persembahan interaktif mutimedia power bagi memenuhi tahap keperluan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.

Jadual 4.7 di dalam Bab 4 menunjukkan analisis bagi penilaian modifikasi kandungan modul yang dijalankan oleh pengkaji. Berdasarkan data yang dianalisis, CU 01 *Guest Room Preparations* telah dipilih sebagai modul yang perlu dimodifikasikan. Ini dibuktikan dengan 88.24 peratus responden memilih sangat setuju (skala lima). Hanya 5.88 peratus responden sahaja memilih tidak bersetuju sekiranya komponen ini dimodifikasikan sebagai modul. Memandang terdapat sepuluh subtajuk di dalam CU 01 Guest Room Preparations, maka pengkaji menetapkan untuk memilih aktiviti kerja 05: *Make Up Guest Bed* sebagai tajuk modul. Sementara itu, 2.94 peratus responden sahaja yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memilih sangat setuju (skala lima) pada CU02 *Housekeeping Guest Service* untuk dimodifikasikan sebagai modul. Data menunjukkan tiada responden iaitu kosong peratus memilih setuju (skala lima) pada CU03: *Public Area and Facilities Maintenance,* CU04*: Laundry and linen Services* CU04*: Laundry and linen Services,* CU05*: Housekeeping VIP Services,* CU06*: Housekeeeping Quality Inspections,* CU07*: Housekeeping Inventory and Stock Control* dan CU08*: Housekeeping Staff Administrations.*

Analisis keperluan yang telah dijalankan ternyata selaras dengan pernyataan dari Samni, Abdul Razaq dan Mohd Mahzan (2015) dan Aliza dan Zamri (2015) yang menyatakan bahawa analisis keperluan adalah aspek penting dalam pembangunan modul untuk memastikan modul yang dibina memenuhi keperluan dan bermanfaat kepada pengguna.

Tahap keperluan memodifikasi modul diukur berdasarkan dapatan tinjauan yang dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik. Fasa ini selari dengan pernyataan daripada Sollah dan Mohamad (2016) yang menyatakan borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan data. Data yang dikumpul telah menunjukkan terdapat keperluan untuk memodifikasi modul asal. Langkah yang dijalankan oleh pengkaji adalah selaras dengan pernyataan daripada Mohd Izwan , Sidek , Jamaludin dan Wan Marzuki (2017) dan Mohd Nazri, Ramlee, Nik Azimah dan Rosnidar (2017) yang menyatakan analisis keperluan dilakukan untuk mengetahui tahap keperluan pembinaan modul pada fasa pertama kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, menjalankan tinjauan bagi mengenalpasti tahap keperluan memodifikasi modul asal adalah langkah utama yang perlu dijalankan oleh pengkaji dalam proses pembinaan modul. Pengkaji berpendapat analisis yang dijalankan dapat menentukan tahap keperluan modifikasi modul yang tepat sebelum modul dimodifikasi untuk golongan sasaran. Analisis keperluan yang dijalankan menjamin kualiti modul yang dibangunkan selari dengan keperluan golongan sasar dan secara tidak langsung dapat mencapai objektif yang disenaraikan bertepatan dengan keperluan kehendak golongan sasar.

5.3.2 Tahap Kesahan Modul *MakeUpBed* bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu dalam Kalangan MBPK MP

Kajian ini melibatkan penilaian tahap kesahan modul yang dibangunkan. Pengkaji kemudiannya telah menjalankan analisis kesahan kandungan modul selepas mengumpul dapatan daripada pakar yang dilantik. Langkah yang dijalankan oleh pengkaji ini disokong oleh Aliff, Gamal, Norkhairiah dan Chua (2015) yang menyatakan dua kaedah kesahan yang dijalankan ialah kesahan muka dan kesahan kandungan oleh penilai luar. Ini bermaksud, sesuatu instrumen itu boleh dianggap sah jika dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Para penilai yang berkelayakan dalam bidang kajian telah dilantik untuk meneliti modul seterusnya memberikan cadangan, pandangan dan komen sebagai penambah baik modul yang dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menjalankan pengukuran tahap kesahan modul menggunakan instrumen penilaian kesahan modul sebagai alat ukur. Pengukuran ini menepati pernyataan yang telah di buat oleh Noraini (2013) yang menyatakan kesahan ialah mengukur apa yang sepatutnya diukur atau apa yang kita ingin ukur serta instrumen yang digunakan mesti mampu mengukur dengan tepat.

Jadual 4.10 menunjukkan peratusan nilai kesahan pakar yang dianalisis melalui penilaian yang telah dijalankan oleh pakar. Berdasarkan analisis peratus nilai kesahan pakar yang dijalankan, tahap kesahan bagi modul *MakeUpBed* ialah 90.6 peratus. Pengkaji merumuskan Modul *MakeUpBed* yang dibangunkan mempunyai tahap kesahan yang tinggi berdasarkan nilai kesahan yang melebihi 70 peratus. Pernyataan ini disokong oleh Haradhan (2017) yang menyatakan kesahan ialah berkaitan apa yang diukur dan berapa baik ia boleh mengukurnya serta pernyataan Lily, Maimun, Ashinida dan Mus'ab (2018) yang menyatakan instrumen yang sahih membolehkan pengukuran diukur dengan kejituan yang diharapkan.

Hasil dari analisis yang dijalankan dari penilaian kesahan modul jelas menunjukkan modul yang dibangunkan sangat bersesuaian dengan tahap kognitif, menepati golongan sasaran, masa yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti serta dapat membantu meningkatkan prestasi murid murid bekeperluan khas masalah pembelajaran. Dapatan ini bertepatan dengan pernyataan Creswell (2016) yang menyatakan prosedur kesahan melibatkan keseluruhan strategi yang digunakan oleh pengkaji untuk mengukuhkan kredibiliti kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, kesahan yang telah dijalankan oleh kumpulan pakar dalam bidang kajian membuktikan modul yang dihasilkan adalah sebuah modul yang berkualiti dengan memiliki elemen mutimedia yang sesuai untuk kegunaan golongan sasar iaitu murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran. Nilai kesahan yang didapati daripada analisis yang dijalankan menentukan tahap kesahan modul yang dibangunkan.

5.3.3 Tahap Kebolehpercayaan Modul *MakeUpBed* bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu dalam Kalangan MBPK MP

